



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 04 DISEMBER 2014 ( KHAMIS )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak  
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Kusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA.,  
PPT.

**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Encik Jurasmadi bin Pauzi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Izal Izlan bin Misnon  
Encik Ramli bin Shaiai  
Encik Mohd. Redzuan bin Adam  
Encik Mohd. Saifulnizam bin Hasmawi  
Encik Ahmad Hafizan Yusof  
Encik Shahzrin bin Dzahari  
Encik Ibrahim bin Mat Mom  
Encik Hairudin bin Omar

### **Pelapor Perbahasan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

( Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir rahmanir rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi mesyuarat ketiga penggal kedua dewan negeri Selangor ke-13 pada hari yang ke-9 , 4 Disember 2014 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi semua. Saya jemput Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Puan Speaker, soalan 173.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH  
(BANGI)**

**TAJUK: TEMPOH LANJUTAN PAJAKAN TANAH DAN KADAR  
PREMIUM**

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :-

a) Berapa lamakah Kerajaan Negeri melanjutkan tempoh pajakan tanah bagi pemilikan yang sudah tamat tempoh 99 tahun dan berapakah kadar premiumnya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Y.B. Bangi. Untuk makluman YB tempoh pajakan tanah di negeri Selangor adalah berdasarkan Kanun Tanah Negara 1965 dan tempoh pelanjutan bagi pajakan yang sudah tamat adalah selama 99 tahun, atau bergantung pada permohonan bagi kegunaan tanah yang dipohon. Berhubung kadar premium tanah yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri ia adalah seperti berikut:

Mengikut kaedah Tanah Selangor 2003 pindaan 2005, bagi jenis perniagaan, kadar premium nya ialah  $\frac{3}{4} \times \frac{1}{100} \times$  nilai tanah yang diluluskan x 99 tahun, dan juga keluasan.

Bagi Industri :  $\frac{3}{4} \times \frac{1}{100} \times$  nilai tanah yang diluluskan x 99 tahun, berdasarkan keluasan.

Begitu juga dengan tanah pertanian : Kelapa sawit, kalau sekiranya ia berada Dalam Bandar : RM2000.00 sehektar, Luar Bandar :RM1000.00 sehektar. Jangka panjang atau Dusun, Dalam Bandar Rm800-00 sehektar. Luar Bandar RM500-00 sehektar. Untuk jangka pendek bagi penanaman padi, Dalam Bandar RM300-00 sehektar, Luar Bandar RM100-00 sehektar. Dan ternakan Dalam Bandar :RM2000-00 sehektar, dan Luar Bandar RM1000-00 sehektar.

Walau bagaimanapun, berkuat kuasa mulai tahun 2011, Kerajaan Negeri telah memberi insentif kepada pemilik tanah yang telah tamat tempoh pajakan melalui Pekeliling PTGS bilangan 6 Tahun 2011 seperti berikut:

Bagi kediaman :  $\frac{1}{4} \times \frac{1}{100} \times$  nilai tanah yang diluluskan x 99 tahun dan keluasan. Bayaran premium hendaklah dibayar dalam tempoh 6 bulan dari tarikh Notis Borang 5A diterima. Pemohon diberi insentif ke atas bayaran yang dibuat secara sekali gus dalam tempoh masa 6 bulan dengan pemberian diskaun sebanyak 30% daripada premium yang dikenakan atau pemohon menjelaskan bayaran premium nominal pada kadar RM1000-00 bagi setiap hak milik dan bayaran khas akan dikenakan apabila tanah tersebut hendak di pindah milik melalui proses jual beli seperti formula di atas. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Terima kasih Speaker, terima kasih YAB Menteri Besar. Saya ingin menarik perhatian tentang keadaan dua tanaman yang mengalami masalah harga iaitu getah dan padi. Tapi saya fokus pada padi lah. Ada rungutan ramai di kalangan pesawah-pesawah mengatakan bahawa kadar padi tidak pergi jauh sebab dikawal oleh BERNAS. Mereka mohon supaya negeri boleh, tidak mempertimbangkan kadar sewa direndahkan sedikit daripada

yang sedia ada. Soalan saya sama ada Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan perkara itu. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih YB Bangi atas keprihatinan mewakili pesawah-pesawah padi yang mengalami masalah oleh sebab harga padi yang dikuasai oleh BERNAS. Walau bagaimanapun saya telah nyatakan tadi kaedah yang kita , kadar premium yang ditetapkan ini adalah mengikut kaedah Tanah Selangor 2003, pindaan 2005. Iaitu bagi jangka pendek penanaman padi, kalau sekiranya dalam Bandar 300-00 sehektar, Luar Bandar RM100.00 sehektar. Cadangan Yang Berhormat tadi untuk Kerajaan Negeri pertimbangkan boleh saya bawa didalam perbincangan MMKN berdasarkan suasana harga pasaran padi pada ketika ini. Terima kasih Y.B.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih. Soalan Tambahan. Berkenaan dengan premium tanah ini, saya menyambut baik kerajaan bagi nominal RM1000.00 untuk yang tak mampu bayar. Apa yang ingin saya panjangkan ialah berkenaan dengan premium di kampung-kampung baru, bagan dan sebagainya. Premiumnya kalau dibanding dengan waktu Kerajaan yang lepas, ia beza jauh. Beza jauh kadarnya. Jadi adakah kerajaan bercadang mengkaji semula tentang premium yang dikenakan sekarang ini khususnya premium di kampung-kampung Baru. Sekian, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih YB Sekinchan. Saya mengambil maklum kerana dalam pertemuan saya dengan beberapa Ketua-ketua Kampung, baru juga perkara yang sama dibangkitkan. Dan makluman, maklum balas ini telah pun kita sampaikan kepada pihak PTG untuk pertimbangkan dan saya kira selaras dengan hasrat YB Bangi dan YB Sekinchan tadi, perkara ini akan diambil maklum dan sedang pun diteliti oleh pihak PTG untuk pertimbangan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan 174. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK : PORTFOLIO HAL EHWAL WANITA**

174. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah dasar dan perancangan portfolio Hal Ehwai Wanita bagi tahun 2015?
- b) Bagaimanakah prestasi pencapaian EXCO hal Ehwai Wanita sepanjang tahun 2014?
- c) Apakah pencapaian ini memuaskan kerana berlakunya kemelut kerusi Menteri Besar dan pemecatan EXCO?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Hulu Bernam, Puan Speaker, Jawatankuasa Tetap Hal Ehwai Wanita dan Keluarga akan meneruskan dasar-dasar wanita negeri Selangor yang telah dilaksanakan sehingga kini. Perancangan pada tahun 2015 adalah untuk meningkatkan pembedayaan wanita Selangor dengan program-program yang telah dirangka khusus untuk wanita melalui pusat wanita berdaya, berdasarkan 12 fokus ataupun bidang. Pembedayaan wanita Selangor menekankan bidang-bidang fokus jangka pendek dan sederhana, yang akan meningkatkan kualiti hidup wanita sama ada di tempat kerja, di dalam komuniti, sebagai ahli masyarakat dan sebagai warganegara. Bidang-bidang fokus yang dikenal pasti adalah kesihatan, keluarga, ekonomi, pekerjaan dan sektor informal, sukan dan rekreasi, pendidikan dan latihan, sosial, budaya dan agama, hak keselamatan dan undang-undang, politik dan pembuatan keputusan, melonjakkan daya upaya wanita intelektual dan profesional, pengarusutamaan gender, dan bajet gender, teknologi, sains dan alam sekitar. Jawatankuasa Hal Ehwai Wanita dan Keluarga mengambil pendekatan untuk menjalin hubungan baik bersama para aktivis, pimpinan wanita, para ahli akademik, profesional dan pemimpin politik dalam pelbagai arena agar dapat digembleng aktivisme dan segala kepakaran sedia ada bertujuan memberi impak dan kesan positif maksimum terhadap usaha memberdayakan wanita Selangor. Antara fokus utama, yang

utama menaikkan taraf ekonomi wanita, atau disebut sebagai ekonomi hawa, kedua, ke arah mencapai 30% kepimpinan wanita di peringkat pembuat keputusan. Dan ketiga, program-program advokasi gender seperti belanjawan responsif gender, dan mengarusperdana gender. Manakala antara program *high impact* yang dicadangkan untuk 2015 adalah Selangor International Muslimah Fashion Festival, Konvensyen Wanita Selangor serta jejak memosel ataupun saringan memo gram bergerak.

b) Sepanjang tahun 2014, jawatankuasa tetap wanita dan keluarga telah melaksanakan pelbagai program-program wanita yang telah pun dirancang bagi SKT 2014 melalui pusat wanita berdaya telah menerima 6 permohonan untuk menganjurkan program-program antaranya dari PWB DUNS. Burung, Jeram, Sijangkang, Meru, Morib dan Sg. Air Tawar. Selain daripada itu, kita juga berjaya menganjurkan 8 kali sesi kursus kemahiran jangka pendek, seperti kraf tangan, pembuat kek, deko kek, sulaman reben, seramik, jahitan manik, masakan nasi arab, jahitan baju kurung, membuat roti, manik 3D dan berbagai-bagai lagi. Kita juga menganjurkan satu seminar keusahawanan negeri Selangor pada 21 Oktober yang lepas. Sambutan Hari Wanita peringkat negeri Selangor turut mencapai sasaran apabila berjaya mengumpulkan kira-kira 1000 wanita di seluruh negeri Selangor. Majlis pelancaran Hari Wanita yang bermula pada 7 Mac di Kajang, Sambutan Hari Wanita dengan *Women Marathon* pada 3 hingga 15 Mei di Shah Alam. Sambutan Hari Ibu dengan tajuk 'Cabaran Ibu Muda Berkerjaya' dan akhirnya pada 20 Mei di Dewan Kompleks Belia dan Kebudayaan Seksyen 7 Shah Alam. Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita juga berjaya melaksanakan 4 program kempen kesedaran keganasan wanita di 4 daerah iaitu di Kajang, di Majlis Perbandaran Subang Jaya, Kuala Langat dan Dewan Sri Bernam. Kempen Wanita Selangor sihat, kita juga laksanakan di 3 tempat iaitu kempen gaya hidup sihat di Gombak, Hari Kanser Sedunia di MPBJ, dan kesihatan wanita saringan payudara bergerak di SUK baru-baru ini di dewan Annex pada 12 dan 13 November yang lepas. Selain daripada itu, program ramah mesra EXCO wanita bersama wanita turut berlangsung antaranya program sumbangan sepanjang ramadhan, *reduce day* pada 21 Jun dan ziarah medik ke hospital Serdang serta sumbangan kek OSCC di hospital tersebut. Kita juga menganjurkan 3 kali sukan wanita. Antaranya adalah kejohanan

sukan antara JAKIM, senamrobik dan badminton serta pertandingan bola jaring.

C) Walau pun berlaku kemelut kerusi MB dan pemecatan EXCO sepanjang pertengahan bulan Ogos hingga hujung September, pencapaian program-program jawatankuasa tetap wanita tidak terjejas kerana ia dipangku oleh , dipangku tugas oleh EXCO Pendidikan, iaitu YB Selat Klang ketika itu bagi memastikan program-program berjalan lancar mengikut sasaran kerja yang telah ditetapkan .

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam dulu.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Dalam bajet 2015 YAB Menteri Besar ada menyatakan bahawa ada satu strategi yang khusus bagi mempedayakan ekonomi kaum hawa si bidang keusahawanan . Jadi saya ingin bertanya berapakah jumlah peruntukan sebenar bagi strategi ini dan berapa peratuskah golongan wanita yang disasarkan daripada masyarakat bandar dan luar bandar. Terima kasih Puan Speaker.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih kepada Hulu Bernam. Sebenarnya kita akan membuatkan satu *Retreat* untuk jawatankuasa hal ehwal wanita dan disitulah kita akan merangka, rangka kerja SKT untuk 2015. Jadi buat masa ini kita belum dapat untuk memberikan makluman ataupun maklum balas tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih YB Speaker. YB EXCO terima kasih. Tadi dinyatakan senarai 12 bidang, skop program tapi saya tak tangkap adanya kerjasama dengan NGO, penglibatan NGO, antara lain khususnya WIRDA dan PEKAWANIS. Dan keduanya ingin saya timbulkan adalah dari segi indusemen penampilan program wanita Selangor, eloklah ditampilkan melalui kerjasama KOMAS, melalui *freedom* filem festival. Adakah rancangan pihak EXCO untuk melaksanakan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Hulu Kelang, program-program 12 bidang fokus yang kita akan laksanakan bagi

pembudayaan wanita ini nanti, sememangnya kita akan melibatkan tadi yang saya sebut dengan menjalinkan hubungan baik bersama para aktivis, pemimpin wanita, para ahli akademik, profesional, pemimpin politik dan juga NGO-NGO. Dan memang kita akan bersama dengan pihak Pekawanis dalam beberapa program-program. Contoh program-program kesihatan memang kita akan bersama dengan pihak Pekawanis. Terima kasih pada Hulu Kelang memberi ingatan untuk melibatkan NGO dan juga semua yang terlibat.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang boleh pasang *mic* tak dengar.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Selalu sangat pakai, Freedom Film Festival, bagaimana pendekatan EXCO Wanita.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Video Film Festival, ah Freedom Film Festival akan dimasukkanlah di dalam, saya kira yang itu tidak termasuk di dalam bidang fokus ini, tetapi saya mengambil maklum dan saya mohon Hulu Kelang untuk memberikan maklum balas tersebut kepada Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita, terima kasih.

**Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya Hulu Bernam.

**Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR:** Ok, saya ingin mendapatkan kepastian berapakah jumlah peruntukan yang khusus dalam bidang memperbudaya wanita atau pun kaum hawa dalam bidang keusahawanan. Saya rasa ini ada dalam Bajet 2015. Dan saya minta EXCO menjawab secara tepat soalan saya ini, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Hulu Bernam, bajet untuk pemberdayaan wanita adalah sejumlah RM1 juta. Di bawah RM1 juta itu, yang itulah yang akan kita melaksanakan SKT (Sasaran Kerja Tahunan) dan juga bidang-bidang yang kita akan fokus dan apabila mungkin *next* sidanglah, *Insyah-Allah* ya, saya akan memberikan jawapan tersebut sebab ia masih dalam perancangan dan kita belum lagi melaksanakan SKT tersebut. Jadi selepas kita balik daripada *retreat* dan kita telah pun ada Sasaran Kerja Tahunan 2015 barulah kita boleh memberikan maklumat secara tepat tentang bajet yang diperuntukkan untuk keusahawanan wanita, terima kasih.

**Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR:** Puan Speaker, boleh saya tanya.

**TUAN SPEAKER:** Tak saya rasa dua soalan tambahan sudah Hulu Bernam. Saya sudah benarkan dua soalan tambahan tadi. Ada lagi satu?

**Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR:** Satu saja. Saya ingin bertanya apakah RM1 juta itu memadai untuk usahawan wanita yang ramai di Selangor ini. Sepatutnya bukan bajet seperti itu, RM1 juta tidak cukup, saya cadangkan ditambahlah untuk usahawan wanita bagi memperdayakan ekonomi wanita di Selangor ini, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Hulu Bernam, saya amat menghargai pandangan daripada Hulu Bernam yang melihat bahawa bajet untuk wanita RM1 juta tidak memadai tetapi di bawah program-program Kerajaan Negeri kita ada pelbagai lagi program-program lain untuk wanita dan juga semua rakyat Selangor. Antaranya adalah daripada SkimSel yang mana ia lebih terarah dan tertuju untuk pembangunan usahawan wanita dan juga daripada MIMBAR. Jadi di situlah wanita boleh kita anjakkan ekonomi mereka melalui program-program keusahawanan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sri Andalas tidak hadir. Soalan 176 telah dijawab bersekali dengan soalan 139. Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Puan Speaker, soalan saya No. 177.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : PROGRAM WARGA EMAS SIHAT & PRODUKTIF**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan tempat tertentu yang mempunyai kemudahan dan peralatan kesihatan bagi warga emas bertemu, beriadah dan menjalankan aktiviti bermanfaat bagi mengekalkan kecerdasan dan terus produktif.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Dusun Tua. Dusun Tua bertanya tentang Program Warga Emas Sihat & Produktif. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandar raya Shah Alam telah menyediakan sebuah Kompleks Warga Emas yang terletak di Seksyen 24, Shah Alam sebagai tempat untuk golongan warga emas ini beriadah dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat sesama warga emas. Penubuhan kompleks ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri yang prihatin ke atas golongan warga emas yang tinggal di kawasan bandar untuk memberi ruang kepada mereka menjalankan aktiviti dan juga bersosial sesama mereka. Penubuhan kompleks ini wajar dilihat dan dijadikan sebagai contoh yang baik kepada PBT yang lain untuk menyediakan pusat riadah bagi golongan warga emas melalui peruntukan sedia ada. Antara lain yang dilaksanakan di PBT lain ialah kompleks warga emas yang terdapat di MPSJ yang dilengkapi dengan kemudahan ruang aktiviti, istirahat dan perpustakaan yang diuruskan serta dipantau sepenuhnya oleh Bahagian Khidmat Masyarakat Majlis Perbandaran Subang Jaya secara percuma. Selain itu beberapa taman-taman rekreasi yang berada di bawah PBT juga menyediakan peralatan dan kemudahan untuk golongan warga emas ini berekreasi dan beriadah. Dan melakukan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat sebagai contohnya seperti padang taman rakyat di Seri Andalas Klang, Taman Tasik Shah Alam, mereka boleh bertaiichi, Taman Rekreasi Petaling Jaya dan sebagainya. Dan mungkin juga mereka boleh *jogging* secara perlahan jadi itu antara atau pun tempat-tempat untuk warga emas boleh berekreasi. Usaha-usaha menyediakan dan membuat penambahbaikan terhadap kemudahan yang sedia ada juga akan dilaksanakan bagi memastikan golongan warga emas dapat beriadah dan menikmati kemudahan dengan selesa.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Memandangkan warga emas kian meningkat apakah kerajaan bersedia untuk membina Pusat Jagaan Warga Emas atau pun *Retirement Home*.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kota Anggerik untuk cadangan daripada Kota Anggerik, adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menubuhkan Pusat Jagaan Warga Emas. Buat masa

kini kita belum bercadang lagi dan kita juga mengharap agar semua anak-anak menjaga ibu dan ayah mereka dengan baik jadi supaya mengurangkan ibu-ibu atau pun warga emas ini dihantar ke pusat-pusat jagaan warga emas.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Yang Berhormat. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyebar luaskan lagi tempat-tempat seperti mana yang disebut tadi ini di setiap PBT-PBT di Negeri Selangor ini.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Dusun Tua. Buat masa ini kita belum lagi mendapat makluman atau pun maklum balas kerana ianya adalah diuruskan oleh pihak PBT, jadi mungkin *Insyah-Allah* pihak Kerajaan Negeri akan mencadangkan kepada PBT-PBT sedia ada untuk mengadakan pusat-pusat seperti ini sekiranya tidak besar mungkin kecil, mencukupi untuk kita carter dengan izin warga-warga emas ini untuk mereka bertemu, bersosial dan mungkin mereka boleh mengembangkan atau pun menurunkan ilmu-ilmu atau pun pengalaman-pengalaman mereka kepada generasi yang lebih muda. Jadi cadangan tersebut dipertimbangkan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Puan Speaker, soalan No. 178.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : CAWANGAN KERAJAAN TEMPATAN**

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan cawangan-cawangannya di setiap PBT bagi memudahkan rakyat melakukan sebarang urusan?

- b) Nyatakan bilangan kakitangan dan kos penyelenggaraan di setiap cawangan berikut?
- c) Adakah Kerajaan Negeri melakukan kajian perkhidmatan efektif di setiap PBT memandangkan populasi penduduk bertambah, terutama kepada kawasan yang luas?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Puan Speaker terima kasih kepada Kota Damansara. Secara ringkas MBSA ada tiga cawangan untuk cawangan perkhidmatan. Ada 3, MBPJ tak ada, MPK kita ada 4, MPSJ 2, MPS 3, MPKJ 2, MPSP 3, MDKL 1, MDHS 1. Jumlahnya di seluruh Negeri Selangor di cawangan-cawangan PBT adalah 18. Nanti saya akan bagi jawapan secara lisan kepada Yang Berhormat secara butiran. Dan jumlah staf adalah sebanyak 1,833 orang dan jumlah kos penyelenggaraan adalah sebanyak RM1,411,714.96 nanti saya akan bagi dan juga alamat cawangan dan saya juga akan bagi kepada Yang Berhormat nanti.

Kerajaan Negeri telah melaksanakan kaji selidik penilaian asas untuk menambah baik prestasi Pihak Berkuasa Tempatan yang dilaksanakan oleh Merdeka Centre for Opinion Research Sdn Bhd pada 16 Mei 2014 sehingga 6 Julai 2014 di lapan PBT yang berstatus Bandar raya dan Perbandaran bagi mengkaji prestasi PBT dan seterusnya mengenal pasti isu-isu dan masalah serta langkah penyelesaian bagi penambahbaikan penyampaian perkhidmatan secara keseluruhannya. Responden kepada kaji selidik menyatakan bahawa prestasi PBT adalah memuaskan di mana 62% responden menyatakan berpuas hati terhadap prestasi PBT, sekian.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima kasih Puan Speaker, soalan tambahan saya adalah saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, saya difahamkan bahawa cawangan-cawangan PBT ini tidak mempunyai peruntukan khas untuk menyelesaikan masalah tempatan dengan segera, adakah itu benar.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Paya Jaras. Semua aduan atau pun maklumat yang disalurkan kepada, yang dilaporkan kepada cawangan ini akan terus salur kepada PBT-

PBT masing-masing. Dan PBT masing-masing akan cuba sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah masyarakat di peringkat rakyat. Tiada isu tentang peruntukan yang tidak dibagi kepada cawangan kerana cawangan ini memang sebahagian daripada sistem PBT masing-masing.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Soalan tambahan, adakah pihak kerajaan ada merancang untuk penambahan cawangan-cawangan terutama di kawasan di mana kepadatan penduduknya bertambah terutama di kawasan Majlis Bandar raya Petaling Jaya.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Perancangan itu adalah bergantung kepada kesesuaian atau pun keperluan di peringkat PBT masing-masing dan juga maklum balas daripada masyarakat itu. Saya serah kepada perancangan di peringkat PBT dan juga Yang Berhormat boleh bagi cadangan jika perlu. Boleh bagi cadangan kepada MBPJ supaya mereka tambah satu lagi cawangan untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat, sekian.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 179 telah dijawab sekali dengan soalan 50. Soalan 180 telah dijawab sekali dengan soalan 172. Soalan seterusnya Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima kasih Puan Speaker, soalan saya 181.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK: KEBAJIKAN DAN PELUANG MELANJUTKAN  
PEMBELAJARAN UNTUK GURU-GURU KAFA DAN  
SEKOLAH AGAMA JAIS**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah terdapat cadangan untuk membiayai pendidikan guru-guru KAFA untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA?

- b) Adakah IPT milik penuh Kerajaan Negeri akan bekerjasama untuk menawarkan program pendidikan kepada guru KAFA?
- c) Adakah terdapat cadangan Kerajaan Negeri untuk menyerap guru KAFA dalam Kerajaan Negeri?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Puan Speaker. Paya Jaras bertanya berkaitan dengan kebajikan dan peluang melanjutkan pembelajaran untuk guru-guru KAFA dan sekolah agama Jais. Buat masa ini kita belum ada lagi cadangan untuk pembiayaan pendidikan kepada guru-guru KAFA untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA. Dan setakat ini telah ada hubungan kerjasama di antara KUIS dan UNISEL dalam program diploma dan juga ijazah pendidikan. Dan untuk soalan yang ketiga sama ada cadangan Kerajaan Negeri untuk menyerap guru-guru KAFA dalam Kerajaan Negeri dan setakat ini juga tidak ada. Walau bagaimana pun, guru-guru KAFA yang telah memenuhi syarat dan lantikan termasuk Diploma Perguruan Lepas Ijazah layak untuk memohon jawatan ke Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sama ada tetap atau pun kontrak, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima kasih Puan Speaker, soalan tambahan saya adalah adakah wujud satu seksyen yang memantau kebajikan guru-guru KAFA di dalam Kerajaan Negeri yang pertamanya. Yang kedua apakah Kerajaan Negeri bersedia menyediakan satu *Task Force* untuk melihat kepada semua isu-isu KAFA yang ada di Negeri Selangor ini kerana kita lihat isu KAFA ini sering dibangkitkan dalam Dewan dan selalu tertinggal.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Saya ingat ada dua isu di sini, satu mungkin berkaitan dengan kalau pendidikan sekolah rendah KAFA atau pun yang ini adalah di bawah pentadbiran Jawatankuasa Penduduk atau pun yang menubuhkan sekolah-sekolah kelas fardu ain ini, sekolah agama rakyat. Tetapi dalam sudut guru-guru KAFA itu sendiri saya kira tidak, setakat ini tidak ada satu bahagian khusus yang melihat kepada kebajikan guru. Cuma di peringkat Kerajaan Negeri kita sudah memikirkan bagaimana guru-guru KAFA ini juga perlu dipertingkatkan daripada segi emolumen atau

pun gaji mereka. Dan kita seperti mana yang sedia maklumkan sebelum ini satu kajian telah dilakukan di peringkat negeri dan kita hanya menunggu kepada Jawatankuasa yang kita pertanggungjawabkan untuk di bentangkan hasil daripada kajian itu untuk melihat bagaimana cara untuk kita menambahkan kita meningkatkan gaji kepada guru-guru ini supaya sekurang-kurangnya mereka dapat juga sedikit sebanyak kebajikan mereka ini dilihat di peringkat Kerajaan Negeri. Soalan yang kedua?

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Adakah kerajaan bersedia menyediakan *Task Force* untuk melihatkan masalah KAFA ini.

**YB TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** *Insyah-Allah* saya kira ini satu perkara yang baik yang mana saya lihat di peringkat Kerajaan Negeri mungkin boleh melihat ini secara keseluruhan dan kita melihat guru-guru KAFA ini walaupun sebahagiannya juga mendapat peruntukan daripada Kerajaan Negeri perlu juga kita melihat perkara yang lain termasuklah bagaimana kita dapat melihat tambah nilai keupayaan guru-guru itu daripada segi dia memberikan pendidikan kepada anak-anak kita dan kita juga melihat saya ingat yang ini ada mungkin kita *revised* hala tuju pendidikan ini di Selangor. Saya melihat hari ini kita tidak mahu beban pendidikan yang kita berikan kepada anak-anak kita menjadi satu bebanan yang cukup terasa pada anak-anak kita contohnya mungkin ada satu pemikiran yang kita boleh lihat bagaimana sekolah satu sesi ini dilihat kerana di peringkat Kerajaan Negeri juga kita ada sekolah-sekolah yang boleh dijadikan sebagai rujukan seperti SRAI yang mengintegrasikan pendidikan agama dan pendidikan akademik yang akhirnya memberikan impak yang baik kepada anak-anak kita dan guru-guru ini sudah tentulah harus dikeupayakan terutama guru-guru KAFA yang memberikan pendidikan di sekolah-sekolah seperti ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**YB TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD:** Sungai Panjang Tuan Speaker, 182.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : PORTFOLIO PEMBANGUNAN USAHAWAN**

182. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah dasar dan perancangan program untuk memantapkan pembangunan usahawan tahun 2015?
- b) Bagaimana pencapaian portfolio ini sejak tahun 2008?
- c) Apakah pencapaian usahawan-usahawan yang telah dibantu selama ini?

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Sungai Panjang atas soalan yang dikemukakan. Pertama pada tahun 2015 sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Menteri Besar dalam pembentangan belanjawan, Kerajaan Negeri akan sedikit memfokuskan dalam Pembangunan Usahawan ini kepada Pembangunan Usahawan Ekonomi Hawa dan Anak Muda dan sudah pasti ada beberapa perkara yang kita kemukakan. Yang pertamanya iaitu berkenaan Pembangunan Usahawan Digital ataupun *Digital Entrepreneur* dan ia akan bersesuaian dengan pelaksanaan AEC yang disebut sebagai *Asian Economic Community* yang akan berlangsung pada tahun 2015 dengan pasaran yang boleh mencapai sehingga 600 juta pengguna dan mampu untuk menggerakkan kitaran ekonomi sebanyak 3 Trillion USD Ringgit Malaysia. Justeru pihak Kerajaan Negeri akan memfokuskan program-program Pembangunan Usahawan terhadap program-program untuk peningkatan maklumat dan juga pengetahuan berkenaan dengan program Keusahawanan dan sebagainya. Yang kedua membina jaringan-jaringan melalui Teknologi Maklumat dengan kursus-kursus untuk meningkatkan pemasaran mereka melalui Facebook dan juga Media Sosial itu yang sangat popular pada waktu ini termasuk kesediaan Kerajaan Negeri menyediakan satu platform ataupun yang dipanggil sebagai *Selangor Entrepreneur Platform* yang akan memberi ruang yang lebih banyak kepada usahawan-usahawan Negeri Selangor, memasarkan pasaran

mereka ataupun produk-produk mereka melebihi sempadan yang ada dalam negara kita iaitu sempadan yang dalam negara kita. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita juga akan memastikan supaya usahawan-usahawan ini kita naik tarafkan melalui program-program pembangunan usahawan kita sama ada melalui bantuan modal dan juga bantuan-bantuan sumbangan Dana Industri Kampung kita jenamakan semula kepada Dana Usahawan Micro pada tahun 2015.

Untuk soalan B, pada tahun sejak tahun 2008 kita Kerajaan Negeri telah membantu seramai 24,794 orang dan daripada temu duga dan lawatan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri terhadap mereka yang dibantu majoriti daripada penerima-penerima yang menerima bantuan tersebut boleh dikatakan mereka dapat meningkatkan pemahaman dan pengetahuan mereka.

Untuk Soalan C, yang kita buat pada semua 24,000 ataupun sebahagian besar daripada yang kita laksanakan kita dapati mereka telah mampu meningkatkan pendapatan mereka sekitar 30-40% daripada pendapatan sebelum menyertai kursus dan program-program keusahawanan. Yang kedua, mereka lebih memahami konsep keusahawanan, asas-asas keusahawanan dan berkeyakinan untuk mempromosikan produk perkhidmatan mereka dan mempunyai kemahiran, persembahan ataupun *presentation* dan lebih terdedah kepada pasaran *open market* dan malahan baru-baru ini ketika sidang dewan ini pun Kerajaan Negeri melalui UPEN kita melaksanakan program latihan kepada usahawan-usahawan bagaimana melaksanakan pemborongan di Vietnam dan di China. Ini kita telah laksanakan pada daripada tahun ini dan kita akan teruskan pada tahun hadapan. Terima kasih.

**YB TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**YB TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Bagaimana dengan pecahan industri yang mungkin boleh antara yang paling dibantu atau antara yang paling menarik daripada segi sektor ini dari segi bantuan dan industri bagaimana.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Saya minta notis untuk perkara ini sebab tak ada yang *detail* jadi saya minta bukakan kepada Sungai Panjang secara bertulis nanti. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan 183.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK : MASALAH RUMAH URUT HARAM YANG TERLALU  
BANYAK SEOLAH-OLAH TIADA KAWALAN**

183. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasinya supaya ia dapat di bendung.
- b) Apakah wujud kerjasama dengan agensi lain seperti pihak polis dan jika ada nyatakan operasi yang telah dilakukan mengikut PBT?

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Sri Muda. Tindakan sitaan telah diambil di bawah peruntukan undang-undang kecil pusat kecantikan kepada premis yang menjalankan perniagaan rumah urut tanpa lesen dan sekiranya melanggar syarat lesen tindakan penutupan premis akan dilakukan. Kerjasama di antara agensi lain turut diadakan bagi membanteras permasalahan bersama dan berlaku bersama dengan pihak PDRM, Imigresen dan JAIS iaitu dengan menjalankan operasi bersama dan mengambil tindakan kepada pengusaha yang melanggar syarat lesen. Operasi PBT yang mendapat kerjasama agensi saya bagi contoh seperti di MBSA 65 operasi bersama dengan Polis ,Imigresen, dan JAIS telah dilakukan. Di MBPJ 31 operasi bersama pihak Polis, 43 operasi bersama dengan Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia, 1 operasi bersama Agensi Antidadah Kebangsaan, 1 operasi bersama Jabatan JAIS, 8 operasi bersama dengan PDRM, Imigresen dan JAIS.

Itulah adalah contoh-contoh yang saya bagi kepada Yang Berhormat Sri Muda mengenai tindakan yang telah diambil oleh PBT.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Soalan tambahan Tuan Speaker, kita dapati walaupun ada kekerapan dilakukan, serbuan dilakukan tetapi apakah yang menyebabkan selepas 2 hari serbuan pusat yang diserbu itu dibuka semula. Apakah tidak ada pemantauan dari Pihak Berkuasa Tempatan?

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, memang ada isu tentang apa yang dibangkitkan oleh Sri Muda tadi bahawa tindakan ataupun sitaan telah diambil terhadap pusat tersebut tapi mungkin satu minggu dua tiga hari mungkin tak berapa elok tapi saya ingat satu hingga atau sebulan lepas dia akan buka semula itu memang ada insiden yang berlaku. Itu kita bergantung pada maklumat balas daripada penduduk dan juga pihak-pihak yang berkaitan supaya satu tindakan perlu diambil ke atas mereka tetapi Kerajaan Negeri dalam kajian untuk kita mengadakan satu undang-undang supaya PBT boleh rampas premis tersebut jikalau mereka melakukan suatu aktiviti yang haram tersebut. Itu yang kita masih dalam kajian.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 184 telah dijawab bersekali dengan soalan 124. Tanjung Sepat tidak hadir, Dengkil.

**YB TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker, soalan 186.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK :** PERUNTUKAN DARI KERAJAAN PERSEKUTUAN

186. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan jenis-jeni peruntukan tahunan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah untuk setiap jenis peruntukan tersebut?

- c) Adakah peruntukan MARRIS dan peruntukan-peruntukan lain ini dimasukkan ke dalam akaun rizab Kerajaan Negeri yang disatukan?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Dengkil. Sukacita saya memaklumkan bahawa merujuk kepada Akta Perlembagaan Persekutuan terdapat 7 pemberian tahunan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor perincian pemberian Kerajaan Persekutuan berserta jumlah terimaan bagi tahun 2014 adalah seperti berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Pemberian Persekutuan</b>	<b>Terimaan Tahun 2014 (RM)</b>
1	Geran Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS)	Sehingga November 2014 475,620,745.75
2	Geran Pemberian Berdasarkan tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP)	15,959,000.00
3	Geran Pemberian Mengikut Bilangan Orang (Capitation Grant)	64,282,680.00
4	Geran Pembiayaan Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan di Bawah Senarai Bersama	53,100,986.00
5	Geran Pemberian Tahunan kepada Kerajaan Negeri Selangor	25,805,600.00
6	Geran Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% kerana Penglibatan Kakitangan	9,441,416.00

	Kerajaan Negeri dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan	
7	Geran Pemberian Pertambahan Hasil	35,491,040.00
<b>Jumlah Terimaan</b>		<b>679,701,467.75</b>

Kesemua Peruntukan Tahunan yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dimasukkan dan di akaun kan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor. Bagi Geran Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS) dan Geran Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Kesejahteraan Hidup di akaun kan di dalam Akaun Amanah Disatukan dan akaun ini adalah mengikut Ikatan Amanah ataupun Trust Deep manakala lain-lain pemberian Kerajaan Persekutuan ianya diakaunkan di dalam Akaun Hasil Disatukan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebab di atas penerangan yang jelas berkenaan dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar adakah peruntukan-peruntukan Kerajaan Persekutuan ini sebahagian besarnya dimasukkan juga ke dalam pecahan anggaran hasil Negeri Selangor iaitu mungkin juga kalau Yang Amat Berhormat bersetuju dimasukkan ke dalam Hasil Bukan Cukai ataupun kalau Yang Amat Berhormat tidak bersetuju dengan saya di manakah letaknya peruntukan-peruntukan Kerajaan Persekutuan ini di dalam pecahan anggaran Hasil di Negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Dengkil, saya ingin memperbetulkan tidak benar sebahagian besar daripada peruntukan Persekutuan ini dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Kerajaan Negeri seperti yang telah saya

cerakinkan sebentar tadi jumlah terbesar yang diterima oleh Kerajaan Negeri ialah untuk Geran Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS) dan jumlahnya sehingga November 2014 ia adalah 475.6 juta ringgit dan jumlah ini dimasukkan terus ke dalam Akaun Amanah Disatukan dan tidak dimasukkan ke dalam Akaun Hasil dan Akaun Amanah Disatukan saya telah tegaskan sebentar tadi penggunaannya ia mengikut Ikatan Amanah Trust Deep yang perlu dipatuhi oleh Kerajaan Negeri sebelum dibuat sebab itu bagi tahun 2015 kita telah tegaskan penggunaan ini mesti dioptimumkan bagi tujuan khusus untuk penyelenggaraan jalan dan juga skop yang terkandung dalam garis panduan tersebut sebab kita tidak mahu jumlah wang yang besar ini disalahgunakan dan tidak sampai kepada kumpulan sasaran iaitu bagi tujuan dan skop yang telah ditetapkan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Dato' Menteri Besar. Isu yang ingin saya tanya ialah tentang Akta GSA (*Group Settlement Area*) yang melibatkan tanah-tanah FELCRA dan FELDA dan seumpamanya. Adakah terimaan yang diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor daripada Akta GSA ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya kena semak tentang perkara tersebut. Setakat ini yang saya dimaklumkan Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang peruntukan bagi tujuan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 187 telah dijawab bersekali dengan soalan 58. Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan 188.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK : WANITA DAN MASYARAKAT**

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sejauh manakah program PWB telah dilaksanakan di Selangor setakat Oktober 2014?
- b) Berapakah bajet 2015 yang dicadangkan untuk hal ehwal wanita
- c) Berapakah peruntukan Negeri telah dibelanjakan untuk Hal Ehwal Wanita di DUN Teratai setakat Oktober 2014?

**Y.B. PUAN DR. DAYORAH BINTI ALWI:** Terima kasih Teratai. Tuan Speaker, sehingga kini....Kerajaan Negeri telah menubuhkan 44 Pusat Wanita Berdaya di 44 DUN dan telah pun mengadakan pelbagai aktiviti sejak penubuhannya. Aktiviti yang telah dilaksanakan adalah berbentuk berstruktur dan tidak berstruktur bagi memenuhi permintaan wanita-wanita setempat selaras dengan 12 bidang keutamaan yang telah ditetapkan. Antara program berstruktur iaitu melalui teori, syarahan dan pembentangan ialah program kesihatan, program pengurusan kewangan, program aplikasi ICT dan program kepimpinan. Sementara program tidak berstruktur ialah bengkel masakan, bengkel kraf tangan dan bengkel jahitan. Melalui Pusat Wanita Berdaya ini telah banyak membantu kaum wanita di Negeri Selangor melalui latihan dan bimbingan asas atau *soft skill* dengan izin di mana kebanyakan wanita yang terlibat secara langsung dengan Pusat Wanita Berdaya ini mampu berdikari sendiri dalam meningkatkan ekonomi hidup masing-masing dengan bantuan kewangan antaranya Program SkimSel, Mimbar dan agensi kewangan yang lain. B) Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah memperuntukkan sejumlah RM1 juta bagi melaksanakan program-program pembangunan wanita di seluruh Negeri Selangor dengan belanjawan...dalam belanjawan 2015. Program-program untuk memperkasakan wanita dan keluarga yang berjumlah RM1 juta itu antaranya adalah untuk kursus dan latihan berjumlah RM250,000.00, program sambutan Hari Wanita RM150,000.00, Program Pemberdayaan Ekonomi tadi yang dimohon yang ditanyakan oleh Hulu Bernam sebanyak RM200,000.00, Program Kempen Kesedaran RM200,000.00, Lawatan Turun Padang RM100,000.00 dan Sukan Wanita RM100,000.00 berjumlah RM1 juta.

C) Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah peruntukan bagi melaksanakan program yang memberi manfaat kepada semua golongan wanita di setiap DUN melalui Pusat Wanita Berdaya. Melalui pengumuman yang diumumkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar tentang peruntukan untuk Pusat Wanita Berdaya setiap Pusat Wanita Berdaya diperuntukkan sejumlah RM30,000.00 untuk melaksanakan program-program di Pusat Wanita Berdaya ini di kawasan masing-masing. Untuk DUN Teratai, Pusat Wanita di DUN Teratai masih belum mempunyai lokasi yang bersesuaian dan tiada sebarang permohonan peruntukan kepada pihak UPEN. Namun begitu, bagi program lain seperti program memogram penglibatan DUN Teratai adalah seramai 433 orang sepanjang program ini diadakan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Puan Speaker. Memandangkan daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO adalah lebih menjurus kepada program...soalan saya adalah sama ada Kerajaan Selangor ada apa-apa projek untuk wanita khususnya kalau kita melihat agenda wanita Malaysia sepatutnya terdapat salah satunya ialah rumah pertama wanita, yang keduanya adalah geran khas untuk penggerak wanita muda. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAYORAH BINTI ALWI:** Terima kasih Teratai. Buat masa kini kita belum lagi memberikan fokus terhadap bidang tersebut. *Insyallah* untuk tahun yang akan datang kita akan memfokuskan pula ke arah itu.

**TUAN SPEAKER:** Meru tidak hadir. Soalan 190 telah dijawab bersekali dengan soalan 1. Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 191.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : DASAR “SETIAP INDIVIDU MILIKI KEDIAMAN”**

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status dasar Kerajaan Negeri Selangor tentang “Setiap individu miliki kediaman sendiri”?
- b) Berapakah jumlah permohonan kepada rumah mampu milik Rumah Selangorku dan bagaimana kerajaan memenuhi permintaan tersebut?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Bismillahir rahmanir rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Taman Medan. Bermula 1 Januari 2014, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan satu dasar iaitu Dasar Perumahan Mampu Milik yang juga dikenali sebagai Dasar Rumah Selangorku yang mana telah menetapkan harga jualan rumah mampu milik di antara RM42,000.00 sehingga RM250,000.00 bergantung kepada saiz, binaan *as built area* dengan izin, jenis rumah dan lokasi. Dasar yang diperkenalkan ini dijangka mampu membantu golongan berpendapatan rendah di bawah RM3,000.00 sebulan untuk memiliki rumah kos rendah ataupun Rumah Selangorku jenis A dan juga golongan berpendapatan sederhana dengan pendapatan sekeluarga di bawah RM8,000.00 sebulan untuk memiliki rumah mampu milik atau Rumah Selangorku jenis B, C dan D. Rumah Selangorku ini berupaya mencapai visi Kerajaan Negeri untuk menyediakan satu keluarga satu kediaman yang sempurna. Berkenaan dengan permohonan untuk memiliki Rumah Selangorku permohonan adalah melalui Lembaga Harta dan Perumahan Selangor dan sejak tahun 2008 sehingga kini adalah seramai 40,319 telah memohon manakala jumlah pemohon yang telah ditawarkan adalah sebanyak 15,678. Mengikut daerah, pecahannya adalah seperti berikut iaitu Petaling 12,377 permohonan dan jumlah yang ditawarkan adalah 5,298. Sementara Daerah Klang 7,372 permohonan tawaran adalah kepada 4,512. Hulu Langat permohonan kepada 5,545....permohonan

dari 5,545 sementara tawaran adalah kepada 2,524. Di Daerah Gombak permohonan adalah daripada 10,872 pemohon dan tawaran adalah kepada 1,126. Sepang permohonan dari 1,751 dan tawaran adalah kepada 1,175. Kuala Langat permohonan adalah daripada 198 sementara jumlah tawaran adalah kepada 4. Kuala Selangor permohonan adalah daripada 811 dan jumlah tawaran adalah kepada 903. Sementara Hulu Selangor permohonan dari 1,147 dan yang ditawarkan adalah 129. Sabak Bernam permohonan daripada 246 dan tawaran adalah kepada 7. Untuk angka keseluruhan permohonan adalah daripada 40,319 pemohon sementara yang ditawarkan adalah 15,678. Sejak pelaksanaan polisi Rumah Selangorku didapati 51 pemaju telah memohon untuk melaksanakan Rumah Selangorku. Yang ini telah saya terangkan pada hari pertama jawapan sidang dewan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,682 unit telah dibina, 2,224 unit sedang dalam pembinaan sementara 12,638 unit masih belum diambil tindakan oleh pemaju dan pihak Kerajaan Negeri sedang memantau dan memastikan bahawa pemaju yang telah diluluskan kebenaran merancang benar-benar membina rumah-rumah yang telah diluluskan kepada mereka. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Daripada jawapan Yang Berhormat EXCO tadi bermakna terdapat sebahagian besar yang tidak akan boleh memiliki rumah mampu milik tersebut. Jadi bagaimana Kerajaan Negeri sama ada terus memaklumkan kepada mereka yang telah gagal ataupun masih memberi harapan bahawa Kerajaan Negeri akan membina rumah mampu milik tambahan?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Seperti yang saya umumkan bahawa *target* kita adalah sebanyak 35,000 unit rumah mampu milik dan kita merasakan bahawa kita boleh mencapai sasaran tersebut dan mereka yang memohon boleh diberikan ataupun ditawarkan unit-unit tersebut *Insyaa-Allah*.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 192.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK: PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI  
SELANGOR (PKPKS)**

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila senaraikan projek-projek yang sedang dijalankan oleh PKPS mengikut pecahan daerah?
- b) Apakah perkembangan terkini dan prestasi pencapaian ladang-ladang kelapa sawit PKPS?
- c) Sila senaraikan nama-nama Ahli Lembaga Pengarah PKPS sejak 2010-2014 dan gaji, elaun serta semua kemudahan yang dinikmati?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker dan terima kasih kepada Sekinchan yang bertanya. Senarai projek-projek yang sedang dijalankan oleh PKPS mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut :-

<b>BI L</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PROJEK</b>	<b>KELUASAN (Hektar)</b>
1.	Petaling	a. Kompleks Pasar Borong Selangor b. Kompleks Bazar Rakyat PKPS c. Kilang Pusat Pemprosesan Dan Pembungkusan	21.0 1.2 0.2
2.	Kuala Langat	a. Tanaman Kelapa Sawit b. Pengeluaran Pasir (Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.)	101.0 49.0
3.	Kuala Selangor	a. Tanaman Kelapa Sawit b. Ternakan Ayam Daging c. Pengeluaran Tanah Liat (Ball Clay)	243.0 13.0 342.0

		d. Ladang Buah-buahan e. Pengeluaran Pasir (Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.)	607.0 41.0
4.	Hulu Selangor	a. Tanaman Kelapa Sawit b. Ternakan Ikan Air Tawar	565.0 128.0
5.	Sabak Bernam	a. Penternakan Lembu Tenusu & Ayam b. Tanaman Kelapa Sawit	63.0 2,127.0

Berkaitan dengan perkembangan terkini dan prestasi pencapaian ladang-ladang kelapa sawit PKPS adalah seperti berikut :-

1. Peningkatan Keluasan Ladang Kawasan Matang

<b>Tahun</b>	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
<b>Hektar</b>	2,995	3,171	2,986	2,981	2,955	3,207	3,972

Jumlah peningkatan keluasan sebanyak 977 hektar pada tahun 2014 berbanding 2008 adalah sebanyak 33%. Dan bagi keluasan kawasan matang dijangka akan bertambah mulai tahun 2015 sehingga 2017 iaitu sehingga kini yang belum matang sebanyak 1,039 hektar, akan matang pada 2015 275 hektar dan akan matang pada 2016 226 hektar dan akan matang pada 2017 dijangkakan 536 hektar. Jadi anggaran jumlah keluasan kawasan matang sehingga tahun 2017 adalah seluas 5,011 hektar. Berkaitan dengan peningkatan hasil keluaran ladang, pencapaian prestasi hasil ladang didapati meningkat dari setahun ke setahun. Pencapaian hasil ladang pada tahun 2013 adalah sebanyak 52,730 metrik tan manakala pada tahun 2014 hasil ladang dijangka meningkat kepada 68,323 metrik tan. Prestasi keuntungan tahunan hasil kelapa sawit adalah seperti berikut. Pada tahun 2008 RM10.4 juta, 2009 RM7.2 juta, 2010 RM13.1 juta, 2011 RM19.6 juta, 2012 RM12.2 juta dan 2013 RM10.1 juta dan anggaran 2014 RM17.1 juta. Bagi kawasan tanaman baru kelapa sawit bagi tahun 2015 PKPS dijangka akan melaksanakan beberapa lagi projek tanaman baru kelapa sawit di kawasan-kawasan berikut. Yang pertama, Hala Cara Baru, Sabak Bernam seluas 158 hektar. Parit Baru Baruh, Sabak

Bernam seluas 40 hektar. Projek kilang kelapa sawit dengan keluasan 30...dengan keluaran 30 metrik tan sejam akan dibina di Ladang PKPS Jelutong Jati, Mukim Sungai Panjang Daerah Sabak Bernam. Pembinaan akan dimulakan pada tahun 2015 dan dijangka siap pada tahun 2016.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Taman Templer boleh bagi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Sekinchan untuk data-data jawapan tersebut.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** OK dan yang terakhir senarai ahli jemaah PKPS bagi tahun 2010 hingga 2014. Dan juga perincian bayaran elaun kehadiran mesyuarat juga dalam data yang banyak untuk saya nyatakan jadi mohon izin Speaker untuk saya salurkan melalui bertulis. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Soalan tambahan. Saya rasa yang peringkat pecahan ketiga itu perlu dijawab sebab itu penting dalam soalan keseluruhan ini. Saya minta EXCO jawab dulu soalan itu.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan dulu. Taman Templer..

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, berkaitan dengan pecahan ketiga bermaksud berkaitan dengan elaun ya. Selain daripada elaun kehadiran mesyuarat, tiada gaji dan kemudahan lain yang diberikan kepada Ahli Jemaah PKPS kecuali elaun bulanan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor selaku Pengerusi PKPS. Jumlah elaun bulanan yang dibayar kepada mantan Pengerusi PKPS dari tahun 2010 hingga 2014 adalah sebanyak RM236,000.00. Bagi perincian bayaran elaun kehadiran mesyuarat mengikut tahun adalah seperti berikut. Jadi saya mohon izin untuk saya bacakan untuk 2014. Daripada 2010 saya akan nyatakan secara bertulis juga 2011, 2012 juga 2013 dan 2014. Bagi 2014 bermakna Ahli Jemaah yang disenaraikan di sini adalah merupakan Ahli Jemaah yang terkini dan sempat untuk menghadiri mesyuarat dan menikmati elaun. Yang pertama, Y.A.B. Tan Sri Dato' Sri Abdul Khalid bin Ibrahim...pada Februari dan juga Julai dan berjumlah keseluruhan 2014 sebanyak

RM2,000.00. Y.B. Dato' Haji Mohd Kusrin bin Haji Munawi jumlah 2014 sebanyak RM800.00, Y.B. Dato' Nordin bin Sulaiman.. Februari Julai jumlah keseluruhannya RM1,600.00, Y.B. Tuan Haji Kamaruzzaman bin Jamil.. Februari dan Julai dan mengumpulkan RM1,600.00 untuk 2014, Y.B. Dato' Haji Muhammad bin Ismail...Februari Julai dan jumlah keseluruhan 2014 RM1,600.00, Y.Bhg. Puan Khodijah binti Abdullah...Februari dan Julai dan jumlah terkumpul 2014 RM1,600.00 dan Y.Bhg. Dato' Rahim bin Abu Bakar...Julai sahaja yang berjumlah 2014 sebanyak RM800.00. So jumlah keseluruhan bagi 2014 bagi Februari RM4,200.00, bagi Julai RM5,800.00 dan jumlah keseluruhan RM10,000.00. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih. Soalan tambahan lagi. Saya dah dengar jawapan mengenai Ahli Lembaga Pengarah ya. Belum disebut secara..elaun itu tak apa cuma Ahli Lembaga..senarai Ahli Lembaga Pengarah satu. Yang kedua, saya tidak nampak EXCO Pertanian adalah terlibat dalam PKPS sedangkan PKPS ini Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor...tapi tidak nampak EXCO. Jadi EXCO dipinggirkan ke apa? Jadi saya nak bagi tau.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker ya...di sini ada pada tahun 2010 hingga Mac 2014 yang mana Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari pernah dilantik sebagai EXCO dan selepas daripada itu saya tidak pasti mungkin isu peralihan belum sempat dibuat lantikan ataupun sebagainya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tambah lagi..tambah sikit. Yang Berhormat Kota Anggerik ya..setahu saya Yang Berhormat Kota Anggerik tidak menjawat jawatan selepas pilihan raya. Selepas pilihan raya dalam tempoh tersebut 1 ½ itu, Exco tidak melibatkan diri. EXCO baru. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Dalam maklumat seperti mana yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat Kota Anggerik 2010 hingga Mac 2014. Jadi tiada ada sebarang pertukaran sehingga tarikh tersebut. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO...apakah dasar Kerajaan Negeri terhadap tanah-tanah yang telah diberikan kepada PKPS ini kerana saya mengambil contoh di DUN saya ya...di Dusun Tua. Saya dapati banyak tanah-tanah yang telah diberikan kepada PKPS ini tetapi tidak diusahakan malahan ada yang sampai 30 tahun lebih tanah itu tidak diusahakan oleh PKPS. Pokok dah besar-besar dah. Jadi penduduk-penduduk tanya apakah Kerajaan Negeri..tidak boleh ke dipohon tanah-tanah itu untuk penduduk sendiri yang usahakan tanah-tanah tersebut? Jadi minta supaya Kerajaan Negeri pertimbangkan perkara ini supaya kita tidak mahu tanah begitu luas tapi tidak diusahakan dibiarkan jadi hutan begitu. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih di atas keprihatinan Dusun Tua. Di peringkat kerajaan akan melihat kembali tanah-tanah yang telah pun diberikan kepada PKPS ini dan sudah pastilah penggunaan ataupun untuk kita menghasilkan daripada tanah-tanah ini usaha sama bersama dengan mana-mana kumpulan juga penduduk boleh kita bawa untuk kita melihat dari segi sudut *viability* program-program yang sebegini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya apakah status untuk Selangor *Fruit Valley* yang juga di bawah pengurusan PKPS? Sebab nampaknya juga kurang berkembang.

**TUAN SPEAKER:** Ada jawapan Taman Templer? Kalau tidak tak payah jawab.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Rawang yang bertanya dan juga Tuan Speaker. Pihak kerajaan..saya sendiri pun telah pun turun melawat keadaan Selangor *Fruit Valley* dan di bawah pengurusan baru sudah ada perancangan untuk tahun 2015 untuk kita mengusahakan *Fruit Valley* yang berjumlah 946 hektar ini. Antaranya adalah program usaha sama bersama dengan usahawan tani yang kita *allocate* kan 422 hektar untuk kita usaha secara

bersama dengan usahawan-usahawan tani dan dari sudut unjurannya kita jangkakan pada penghujung 2015 nanti kita akan dapat menyaksikan kebangkitan semula Selangor *Fruit Valley*. *Insyah-Allah*.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Boleh tanya soalan tambahan atas jawapan yang diberi?

**TUAN SPEAKER:** Rawang dulu.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya usahawan tani itu caranya macam mana? Maksudnya secara pajakan ataupun ditender keluar untuk tanah itu untuk caranya macam mana nak pilih siapa yang boleh berusaha di situ?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Rawang. Sebanyak 422 hektar itu telah pun di *allocate* kan untuk program ini dan saya kurang pasti dengan kaedah tersebut tetapi sudah ada beberapa hasil daripada lawatan saya tempoh hari sebanyak 16 usaha tani..usahawan tani telah pun datang dan dikhabarkan telah pun memenuhi keseluruhannya tak silap ingatan saya 226 usahawan yang di...telah pun dipersetujui untuk bersama-sama dalam program pembangunan usahawan tani di Selangor *Fruit Valley* ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan terakhir bagi Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya amat terkejut dengan ketiadaan EXCO Pertanian dalam Lembaga Pengarah PKPS ini. Ini sewajarnya tidak berlaku dalam kita mengendalikan PKPS ini. PKPS merupakan satu badan yang cukup penting dalam pertanian. Mana boleh peranan EXCO diketepikan. Saya minta Y.A.B. Dato' Menteri Besar segera isi EXCO Pertanian kita dalam PKPS ini untuk memantau dan menjamin kesinambungan dalam pentadbiran PKPS. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Ya Sekinchan, pihak kerajaan akan mengambil maklum.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 193.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: SKATEPARK DI DUN HULU KELANG**

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah *Skatepark* di Lembah Keramat AU5C di bawah MPAJ?
- b) Dari sumber manakah *skatepark* yang dibangunkan di MPAJ mendapat dana kerajaan?
- c) Apakah jenis-jenis sukan lasak yang akan dibangunkan di Selangor?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Hulu Kelang. Hulu Kelang sangat berminat tentang *skatepark* lah. Ini soalan kedua tentang *skatepark*. Kawasan padang permainan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat di Lembah Keramat AU5C adalah di bawah penyelenggaraan MPAJ. MPAJ telah menggunakan peruntukan sendiri pada tahun 1996 bagi pembangunan *skatepark* ini. Ini peruntukan daripada MPAJ. MPAJ dalam perancangan membangunkan *extreme park/skate board park* di Taman Bandar, Pusat Bandar Taman Melawati yang terdiri dari komponen berikut ; *take off ramps, fly boxes, half pipe*. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Adakah pihak PBT boleh memperuntukkan sebahagian daripada RM4 juta untuk kemudahan awam termasuk *skate board park*?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Hulu Kelang kerana membantu MPAJ untuk mendapatkan peruntukan daripada pihak Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan jikalau cadangan daripada MPAJ ini munasabah dan juga bergantung pada status kewangan di peringkat MPAJ. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Semenyih tidak hadir. Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 195.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(BATU TIGA)**

**TAJUK : TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK**

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah objektif Taska di rumah boleh memberi impak jauh lebih baik dari Taska Permata?
- b) Apakah perancangan masa depan Taska di rumah dan bagaimanakah kesinergian bersama JKM dan PBT dapat diteruskan dan dipertingkatkan?

**Y.B. PUAN DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batu Tiga. Tuan Speaker, di bawah Seksyen 5, Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984, terdapat empat kategori taska di Malaysia iaitu :-

1. Taska Institusi
  - Menerima 10 orang atau lebih kanak-kanak dalam jagaan dan
  - Ditubuhkan atas inisiatif pihak swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).
2. Taska Tempat Kerja
  - Menerima 10 orang kanak-kanak atau lebih dalam jagaan dan
  - Ditubuhkan di tempat kerja.
3. Taska Komuniti

- Menerima 10 orang atau lebih dalam jagaan.
- Menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan
- Ditubuhkan atas inisiatif komuniti untuk manfaat kepada keluarga yang berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar.

#### 4. Taska Di Rumah atau *Baby Sitter*

- Menerima kurang daripada 10 orang kanak-kanak dalam jagaan dan
- Dijalankan di kediaman sendiri.

Taska Permata adalah taska di bawah kendalian Jabatan Perdana Menteri yang menyediakan kurikulum khusus mengenai Program PERMATA dalam bidang asuhan dan didikan awal kepada kanak-kanak di bawah umur empat tahun menggunakan teknik pembelajaran PERMATA dan kurikulum PERMATA ini telah diperluaskan kepada semua Taska Institusi/Komersial dan Taska di Rumah di mana semua pengusaha atau pengasuh diwajibkan untuk hadir dan lulus Kursus Asuhan dan Didikan Kanak-kanak PERMATA. Objektif ataupun Taska PERMATA berbanding dengan Taska di Rumah, Taska PERMATA mempunyai mengguna pakai kurikulum PERMATA yang diiktiraf dalam bidan asuhan dan didikan awal kanak-kanak. Manakala Taska di Rumah lebih tertumpu kepada jagaan kepada kanak-kanak secara tidak formal tetapi perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Taska PERMATA mempunyai tenaga pendidik yang mengikuti kursus PERMATA dan berkemahiran mengendalikan kurikulum PERMATA tetapi untuk pengasuh Taska di Rumah tiada syarat dan pengasuh Taska di Rumah juga hendaklah hadir dan lulus Kursus Asuhan dan Didikan Kanak-Kanak PERMATA mengikut syarat Jabatan Kebajikan Masyarakat. Taska PERMATA mempunyai kemudahan fizikal dan peralatan pembelajaran yang lengkap sesuai dengan objektifnya merangsang pertumbuhan kanak-kanak manakala Taska di Rumah tidak mempunyai kemudahan fizikal dan pembelajaran yang lengkap kepada kanak-kanak. B, Taska di Rumah merupakan salah satu alternatif kerajaan untuk membantu golongan ibu bapa yang ingin

meletakkan anak mereka di bawah jagaan pengasuh dengan jumlah kanak-kanak yang minima dan kos yang lebih rendah berbanding Taska Institusi ataupun Komersial. Taska di Rumah juga dapat membantu suri rumah yang tidak bekerja untuk memperoleh pendapatan sampingan bagi membantu menjana ekonomi keluarga. Di samping itu, Taska di Rumah juga memberi kemudahan kepada ibu bapa untuk menghantar anak mereka berdekatan dengan tempat tinggal sekiranya kawasan tersebut tidak mempunyai Taska Institusi atau Taska Komersial. Penubuhan bagi sesebuah Taska di Rumah tidak mempunyai had bilangan tertentu yang ditetapkan berbanding Taska Institusi Komersial yang perlu mendapatkan kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan mengikut kehendak dan keperluan penduduk setempat. Di perancangan masa depan Taska di Rumah agar kesinergian bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pihak Berkuasa Tempatan dapat diteruskan dan dipertingkatkan adalah seperti berikut. Menjalankan usaha sama secara berterusan untuk memastikan semua Taska di Rumah di Negeri Selangor berdaftar melalui Kempen Pendaftaran Taska, mengadakan mesyuarat di bawah *One Stop Centre* di Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membuat penyelarasan berkaitan dengan langkah-langkah mempermudah pendaftaran Taska di Rumah serta menjalankan seliaan dan pemantauan secara bersepadu di antara Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pihak Berkuasa Tempatan agar Taska di Rumah sentiasa mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menyatakan di sini kebimbangan tentang kes-kes penderaan yang sering dilihat dan juga bila mana hak-hak kanak-kanak ini tidak dapat dipenuhi oleh mereka yang banyak melaksanakan Taska di Rumah ini. Jadi soalan saya, apakah usaha kerajaan untuk pastikan kejadian-kejadian ini dapat dielak memandangkan pengusaha-pengusaha ataupun mereka yang menjadi *baby sitter* ini dengan izin adalah mereka yang majoritinya tidak terlatih dan memandangkan bilangan Taska di Rumah ini tidak ada had

sebagaimana yang had bilangan yang ditentukan sebagaimana EXCO jawab tadi. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batu Tiga. Pihak Kerajaan Negeri di bawah Jabatan di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita kita mempergiatkan agar pengusaha taska di rumah ini mengikuti kursus- kursus yang telah pun disediakan iaitu Kursus Intensif Perkembangan Kanak-kanak yang mana untuk sehingga kini kita telah pun melaksanakan tiga kali kursus KIPK ataupun Kursus Intensif Perkembangan Kanak-kanak. Objektif kursus ini adalah untuk memastikan pengasuh kanak-kanak di rumah ini atau *baby sitter* mendapat lesen pendaftaran secara sah. Mereka juga perlu, ini juga adalah antara agenda untuk pemutihan taska dan pusat jagaan yang beroperasi secara haram. Selain daripada itu ia juga untuk meningkatkan kualiti asuhan kanak-kanak di rumah di kediaman iaitu *home base*

Keempat memberi pendedahan kepada pengasuh kanak-kanak di rumah ini tentang perkembangan awal kanak-kanak. Kelima memberi pendedahan kepada suri rumah ini mengenai cara merangsang kanak-kanak supaya menjadi generasi yang seimbang dan berkualiti. Keenam menerangkan kepentingan aspek kebersihan, kesihatan dan pemakanan kanak-kanak serta ketujuh meningkatkan permohonan skim bantuan asuhan rakyat iaitu SIKEMBAR.

Jadi dengan adanya diberikan kursus di bawah KIPK ini kepada *baby sitter* ataupun pengasuh di rumah ini dapat mengelakkan ataupun memberikan ilmu yang lebih baik kepada para pengasuh ataupun *baby sitter* ini dalam penjagaan kanak-kanak dan diharap ianya akan mengelakkan kanak-kanak yang diasuh ini daripada di dera ataupun tiada ilmu jadi anak-anak ini terbiar tidak diberikan pendidikan yang sebaiknya di awal usia mereka ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam dulu.

**Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR:** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya apakah penguatkuasaan hah ini paling penting sekali bagi memastikan tiada kejadian berlaku tentang penderaan tadi ada disebut tapi penguatkuasaan yang mana, bagaimana cara mereka

ini didaftarkan taska di rumah dan menjalani kursus bagi menentukan keadaan yang tidak diinginkan berlaku. Penguatkuasaan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Hulu Bernam. Untuk penguatkuasaan kepada taska di rumah ini buat masa ini kita belum melaksanakan kerana kita belum mempunyai senarai nama ataupun *database* apa ni pengasuh-pengasuh di rumah ini. Jadi mungkin di masa akan datang pihak kita akan memastikan bahawa pengasuh-pengasuh di rumah ini mereka berdaftar dengan pihak Kerajaan Negeri ataupun pihak JKM dan kita berikan kepada para pengasuh ini kursus-kursus yang sebaiknya dan mereka dapat selain bukan sahaja sebagai *baby sitter* yang tidak punya ilmu tetapi menjadi *baby sitter* yang berilmu dan dapat mendidik anak-anak dan generasi yang akan datang dengan sebaiknya.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Tuan Speaker, saya tanya sedikit masih dalam konsep taman asuhan kanak-kanak. Saya nak tanya agensi mana yang dipertanggungjawabkan untuk pertama mengawal selia apa ni kurikulum apa ni program taska ini dan yang kedua agensi yang bertanggungjawab untuk memantau perjalanan taska, semua taska yang ada di dalam Negeri Selangor ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Permatang. Buat masa ini pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mengawal selia dan memantau taska-taska ini.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya 196.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(PANDAMARAN)**

**TAJUK : MASALAH PEMINDAHAN PENGHUNI-PENGHUNI DI  
JALAN PAPAN DAN JALAN BUKIT KERAYONG**

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini tentang masalah pemindahan penghuni-penghuni di Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong, Pandamaran?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Pandamaran. Perkara tentang masalah pemindahan penghuni di Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong. Perkara ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat *Standco* Kehidupan Bandar Negeri Selangor Bil. 3/2014 bertarikh 27hb. Oktober 2014. Status terkini tentang masalah pemindahan penghuni-penghuni di Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong adalah seperti berikut:-

- i. Senarai-senarai nama tersebut dikemukakan kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan dibentangkan di Mesyuarat EXCO MTES untuk makluman dan pengesahan.
- ii. Seramai 181 penama setinggan Jalan Papan yang wajar ditawarkan penempatan rumah kos sederhana dengan harga tawaran RM99,000.00
- iii. Seramai tujuh (7) penama setinggan di Jalan Bukit Kerayong dipertimbangkan untuk ditawarkan penempatan rumah kos sederhana dengan harga tawaran RM99,000.00.
- iv. Sejumlah 35 keluarga yang masih mempunyai struktur di tapak iaitu (Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong) ditawarkan rumah kos sederhana dengan harga pasaran.
- v. Senarai tersebut tidak akan dipamerkan semula untuk pandangan awam.
- vi. Pemaju dikehendaki untuk mengemukakan cadangan kepada

Majlis berhubung kaedah penyelesaian yang bersesuaian bagi menempatkan penduduk tersebut mengikut jumlah yang telah ditetapkan dengan menambah bilangan unit rumah daripada 123 unit kepada 223 unit merujuk kepada keperluan penempatan semula.

- vii. Pemaju perlu membina rumah kos sederhana dalam tempoh dua (2) tahun di tapak yang telah dikhaskan di Jalan Papan mengikut pelan lulus MPK Bil.MPK/KS/87A/2007. Peneroka Bandar perlu diberi keutamaan untuk ditawarkan dengan pengesahan daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor melalui Mesyuarat STANCO Setinggan, Negeri Selangor.

Segala urusan pemindahan adalah di bawah tanggungjawab pemaju sepenuhnya.

Isu kedua adalah mengenai dengan tentang penempatan pengusaha bengkel dan pekedai. Isu ini akan dibentangkan di Mesyuarat EXCO MTES untuk pertimbangan.

- i. Pihak Majlis Perbandaran Klang tidak dilibatkan lagi di dalam menyelesaikan isu setinggan di Bukit Kerayong, sebaliknya perlu ditanggung dan diselesaikan oleh pemilik tanah.
- ii. Pemaju dikehendaki mengemukakan pelan kebenaran merancang dengan meminda satu (1) blok kedai kos rendah kepada blok industri bagi menyesuaikan jenis aktiviti oleh pengusaha sedia ada di tapak.
- iii. Pemaju perlu membina kedai kos rendah dalam tempoh dua (2) tahun di tapak yang telah dikhaskan di Jalan Papan mengikut pelan lulus MPK. Pengusaha perlu diberi keutamaan untuk ditawarkan dengan pengesahan daripada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor melalui Mesyuarat *Standco* Setinggan, Negeri Selangor.
- iv. Segala urusan pemindahan adalah di bawah tanggungjawab pemaju sepenuhnya.

- v. Pengusaha bengkel dan pekedai dibenarkan berada di tapak sedia ada sehingga penempatan baru disediakan oleh pemaju.
- vi. Sekiranya struktur bengkel atau kedai tersebut perlu dipindahkan atau tujuan penyediaan rizab awam seperti pelebaran jalan utama atau penyediaan jajaran simpanan parit maka penempatan sementara harus disediakan oleh pihak pemaju dan segala urusan serta kos di bawah tanggungjawab pemaju.

Dan untuk Yang Berhormat Pandamaran, saya akan bagi jawapan lisan kerana terlalu banyak yang saya sebutkan tadi. Sekian.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Walaupun pihak MPK dan juga pusat khidmat Pandamaran telah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui *Standco* nya telah membuat keputusan supaya telah mengesahkan 181 keluarga supaya berkelayakan untuk mendapat tawaran RM99,000.00 tetapi saya difahamkan MPK sehingga sekarang belum pun mengeluarkan surat kepada pemaju untuk dibawa ke dalam Lembaga pengurus untuk keputusan kerana saya difahamkan Y.B.. Cempaka belum tandatangan dokumen itu. Jadi saya minta tindakan dengan segera dan soalan tambahan saya, sekiranya seperti disebut bilangan rumah yang akan dipampas oleh pihak pemaju telah dinaik dari 123 ke 223 saya nak tanya sekiranya pemaju enggan menerima ini apakah cara Kerajaan Negeri untuk memaksa, memaksa pemaju untuk menerimanya kerana kalau pemaju tidak menerima itu dia tidak akan menyelesaikan perkara ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih, ada dua perkara di situ. Pertama adalah dari segi senarai. Senarai saya telah tandatangan, senarai dan senarai ini akan dibawa ke dalam Mesyuarat MTES untuk disahkan. Perkara kedua adalah memang benar kita telah berunding dengan pemaju ini dah lebih daripada lima (5) tahun jadi masalahnya adalah terdapat perkara-perkara yang kita arah yang

mereka tidak bersetuju tetapi akhirnya ada perkara-perkara yang telah dipersetujui. Ingin saya tekan di sini bahawa pemaju yang terlibat ada banyak projek di Negeri Selangor dan termasuk ada usaha sama bersama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor jadi bermakna kita akan berbincang berdasarkan fakta tersebut lah. Bukan lah kita kata nak *arm twist* tetapi lebih kurang macam gitu lah kita nak buat.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Sekira diizinkan saya juga cadangkan memandangkan perkara ini telah tangguh selama 13 tahun. Saya rasa sekiranya tidak dapat diselesaikan lagi. Saya cadangkan dalam tahun yang akan datang Kerajaan Negeri merampas ataupun mengambil alih tanah ini supaya tidak membenarkan pemaju yang sama untuk memajukan tanah ini kerana terlalu lama mereka tidak mampu ataupun TBBT sebagai pemilik tanah tidak mampu memajukan tanah ini. Itu cadangan saya, terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Pemaju sekarang bukan TBBT, tetapi telah diberikan kepada pemaju swasta. Tanah asalnya adalah TBBT tetapi telah diberikan kepada pemaju swasta dan ini adalah yang saya melihat bahawa ini kita berada dalam peringkat yang terakhir sebab kita telah pun meluluskan nama-nama yang sepatutnya mendapat rumah dalam harga yang berpatutan subsidi lah. Rumah subsidi dan kita ambil selepas ia dimasukkan di dalam MTES untuk kelulusan dan lepas ini kita merasakan bahawa tindakan selanjutnya akan dilakukan kalau mereka tidak menjalankan atau melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pemaju. Masalahnya dari segi nama-nama tu kita telah tiga kali kita melakukan beberapa kali melakukan bancian terhadap nama-nama penduduk peneroka bandar di situ. Kita berharap bahawa ini yang terakhir tidak ada lagi bancian dan kita akan terima nama ini untuk mendapat rumah tersebut atau membeli rumah tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Soalan 197.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : TANAH TERBIAR**

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Di Hulu Langat Agrotech terdapat banyak tanah-tanah pertanian terbiar. Berapakah keluasannya.
- b) Kenapakah Kerajaan PR tidak memanfaatkan tanah tersebut.
- c) Adakah Kerajaan bercadang untuk memberi TOL kepada yang berminat disebabkan ramai pengusaha yang berminat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Jaya yang membangkitkan isu tanah-tanah pertanian yang terbiar di daerah Hulu Langat dan ianya ada kaitan dengan soalan tambahan yang di bawa oleh Yang Berhormat Dusun Tua sebentar tadi dan jawapan yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Taman Templer. Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Jaya, Tanah Agrotech yang dimaksudkan merupakan Taman Teknologi Pertanian di Mukim Hulu Langat yang terdiri daripada hak milik Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS). Keluasan Tanah bagi keseluruhan kawasan adalah lebih kurang 167.22 hektar. Tanah-tanah yang dimaksudkan merupakan hak milik PKPS. Segala pembangunan dan perusahaan tanah tersebut adalah di bawah kuasa pemilik tanah berkenaan. Lesen Pendudukan Sementara (LPS) yang dicadangkan oleh Yang Berhormat untuk dikeluarkan kepada mereka-mereka yang berminat untuk membangunkan tanah tersebut tidak dapat dikeluarkan kerana tanah yang tersebut telah pun mempunyai hak milik iaitu PKPS dan amalan yang kita lakukan pada hari ini ialah LPS hanya dikeluarkan di atas Tanah Kerajaan yang bukan rizab sahaja. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jeram. Tidak hadir. Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR YAACOB BIN SAPARI:** Soalan 199.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.. TUAN DR YAACOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : DI MUSIM BUAH-BUAHAN TERDAPAT LAMBAKAN  
BUAH-BUAHAN TEMPATAN YANG TIDAK DI DAPAT  
DIJUAL**

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Jabatan Pertanian untuk membantu memasarkan buah-buahan ini.
- b) Apakah rancangan Kerajaan supaya buah-buahan ini boleh dieksport.
- c) Berapa peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan untuk membantu penanam buah-buahan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Kota Anggerik, Tuan Speaker, langkah Jabatan Pertanian ataupun Kerajaan membantu memasarkan buah-buahan adalah dengan menemu suakan petani tersebut dengan usahawan industri asas tani di bawah bimbingan Jabatan Pertanian yang bersesuaian supaya hasil buah-buahan yang berlebihan tersebut dapat digunakan untuk industri hiliran seperti pembuatan jus, *bakery* dan lain produk hiliran berasaskan buah-buahan. Selain itu Jabatan Pertanian mendapatkan kerjasama agensi seperti FAMA untuk membantu petani yang memerlukan pasaran hasil buah-buahan tersebut dan antara usaha-usaha supaya buah-buahan ini dapat dieksport adalah dengan memastikan pengeluaran hasil yang bermutu tinggi dan mempunyai pensijilan MyGAP dan juga SOM sijil Skim Organik Malaysia. MyGAP merupakan skim pensijilan yang komprehensif untuk sektor tanaman, pensijilan MyGAP ini memudahkan laluan pasaran eksport memandangkan pensijilan ini telah dikenali di seluruh dunia.

SOM pula adalah sebuah program pensijilan yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian untuk mengiktiraf ladang-ladang yang diusahakan secara organik mengikut kriteria dan keperluan yang telah ditetapkan dalam Standard Skim Organik Malaysia (SOM). Hasil yang

dikeluarkan dari ladang telah diberikan pensijilan SOM boleh dilabelkan sebagai produk organik dan berhak menggunakan Organik Malaysia di atas produk mereka. Dengan label ini, produk tersebut boleh dipasarkan sebagai produk organik dengan harga yang setimpal.

Dan juga melalui Program Ladang Kontrak Jabatan Pertanian, ruang-ruang pasaran untuk eksport hasil pertanian dapat dikenal pasti dengan kerjasama agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Petani yang terlibat akan dibantu untuk mencapai standard yang diperlukan untuk tujuan eksport. Setakat ini Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian memperuntukkan insentif sebanyak RM480,000.00 pada tahun 2014 untuk membantu penanam buah-buahan di Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.31 pagi dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Usul No.36 Tahun 2014, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, terima kasih. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK - PEMBASMIAN KEMISKINAN) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Dasar Perumahan Dalam Konteks Pembasmian Kemiskinan Di Kalangan Masyarakat Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 39 Tahun 2014”.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, isu yang ingin difokuskan oleh penyata ini adalah tentang kesan kepada rakyat yang berpendapatan rendah ataupun golongan miskin daripada dasar perumahan. Kita tak menyentuh tentang kerajaan prihatin ataupun

*blue print* pembasmian kemiskinan tapi kita melihat secara *total*, secara keseluruhan apakah impak daripada dasar perumahan pada hari ini kepada memberi ruang yang lebih luas kepada masyarakat untuk menjana kekayaan, menjana hasil pendapatan hidup dan kualiti hidup yang lebih sempurna ataupun dasar-dasar ini akan menghimpit segolongan kumpulan sasaran yang buat masa ini dalam keadaan yang susah mendapat rumah. Persoalan yang telah diteliti oleh penyata ini adalah tentang tradisi ataupun budaya serta sikap masyarakat berbagai-bagai kaum di Malaysia ini khususnya di negeri Selangor, di mana persoalan adakah seseorang itu mempunyai tempat kediaman ataupun mampu memiliki tempat kediaman atau pun rumah menjadi ukuran kepada kaya miskin atau pun keupayaan kewangan dan ekonominya. Rata-rata masyarakat Melayu yang telah dibuat kajian dan meminjam beberapa kajian daripada pihak-pihak agensi, badan penyelidikan yang ada Jawatankuasa atau pun penyata ini nampak dengan jelas bahawa masyarakat Melayu sama ada kampung yang kurang tekanannya kerana dia mewarisi rumah mak bapa, nenek moyang mereka dan khususnya masyarakat Melayu di bandar. Mereka mengaitkan dari segi psikologi, dari segi budaya, daripada sikap dan gerak kerja harian mereka dalam menjana ekonomi dan menjana kekayaan adalah memiliki rumah mampu atau pun tidak mampu akan menentukan mereka itu status ekonominya, miskin atau pun bagaimana. Tekanan ini sebagaimana yang kita jelaskan kurang berlaku dalam masyarakat Cina secara khususnya, India walaupun polanya berbeza. Ramai masyarakat India, majoritinya telah *resign* dengan izin *resign to the fact* bahawa mereka tidak akan dapat membeli rumah, mereka tumpang tinggal rumah saudara dan sebagainya. Sebahagian ya, bukan majoriti kerana majoriti masyarakat India di negara kita *advance* ya dalam bidang kerjaya sebagai peguam, sebagai doktor yang mampu menangani isu pembelian rumah dan hartanah. Bagi masyarakat Cina mereka telah secara majoriti umumnya mempunyai sikap yang meletakkan mempunyai harta dan hartanah ini merupakan *priority* mereka. Jadi kita berdepan dalam konteks pola masyarakat di mana masyarakat Melayu menghubungkan memiliki rumah ataupun tidak dengan status ekonomi, kaya miskin. Sebagaimana yang saya telah jelaskan, suasana di kampung kurang, tekanan di kampung kurang tapi bagi mereka yang berhijrah ke bandar perkara ini tersangat menonjol. Jadi,

apa yang ingin dikemukakan pada penyata ini adalah apakah cara *conscious* dengan izin secara sedar dasar perumahan negeri Selangor. Apa-apa peringkat saya pun dah kalau dulunya kos rendah, lahirnya rumah kos sederhana, rumah mampu milik, banglo, strata *title* dan sebagainya. Itu adalah satu isu yang bagi pandangan penyata ini ia akan membawa kesan 10-15 daripada tahun yang akan datang. Merujuk kepada muka surat 4 dan 5, Jawatankuasa sempat mengadakan beberapa sesi taklimat penerangan dan dialog bersama dengan Lembaga, wakil-wakil dan pemimpin Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan EXCO Perumahan iaitu Cempaka. Beberapa penemuan menarik telah kita dapati bahawa hanya dekat dengan negara kita Malaysia iaitu negara jiran Singapura merupakan sebuah kerajaan dan sistem yang mempunyai dasar dan program serta pelaksanaan perumahan yang terbaik di dunia. Jadi dari segi peluang untuk belajar, peluang untuk meniru apa yang baik, memperbaiki apa yang telah wujud di Singapura itu mungkin kita mempunyai kekuatan khususnya di negeri Selangor yang merupakan ekonomi terbesar, sumbangan ekonomi tertinggi di Selangor di negara Malaysia ini. Jadi, apa yang ingin saya tekankan di sini dalam pertemuan keterangan-keterangan yang dilakukan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor ada beberapa perkara lain yang agak menarik contohnya sekiranya Lembaga Perumahan dan EXCO Perumahan ataupun jentera Kerajaan Negeri Selangor yang boleh mengolah pendekatan dasar program yang mendekati apa yang dilakukan oleh Singapura iaitu contohnya tanah dimiliki, rumah adalah di atas dasar pajakan sekian-sekian tahun. Jadi itu satu perkara yang menarik yang telah cuba dikemukakan oleh penyata ini. Di samping itu, penyata ini juga mendapat pencerahan daripada EXCO Perumahan yang menegaskan walaupun kita kerajaan dan ada STANDCO, ada Lembaga Perumahan tetapi Kerajaan Negeri tidak dapat mengawal harga rumah kerana harga rumah berdasarkan *market economy*. Jadi macam mana kita nak, *Singapore* adalah sebuah negeri sebuah negara yang terbuka kepada ekonomi dunia, bersaing tetapi dalam masa yang sama seolah-olah mereka berjaya mewujudkan kawalan, *control* dalam aspek perumahan. *So far as* dengan izin program-program ekonomi mereka dibangunkan di antara *market economy* tapi ada kawalan yang telah dapat kita lakukan yang masih lagi Selangor kita berhadapan dengan keadaan ini. Kedua,

contohnya apa yang diberi pencerahan oleh EXCO adalah Kerajaan Negeri hanya boleh kawal harga rumah sehingga 50% sahaja. Di Singapura 100%. Adakah boleh dari segi undang-undang, dari segi kebijaksanaan ekonomi, politik dan pentadbiran. Kerajaan Negeri Selangor contohnya, mendekati 100% kawalan ya. Kerajaan Negeri yang menetapkan *we call the short* dengan izin. Seterusnya, oleh kerana itu, wujudlah kawasan-kawasan tertentu 40% rumah mampu milik, sekian-sekian dan sebagainya sehingga tekanan pasaran dan kadang-kadang suara pemaju lebih berkesan, lebih kuat, lebih menekan kerajaan dan sudah pasti membawa kesan kepada kekuatan ekonomi rakyat jelata dan yang akan menerima bebanan yang terbesar adalah golongan berpendapatan rendah dan miskin. Jadi persoalan pemaju digalakkan keluaran *subsidies* 40,000 dapat diterapkan merupakan amalan pentadbiran lama di Negeri Selangor dan tidak dinafikan juga pentadbiran yang ada sekarang terpaksa daripada satu sudut yang lain mengamalkan dan terus mengamalkannya. Dengan itu, penyata ini dalam muka surat 6, perkara 8 iaitu penemuan Jawatankuasa ditegaskan perkara No.1 sekali adalah satu garis panduan pelan pembinaan utiliti yang seragam perlu diwujudkan. Ia mengambil pendekatan di mana *infrastructure* asas perumahan utiliti asas perumahan ditangani oleh kerajaan. Persoalannya mereka mungkin ada orang yang mengatakan *Singapore is the nation island state, city state* tapi maknanya kalau kita nak laksanakan di Selangor dengan penduduk yang lebih kurang macam Singapura ekonominya pun bersaing dengan Singapura yang kita kata boleh demikian kita ada potensi untuk melaksanakan tersebut dan kedua bidang kuasa tanggungjawab perbagai agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sama ada kerajaan atau pun perbadanan termasuk PBT tidak disenaraikan dengan jelas. Ada, tapi istilahnya *fragmented*, terasing-asing. Penemuan ketiga, adalah pemantauan dari segi kutipan kos penyelenggaraan yang berkaitan dengan rumah berstrata. Satu lagi penemuan yang agak menarik ditimbulkan oleh penyata ini Lembaga Perumahan tidak dapat mengawal spekulasi harga rumah dengan berkesan kerana Bank Negara dia pendapatan yang kami dapat daripada Lembaga Perumahan, Bank Negara enggan melaksanakan siasatan di bawah Akta AMLA (*Anti Money Laundering Act*) ataupun Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram. Jadi ini satu masalah di mana persoalan

ini setelah dianggap beres dalam projek-projek cadangan perumahan di negara jiran kita Singapura. Kemudian ada satu lagi antara lain penemuan adalah Kerajaan Negeri bergantung kepada pemaju untuk menyediakan kemudahan *infra* dan kalau sangkut-sangkutlah, kalau berjaya- berjayalah. Tapi tidak yang berlaku di tempat saya sendiri di Hulu Kelang, Taman Melawati, Kemensah Height, pemaju pada dasarnya bersetuju untuk *share cost infra* tapi apabila mereka dapat kelulusan, mereka buat cara lain. Itu memerlukan ketegasan daripada kerajaan dan yang terakhir penemuan yang telah kami tekankan adalah terdapat keperluan Kerajaan Negeri mengawal margin keuntungan pemaju, adakah wajar, adakah boleh dirundingkan dan dinyatakan pada satu kadar tertentu yang dinyatakan sebagai 20% daripada harga jualan rumah dan sudah pasti ia memerlukan satu SOP yang akan menetapkan pelaksanaan bajet dan kaitan bajet belanjawan negeri Selangor setiap tahun. Tuan Speaker, sebagai saranan Jawatankuasa ataupun penyata ini mengemukakan 9 ataupun 10 saranan ada dinyatakan dalam perkara yang telah saya gariskan di sini tapi yang menonjol sekali antara lain adalah Kerajaan Negeri hendaklah memaklumkan pada Bank Negara untuk melaksanakan siasatan di bawah Akta AMLA, (*Anti Money Laundering Act*) supaya dapat mengurangkan spekulasi harga rumah dan menurunkan seterus harga rumah. Kalau dasar ini dapat kita terapkan iaitu kuasa dan suara rakyat melalui kerajaan boleh mengubah persepsi, monopoli, *preference* yang selama ini dinikmati oleh pemaju dengan mereka mengadakan satu gabungan yang cukup kuat bersuara yang sehingga seolah-olah menghimpit bukan hanya rakyat tapi kerajaan melalui dasar yang lebih terbuka yang lebih pro-rakyat dalam konteks pembangunan ekonomi perumahan. Dua *point* yang terakhir yang telah Kerajaan Negeri bolehlah mengkaji konsep *build first and sell later* sebagaimana yang diamalkan oleh Singapura dan beberapa negara maju, bukan kita perlu lihat prasarana ekonomi, pembangunan ekonomi tetapi kalau kita meletakkan Selangor sebagai satu model *state* yang kita boleh lakukan, laksanakan. Ini mungkin membawa suatu perubahan yang besar. Akhir sekali Tuan Speaker, Ahli-ahli EXCO yang saya muliakan penyata ini secara tidak langsung tapi memberikan satu gambaran bahawa kerajaan kalau nak membuat dasar yang akan mengurangkan himpitan kepada golongan yang miskin 5, 10, 15 tahun berikutnya daripada sekarang hendaklah

mengawal satu kadar keuntungan, saya tak tahu ini adakah *friendly*, mungkin rakyat *friendly* tapi pemaju *unfriendly*.

Tapi dinyatakan daripada pendapatan kami, penemuan kami kepada Lembaga Perumahan adalah 20% margin disebut margin berbanding dengan apa yang telah pernah dipopularkan oleh mantan Menteri Besar Selangor 7% dan dengan itu penyata ini menuju kepada satu cadangan satu saranan kepada pihak kerajaan untuk mengadakan satu SOP yang komprehensif dengan izin yang membolehkan kerajaan mengawal harga semua jenis rumah pada tahap 100%. Terima kasih, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Penyokong.

**Y.B. PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA:** Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, usul ini telah pun disokong saya buka untuk dibahaskan. Kalau tidak ada saya minta pihak kerajaan kalau nak bagi ulasan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Y.B. Hulu Kelang. Ada beberapa perkara yang saya melihat bahawa perlu satu keputusan atau *policy change* yang begitu drastik iaitu sekarang ini kita hanya mengawal 50% atau 40% sehingga 35% bergantung kepada lokasi dan bergantung kepada keluasan akan projek-projek tersebut. Tapi apa yang dicadangkan oleh Y.B. Jawatankuasa-Jawatankuasa adalah baki 50% itu juga kerajaan kawal. Saya melihat bahawa ada negara-negara yang mengawal akan baki 50%, tetapi kita kena melihatlah sama ada ia nya boleh dilakukan atau tidak. Saya menyokong kalau kita menetapkan atau menghadkan keuntungan kepada pemaju-pemaju untuk 50% baki 50% itu kepada 30% bagi setiap projek, di mana pemaju-pemaju perlu menghantar dia punya kira-kira atau dia punya *return* projek tersebut atau penyata projek tersebut dan kemudian kita menetapkan harga tetapi sama ada. Ok.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Penjelasan. Apakah *fundamentally* dengan izin *fundamental* halangan-halangan dan menghalang pihak kerajaan membuat kawalan 100% ataupun.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Halangannya kita ekonomi bebas, kita *free market economy*, jadi bermakna kalau sekarang ini dengan 40% atau 50% kita kawal pun kita menghadapi satu keadaan di mana tekanan daripada pelbagai pihaklah daripada pihak pemaju, tetapi kalau kita nak kawal lagi 50% dan tidak memberi peluang langsung kepada pihak pemaju membuat pulangan, maka ini kita kena bincang atau melakukan kajian dengan lebih terperinci. Tapi memang betul boleh kalau kita nak lakukan, memang harga rumah akan turun tapi sama ada pemaju ataupun *investor* ataupun pelabur akan memasuki bidang hartanah atau tidak itu kita kena kaji dengan terperinci dan mungkin kita dan saya mencadangkanlah supaya Lembaga Perumahan membuat satu kajian tentang isu atau perkara ini yang perkara-perkara yang di bawa oleh Y.B. tentang amalan-amalan ataupun yang kita ambil daripada kerajaan yang lepas memang betul dari segi *fundamental* kita ambil amalan kerajaan lepas tapi kita tambah baik dari segi jenis-jenis rumah dan dari segi harga-harga rumah yang kita wajibkan dan ini kita lakukan berdasarkan kepada keperluan semasa. Untuk secara kesimpulannya saya bersetuju dengan kebanyakan atau perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa ada yang memerlukan polisi baru ada yang memerlukan penambahbaikan kepada polisi sedia ada, contohnya seperti dari segi utiliti yang perlu disediakan oleh pihak kerajaan yang ini kita telah masukkan ke dalam polisi Rumah Selangorku yang baru dan *Insyah-Allah* perkara tersebut akan kita laksanakan dan kita akan tetapkan lah sekarang ini kita tetapkan kepada pemaju untuk membina kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh rakyat. Berkenaan dengan penyelarasan dari segi bidang kuasa PBT dan juga penyelarasan peraturan-peraturan, sekarang ini kita telah mewujudkan apa yang kita panggil Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku di mana kesemua projek-projek Rumah Selangorku belum dimasukkan ke dalam OSC, ia nya akan dibincangkan di peringkat Kerajaan Negeri Selangor supaya apabila masuk OSC ia dapat lulus dengan cepat jadi bermakna bahawa apabila kita ada Jawatankuasa ini yang akan bermula mesyuarat minggu hadapan bahawanya ia akan dapat diselaraskan segala peraturan-peraturan yang mungkin berbeza-beza bagi setiap PBT, yang seterusnya adalah dari segi Akta *Anti Money Laundering Act* itu, yang itu *Insyah-Allah* kita akan kaji perkara tersebutlah. Jadi dari segi kesimpulannya kita akan pihak kerajaan

akan meneliti setiap penemuan dan setiap cadangan dan kita akan beri maklum balas pada dewan yang akan datang sama ada ia nya boleh dilaksanakan atau telah dilaksanakan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi :-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK - PEMBASMIAN KEMISKINAN) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Dasar Perumahan Dalam Konteks Pembasmian Kemiskinan Di Kalangan Masyarakat Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 39 Tahun 2014”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **USUL INI DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, Usul No.37 Tahun 2014, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Cadangan Penstrukturan Semula Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 42 Tahun 2014”.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih, Tuan Speaker, Dato' Menteri Besar dan Ahli-ahli EXCO. Dalam penyata ini kita terus pergi kepada satu isu yang perlu satu pendirian dan ketetapan yang pantas daripada pihak kerajaan iaitu kedudukan rencam dan

pelbagai GLC dengan izin subsidiari. Daripada Pejabat Ketua Audit Negara Selangor, Jawatankuasa telah dimaklumkan bahawa terdapat 74 anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, angka ini mungkin berbeza dengan apa yang sebenarnya, tetapi dalam pengalaman JP-ABAS selama memasuki tahun ke-7, 6 tahun telah berlalu kita dapati bahawa syarikat-syarikat yang dengan modal bertaraf tinggi, Liga Premier menjalankan aktiviti kecilan seperti membuat keropok, cendol dan santan dan sebagainya. Bermodalkan dengan modal RM20,000,000.00 – RM25,000,000.00 dan kita dapati bahawa terlalu rencamnya maka, kesan-kesan pemantauan Kerajaan Negeri khususnya sebelum tahun 2008 yang telah terdapat pun dalam laporan Ketua Audit Negara saban tahun tidak pernah diteliti dan diendahkan. Alhamdulillah, sejak adanya Jawatankuasa Pilihan Khas dan Pilihan Dewan berkenaan dengan agensi-agensi subsidiari anak-anak Kerajaan Negeri Selangor ini, maka penelitian yang lebih teratur telah dilakukan terhadap penyata-penyata, terhadap laporan Ketua Audit Negara yang dibawa ke dalam penyata dan sebagainya yang telah dibawa sebagai satu usul. Secara umum pada dasarnya peranan anak-anak syarikat sepatutnya hanya untuk bertindak sebagai satu mekanisme untuk membetulkan kegagalan pasaran bebas dan *free market negative externalities* dengan izin untuk mencapai keadilan sosial *distributive justice* dan kemantapan ekonomi. Contohnya, pembangunan rumah-rumah bagi rakyat yang mampu dianggap sebagai kediaman, bukan lagi istilahnya rumah kos rendah walaupun istilah ini telah diperkenalkan sejak tahun 70 an lagi. Jadi, tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor, Pakatan Rakyat yang tidak mahu menggunakan istilah rumah kos rendah tapi, rumah mampu milik dan sebagainya dan satu fungsi yang lain kepada anak-anak syarikat ini sepatutnya adalah untuk memastikan kekayaan sumber semula jadi dapat dimaksimumkan untuk kebajikan rakyat. Contohnya, Kumpulan Semesta Sdn Bhd dalam perlombongan pasir dan yang berkaitan dengannya. Didalam penyata ini kita juga turut menegaskan bahawa antara penemuan utama Jawatankuasa pertamanya adalah menurut kajian adalah prestasi yang tidak memuaskan. Prestasi yang tidak memuaskan kepada sebahagian daripada anak-anak syarikat subsidiari Kerajaan Negeri Selangor mungkin tidak termasuk PKNS, KDEB yang besar-besar ini tetapi yang subsidiari kepada subsidiari dan ini menimbulkan persoalan-persoalan

dari segi ukuran dengan izin *rate of return* pada satu projek yang hendak dikendalikan.

**TUAN SPEAKER:** Y.B. Hulu Kelang dan semua pencadang, pengusul. Saya minta highlight isu-isu penting, tak payah baca keseluruhan penyata. *Highlight just the salient points.* Teruskan Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Jadi prestasi yang tidak memuaskan ini terlalu menonjol kalau kita rujuk kepada penyata ada *detail* menurut ukuran-ukuran di peringkat antarabangsa dan keduanya adalah perjanjian yang berat sebelah. Ini juga adalah satu keadaan yang terlalu dominan dalam perjalanan dan pengendalian GLC dengan izin, perjanjian yang berat sebelah dan seolah-olah penubuhan satu anak syarikat itu bertujuan untuk *facilitate* memudahkan golongan tertentu yang berkepentingan mendapat projek, mendapat perniagaan dengan bersandarkan GLC negeri Selangor. Di samping itu, berlaku pertindihan tanggungjawab dan anak-anak syarikat, Contohnya ada bukti bahawa PNSB menubuhkan anak syarikat untuk satu tujuan tertentu, PKPS di bawah anak syarikat tertentu mewujudkan syarikat yang sama berlaku pertindihan dan persaingan yang tidak sihat. Jadi dengan itu, Tuan Speaker, saya ingin mengemukakan saranan Jawatankuasa kerana skop ini adalah terlalu luas, terlalu besar, terlalu berat tetapi kita nampak *urgency* dengan izin untuk disegerakan maka penyata ini mencadangkan pertamanya adalah pihak kerajaan dengan keadaan segera mungkin melantik konsultan, juru perunding profesional untuk memberi, mengkaji dengan teliti dengan *detail* dengan teratur dengan menyeluruh secara komprehensif untuk memberi cadangan penstrukturan semula di samping pernah dalam bajet pada tahun lepas untuk bajet tahun ini belanjawan tahun ini di muka surat 44-45 kalau kita *refer* kepada kertas belanjawan Selangor 2014, maka telah ada satu komitmen di muka surat 44 dan 45, penubuhan satu Jawatankuasa bagi penambahbaikan pentadbiran, agensi dan syarikat yang berkaitan kerajaan. Jadi mungkin kalau dah wujud boleh dilihat apakah hasil kerjanya dan digabungkan dengan cadangan dan saranan daripada penyata ini dan kalau tidak apa sebabnya tidak bergerak kerana ia terkandung dalam ucapan bajet yang sudah pasti ada kaitannya dengan penggunaan saluran dana Kerajaan Negeri dalam bajet tersebut dan keduanya, penyata ini

menegaskan juga bagi JP-ABAS untuk terus mengkaji rangka kerja *neutrality competitive* bagi membolehkan satu kawalan dan penstrukturan semula anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor dilakukan dengan berkesan dalam tempoh yang terdekat bagi menggunakan kos tanggungan, bebanan yang tidak perlu dan membolehkan anak-anak syarikat ini berfungsi dengan lebih baik untuk kebajikan ekonomi negeri Selangor dan rakyatnya. Sekian, Tuan Speaker. Mohon mencadang.

**TUAN SPEAKER:** Penyokong.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Damansara utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Terima kasih Puan Speaker. Thomas Jefferson (Presiden ke-3 Amerika Syarikat) pernah berkata "*by reading of the history convinces me that most bad government result from too much government*" kerajaan sama ada dalam program sosio ataupun dalam penglibatan di GLC harus adalah dalam saiz yang cukup besar (tetapi tidak terlalu besar) untuk memaksimumkan manfaat rakyat. Kita perlu menghadkan diri daripada menjalankan aktiviti-aktiviti di mana sektor swasta lebih baik untuk melaksanakannya.

Tumpuan kita kena (menumpukan) sumber-sumber yang kita ada untuk menyediakan persekitaran makro. *That is to prepare macro environment* untuk memudahkan dan menggalakkan aktiviti-aktiviti swasta untuk pembangunan sosio. Dengan ini, saya sangat bersetuju dengan usul ini supaya Kerajaan Negeri boleh menstruktur semula anak-anak syarikat. Di usul ini (penyata ini), kita nampak bahawa terdapat 74 anak-anak syarikat di negeri Selangor. Saya sebagai ahli JP-ABAS, saya berasa bahawa bukan tidak setakat 74 sahaja sebab saya tengok PKNS sudah ada 35 *subsidiary* dalam penyata PKNS. PKPS pun ada 10 *subsidiary*. So saya nampak ada banyak cucu cicit. Memang ada banyak *and it's going to be out of control* kalau kita tidak menstruktur semula ataupun mengaudit berapa banyakkah anak-anak syarikat yang kita ada di negeri Selangor.

Apa yang kita hadapi apabila kita membuat pendengaran atau pendengaran tertutup, kita tengok GLC-GLC, mereka ada masalah yang sama. Satu, prestasi kewangan tak baik sebab hari-hari mereka tiada kecekapan. Mereka pun tiada disiplin kewangan. Yang kedua, ialah bahawa mereka (GLC-GLC) cenderung untuk membuat perjanjian usaha sama ataupun memberi kontrak yang tidak memanfaatkan Kerajaan Negeri. Dan yang ketiga, ialah terdapat banyak GLC ataupun anak-anak syarikat yang membuat kerja yang sama. So, semua ini kalau kita tengok kita hari-hari buat penyata (satu persatu, satu persatu) untuk mengkaji anak-anak syarikat, tetapi mereka ada masalah yang sama di mana semua ini ada masalah yang sama. So, kita kena ada satu *holistic approach* (dengan izin) iaitu penstrukturan semula untuk memastikan bahawa perjanjian berat sebelah, perjanjian usaha sama ataupun pemberian kontrak yang tidak memberi manfaat kepada kerajaan boleh diminimumkan dan kecekapan boleh ditingkatkan.

Saya juga telah membangkitkan pinjaman Kerajaan Negeri di perbincangan bekalannya di mana RM800 juta dipinjam oleh Kerajaan Negeri kepada anak-anak syarikat ataupun agensi-agensi kerajaan. Kita mendapati bahawa terdapat 6 penjadualan semula, 7 tunggakan, 2 lagi tarikh akhir pembayaran, tiada tarikh akhir pembayaran hutang. Ini akan mengakibatkan Kerajaan Negeri memberi pinjaman kepada anak-anak syarikat *without any discipline*. Mereka boleh menjatuhkan semua pinjaman, mereka boleh tunggakan pinjaman, mereka boleh tidak bayar balik pinjaman. Semua ini akan mengakibatkan ketidakcekapan anak-anak syarikat.

Apa yang saya khuatir ialah kita akan terus memberi bantuan kewangan seperti ini dan kita kena *bail out* anak-anak syarikat apabila mereka mengalami masalah yang sama. So, saya berasa bahawa kita kena menstruktur semula bukan sahaja menstruktur semula, tetapi kita kena ada *competitive neutrality frame work* di mana bukan sahaja kita nak menstruktur semula di mana dia adalah satu hierarki *organization* yang efisien, tetapi juga kita ada institusi ataupun rangka-rangka di mana kerjasama antara anak syarikat dan Kerajaan Negeri perlu ada satu *mode* yang efisien di mana mereka akan dipantau *business decision* (dengan izin) akan ada satu *accountability*. So, saya (dengan

ini saya) memang menyokong yang kita kena ada *competitive neutrality frame work*.

Apa yang kita ada sekarang *competitive neutrality frame work* adalah garis panduan daripada OECD. Memang garis panduan sekarang kita boleh *refer to* (membuat rujukan) bukan garis panduan yang kita boleh gunakan untuk Kerajaan Negeri Selangor sebab ini untuk negara untuk *state enterprise*. Tetapi kalau kita boleh (kalau Jawatankuasa ABAS boleh), kita boleh membuat satu kajian menyeluruh supaya kita boleh membuatkan *competitive neutrality frame work* ini dalam konteks Kerajaan Negeri. Ini akan membantu banyak tentang macam mana anak-anak syarikat ini dipantau, apakah *mode* dan yang paling penting ialah supaya memastikan bahawa anak-anak syarikat ini tidak *shield from competition (market competition)*. Kalau mereka tidak *shield from market competition*, mereka akan meningkatkan *efisiensinya* supaya boleh meningkatkan daya persaingan anak-anak syarikat.

Kita kena tahu bahawa kalau anak-anak syarikat tidak ataupun mengalami kerugian atau tidak memaksimumkan *profit* (dengan izin), ia adalah satu kerugian Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri tidak boleh mencapai *income that is supposed to be* dengan izin ataupun Kerajaan Negeri kena ambil wang rakyat untuk *build up our* anak-anak syarikat. Perkara sedemikian kena diminimumkan. Kalau kita boleh mencapai efisien anak-anak syarikat, ia akan meningkatkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri.

Dengan ada lebih banyak wang Kerajaan Negeri, kita boleh memanfaatkan rakyat. *So there is a direct relation between the performance of GLC's and the benefit of the people* (dengan izin). Dengan ini, saya menyokong usul.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, usul ini telah pun (perbahasan) tadi disokong. Ok, Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih Puan Speaker. Kinrara ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini. Sesungguhnya pun GLC berpotensi menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi kepada negeri Selangor, namun pra syaratnya ialah GLC itu perlu berubah menjadi entiti yang lebih berdaya saing dan mapan.

Adalah penting bagi Kerajaan Negeri untuk memfokuskan kepada pembaikan teras daripada segi memberi matlamat supaya ia boleh beroperasi dengan lebih berkesan. Hal ini adalah penting untuk menjamin prestasi setiap GLC supaya tidak menjadi beban kepada Kerajaan Negeri. Soalannya adalah, sejauh manakah pencapaian GLC yang berperanan penting dalam menjayakan agenda-agenda Kerajaan Negeri? Sebelum tahun 2008, kerajaan Barisan Nasional ketika itu telah menubuhkan banyak GLC. Persepsi orang awam tentang penubuhan GLC yang begitu banyak adalah sekadar untuk mengisi kroni-kroni sahaja.

Kerajaan Pakatan Rakyat sebagai sebuah kerajaan yang berhasrat untuk membawa reformasi dan ubah ke negeri Selangor harus memandang serius tentang persepsi orang awam ini dan mengambil tindakan segera dalam penstrukturan semula GLC. Saya masih ingat dalam belanjawan Pakatan Rakyat 2013, satu daripada tujuh teras belanjawan adalah reformasi dan ketelusan GLC.

Kerajaan Negeri perlu berhati-hati supaya tiada GLC Selangor yang akan mencontohi 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang telah catat kerugian sebanyak RM668 juta dan tanggung hutang sebanyak RM41 billion dalam masa lima tahun sahaja. Akhirnya siapa yang akan menanggung liabiliti itu? Bukan Barisan Nasional. Rakyat yang akan menanggung.

Tuan Speaker,

Di samping itu, kita juga sering dengar perasaan kurang senang daripada syarikat swasta berkaitan peranan syarikat milik kerajaan atau GLC yang menjadi pesaing kepada syarikat swasta. Sebagai contoh, saya tidak nampak rasional untuk Kerajaan Negeri memegang GLC di dalam bidang seperti hospitaliti, kelab golf, menjual ubat jamu, madu dan sebagainya. Sekiranya hasrat Kerajaan Negeri adalah untuk membantu usahawan kecil, kerajaan boleh melalui skim-skim yang lain seperti Skim Sel dan MIMBAR untuk membantu usahawan kecil menceburi di dalam bidang perniagaan.

Oleh itu, Kinrara melihat bahawa tibanya masa untuk mengkaji semula rasional mengujud dan banyak GLC sehingga terdapat GLC yang menjalankan peranan dan objektif yang sama dan mencapai satu

paradigma yang berbeza bagi membabitkan atau peranan GLC dalam CSR (dengan izin) untuk menjamin *win win situation* dalam memberi faedah kepada syarikat GLC dan masyarakat pada masa yang sama.

Di samping itu, Kinrara juga menjalankan open *recruitment* untuk jawatan CEO. Justeru juga seperti syarikat swasta lain, pengurusan yang lebih profesional dan mahir dalam bidang yang berkenaan. Hal ini juga membolehkan pengurusan yang lebih bebas dan lebih fleksibel dan mengamalkan sesuatu polisi perniagaan bagi mencapai matlamat ekonomi.

Akhir sekali, menutup syarikat-syarikat GLC yang telah pun lumpuh dan tidak berpotensi untuk dimajukan pada masa depan. Dengan ini, Kinrara mohon menyokong usul ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Puan Speaker. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan anak-anak syarikat di negeri Selangor. Cukup maklum bahawa terdapat banyak anak syarikat sehingga jawatankuasa ABAS ini pun tidak dapat mengenal pasti berapa jumlah bilangan anak syarikat (keseluruhan) di negeri Selangor.

Pada pandangan saya, tidak adil untuk membandingkan semua GLC berbanding syarikat di pasaran bebas. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri Selangor telah meletakkan beberapa syarat *social obligation* (dengan izin) terhadap GLC beberapa GLC-GLC ini. Pada pandangan saya, dengan letak *social obligation* ini ke atas GLC-GLC ini, kita tidak dapat melihat aktiviti keuntungan mereka sama ada betul-betul berprestasi bagus ataupun tidak. Saya bagi satu contoh, PKNS. PKNS melibatkan diri dalam rumah mampu milik. Itu satu obligasi sosial. Yang itu tidak menguntungkan PKNS tetapi PKNS juga terlibat dalam pembangunan rumah-rumah yang berharga tinggi yang sepatutnya dalam pasaran bebas. Sepatutnya kita boleh membandingkan keuntungan. PKNS menceburi projek-projek ini berbanding syarikat-syarikat swasta seperti Sunway, IJM dan sebagainya.

Jadi saya ingin mencadangkan pada hari ini, bahawa semua GLC di negeri Selangor perlu di struktur semula supaya jelas dibahagikan tugas sama ada GLC itu bertujuan untuk membuat satu obligasi sosial. Kalau ya, *then* GLC itu diberi satu mandat, diberi dana yang mencukupi dan mungkin geran daripada Kerajaan Negeri Selangor supaya dapat membuat obligasi sosial tersebut. Dan GLC-GLC yang lain yang berorientasikan menjana pendapatan dan keuntungan, yang itulah kita akan membandingkannya dengan syarikat-syarikat yang setaraf. Jadi, mungkin PKNS itu (anak syarikat PKNS itu) kena dibahagikan yang mana yang nak *compete* dalam *market* (*open market*). Dan mana yang tak *compete*, dia membuat *social obligation*. Dan lama-kelamaan, syarikat-syarikat yang berunsurkan (berfokuskan) ke atas keuntungan tersebut, jika tidak boleh mencapai sasaran, mungkin sampai masanya kita tidak melawan dengan pasaran bebas. *Let businesses be, we focused on governing.*

Saya rasa juga lebih bagus kita memberi fokus terhadap mengawal *regulation* (dengan izin) peraturan-peraturan, undang-undang dan kita mengenakan *levy* cukai dan sebagainya ke atas tanah daripada kita menceburi pembangunan tanah. Sudah cukup banyak pemaju swasta yang ada, jadi mengapa kita hendak *compete* di mana tidak ada keperluan. GLC untuk fungsi sosial itu saya faham. Itu kita perlu memastikan mereka berterusan mencapai sasaran dan objektif. Mungkin GLC sosial itu perlu dinilai daripada objektif lain bukan objektif *profit and lost statement*.

Saya juga dapati satu contoh, Kumpulan Perangsang Selangor hendak masuk perniagaan TELCO, sudah membeli saham 30% dalam satu syarikat Caress Telekom Sdn. Bhd. Untuk menceburi bidang telekomunikasi. Berhasrat nak *compete* dengan Digi, Telekom dan MAXIS ke? Saya rasa itu *should it* (itu sepatutnya) tidak menjadi fokus negeri Selangor. Banyak benda yang kita perlu buat. PBT perlu ditambah baik, perumahan mampu milik perlu ditambah baik. Tidak payahlah kita mengambil usaha, masa ahli-ahli MMKN untuk kita fikir macam mana nak bertanding dengan syarikat swasta di luar. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker saya ingin turut serta dalam perbahasan tentang anak-anak syarikat ini. Saya ingin merujuk kepada satu laporan yang dibuat oleh *United Nation Department of for Economic And Sosial Affair* pada tahun 2007 yang mana dalam laporan tersebut menyatakan sebenarnya setakat ini tidak ada satu teori yang *justified* sama ada kita perlu ada GLC atau pun tidak. Sebab saya rasa pengalaman kita di Malaysia bila kita nampak di peringkat kerajaan persekutuan banyak kali contoh-contoh yang kita fokus adalah contoh yang tidak baik. Maksudnya tidak untung, tidak ada pembangunan dan akhirnya rakyat kena tanggung kerugian. Saya rasa kita mencadangkan satu kajian menyeluruh dibuat adalah supaya kita boleh lihat dalam satu konteks yang lebih holistik dan menyeluruh dengan izin, sebab kita tahu GLC atau pun anak-anak syarikatnya ada peranannya yang dimainkan khasnya seperti yang dijelaskan untuk mewujudkan satu keadaan keadilan sosial untuk rakyat-rakyat mungkin yang tidak mampu atau pun terpinggir dalam masyarakat kita. Kita nampak sebenarnya adalah ada empat asas kenapa kita perlu ada GLC. Kalau ikut laporan tersebut. Yang pertama, dalam satu industri yang ada *natural monopoli* dengan izin, maksudnya satu industri dengan keadaan dia cuma ada seorang *supplier*, macam air kita perlukan kerajaan contohnya di Selangor kita berjaya dengan satu cadangan untuk penstrukturan semula dan dikawal selia di bawah GLC yang mana harga itu kita rasa dia perlu satu asas yang rasional supaya tidak membebankan rakyat dan saya dapati sepanjang jawatankuasa kita audit ataupun mengadakan pendengaran tertutup terhadap subsidiari-subsidiari ataupun GLC ini, salah satu aspek yang saya nampak kurang diberi perhatian Kerajaan Negeri atau pun anak syarikat adalah dari segi R & D dengan izin, yang mana saya nampak adalah penting supaya kita boleh kembangkan lebih banyak lagi teknologi dan juga inovasi yang baru dalam kita mengembangkan kapasiti teknologi ataupun fizikal dalam Kerajaan Negeri Selangor itu. Itulah sebabnya saya rasa dan saya yakin dengan adanya cadangan penstrukturan semula ini kita dapat dengan satu *management* ataupun pengurusan yang lebih efisien dan tonjolkan satu contoh yang baik bermula di Negeri Selangor ini, kita ada anak syarikat yang boleh *deliver* dan pada masa yang sama menjaga keperluan dan kebajikan rakyat. Dengan itu saya menyokong usul ini.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah sekarang saya jemput pihak kerajaan jika ingin memberi ulasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin memberikan sedikit maklum balas yang di bawah oleh Yang Berhormat Hulu Kelang berhubung penyata yang telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Pilihan ABBAS berhubung cadangan penstrukturan semula anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Sukacita saya memaklumkan bahawa keprihatinan yang telah ditunjukkan oleh Jawatankuasa juga merupakan perkara-perkara yang diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri dalam usaha kita untuk meningkatkan tadbir urus yang lebih bertanggung jawab, amanah dan telus pada ketika ini. Sebab itu dalam belanjawan 2015 saya juga telah menegaskan semua teguran dan penemuan oleh Ketua Audit Negara itu harus diberikan perhatian secara khusus oleh PAC dan juga jawatankuasa-jawatankuasa pilihan yang telah dibentuk oleh dewan. Dan salah satunya seperti yang telah dibentangkan oleh jawatankuasa ini berhubung langkah-langkah yang perlu diambil untuk menstrukturkan semula anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. Saya mengambil maklum bahawa persoalan integriti dan juga ketirisan memang perlu dilihat secara serius dan diambil langkah-langkah untuk memperbetulkannya. Dan sekiranya kita mempunyai satu kerajaan yang kuat, yang bertanggung jawab pimpinannya sehinggalah ke peringkat GLC. Saya kira perkara ini boleh di tangani dengan berhemah. Cuma kita kena lihat juga pembentukan dan penubuhan anak-anak syarikat ini, ia menggunakan perundangan yang berbeza ya, Seperti PKNS ianya di bawah enakmen, tetapi seperti PNSB pembentukannya di bawah akta syarikat. Maka kita kena lihat juga peranan yang dimainkan kerana bagi Kerajaan Negeri, perbadanan ataupun anak-anak syarikat ini masih diperlukan untuk membantu pembangunan negeri dan juga pengurusan tanah. Saya mendengar cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Bukit Gasing bahawa mungkin kita boleh tumpu kepada anak-anak syarikat yang menjalankan kegiatan kebajikan sosial untuk rakyat. Tetapi harus diingat untuk menterjemahkan program-program sosial bagi kepentingan rakyat ini melalui program-program CSR ini, dia memerlukan satu dana. Maka apa yang kita buat dalam prinsip *cross* subsidi ini adalah keuntungan yang diperolehi daripada satu pembangunan hartanah itu di bawa untuk menampung program-

program CSR. Sebagai contoh PKNS terpaksa menampung 80 juta ringgit untuk menyiapkan perumahan mampu milik di Bukit Botak. Ini bukan satu jumlah yang kecil sekiranya tidak ada program dan projek yang memberikan sedikit keuntungan kepada syarikat yang berkenaan maka program-program CSR ini akan dibebankan kepada Kerajaan Negeri. Sebab itu saya katakan sementara kita perlu mengimbangi di antara peranan GLC untuk mendapat keuntungan yang munasabah bagi menampung program CSR yang harus diberikan pertimbangan dalam jawatankuasa ini ialah bagaimana kita meningkatkan ketelusan dan integriti pengurusan tersebut supaya kita boleh minimumkan kos pengurusan dan meningkatkan produktiviti bagi syarikat yang berkenaan. Sebagai contoh. PKNS untuk saya syer pada pagi ini. Sebenarnya PKNS telah pun memulakan usaha-usaha untuk menyusun semula beberapa subsidiari yang mempunyai masalah dari segi pengurusannya, dari segi prestasi kewangannya dan juga pentadbirannya supaya dengan penyusunan semula subsidiari di dalam PKNS itu dapat kita membentuk *synergy* dalam peranan PKNS untuk pembangunan bandar dan juga hartanah. Kita lihat peranan yang telah dimainkan oleh PKNS dalam pembangunan negeri juga harus di rekodkan pengiktirafan kita, bukan setakat dia PKNS telah membangunkan jumlah rumah yang begitu besar, puluhan ribu tetapi juga pembangunan bandar seperti Shah Alam, Bandar Baru Bangi, Bandar Sulaiman dan beberapa pembangunan bandar yang lain. Tetapi sekali lagi dengan usaha untuk menyusun semula anak-anak syarikat dan subsidiari di bawah PKNS itu dapat kerajaan memantau pentadbiran dan pengurusannya supaya lebih bertanggung jawab dan lebih kos efektif untuk menguruskan subsidiari yang berkenaan. Bagi PNSB juga kita sedia maklum mereka juga terlibat dalam pembangunan hartanah maka pengurusan PNSB itu juga dalam proses untuk diperkemaskan dan sekiranya ada subsidiari yang tidak memberikan pulangan kepada syarikat berkenaan, sudah tentu kita mengambil langkah untuk menutup dan menyusun semula penstrukturan syarikat berkenaan. Walau bagaimana pun beberapa cadangan khusus yang dibentangkan oleh jawatankuasa ini akan diambil serius oleh Kerajaan Negeri dalam pelaksanaannya dan dalam pertemuan kita dengan pimpinan dan pengurusan GLC, perkara-perkara ini akan dimaklumkan kepada mereka.

**TUAN SPEAKER:** Ya Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, tadi saya timbulkan tentang terdapat dalam ucapan bajet 2014 yang dibentangkan pada tahun lalu, jawatankuasa penambahbaikan pentadbiran agensi negeri dan syarikat berkenaan berkaitan kerajaan GLC negeri Selangor. Apakah kemajuan yang telah dicapai dan apakah peruntukan yang telah digunakan berdasarkan bajet yang telah digariskan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang. Saya tidak ada maklumat tentang jawatankuasa yang telah diumumkan pembentukannya, apakah jawatankuasa itu telah menjalankan tugas dan fungsi seperti yang dinyatakan. Walau bagaimana pun saya akan semak balik penemuan dan hasil yang dibuat oleh jawatankuasa yang berkenaan. Walau bagaimana pun saya kira GLC-GLC di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri ini sedia maklum tentang tuntutan dan cabaran yang sedang kita hadapi pada hari ini dan dengan pembentangan cadangan-cadangan yang di buat oleh jawatankuasa ini saya percaya tanpa melalui banyak sangat birokrasi, dengan banyak sangat *task force* dan jawatankuasa perlu di persembahkan terus penemuan jawatankuasa ABBAS ini kepada mereka supaya perkara-perkara ini boleh diteliti dan saya melihat pengurusan baru di peringkat GLC pada hari ini bersedia untuk *commit* menjayakan cadangan-cadangan yang dikemukakan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap anak-anak syarikat yang membuat perniagaan seperti madu apa yang tidak berkaitan dengan kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Madu diperlukan Damansara Utama ya. Madu manisan bukan yang lain ya. jangan salah faham. Cuma saya juga setuju bila kita bincang soal penyusunan semula subsidiari-subsidiari ini yang saya nyatakan tadi, kalau tidak memberikan pulangan atau memberikan kebaikan ataupun pengurusannya lemah, maka perlu ditutup dan diselaraskan supaya ada *synergy* dengan syarikat induk yang berkenaan. Dan perkara ini perlu diambil kira berdasarkan cadangan-cadangan yang dibuat oleh jawatankuasa pilihan ini dan saya akan berkongsi penemuan ini dengan semua pengurusan GLC supaya diberikan perhatian. Dan

saya perkara dalam tempoh yang terdekat ini kita boleh melapur semula kepada dewan tentang kemajuan yang telah dicapai dalam usaha kita menambahbaikkan urus tadbir GLC di negeri Selangor.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Nak tanya Kerajaan Negeri boleh tak kita *first of all know, how many GLC we have in the state.*

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya, statistik itu boleh kita bekalkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan 765 peraturan-peraturan tetap dewan negeri Selangor, dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa pilihan mengenai agensi, badan berkanun dan anak syarikat Kerajaan Negeri JP ABASS bagi dewan negeri Selangor berkenaan cadangan penstrukturan semula anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 42 tahun 2014.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata **YA** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**. Usul ini **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul No. 38 Tahun 2014, usul di bawah peraturan tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap dewan negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa peraturan-peraturan tetap bagi dewan negeri Selangor yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 50 tahun 2014.

Tuan Speaker, menurut kelulusan dan arahan dewan yang mulia ini pada persidangan dahulu, jawatankuasa peraturan-peraturan tetap telah mempertimbangkan dan mengkaji secara teliti cadangan pindaan peraturan-peraturan tetap menurut peraturan tetap 69 (4). Untuk

makluman dewan yang mulia ini keputusan dibuat oleh jawatankuasa peraturan-peraturan tetap adalah kesemuanya sebulat suara di mana syor-syor jawatankuasa peraturan-peraturan tetap telah dinyatakan secara terperinci dalam kertas bilangan 50 2014.

Tuan Speaker, cadangan yang dikemukakan melibatkan pindaan lima Peraturan-Peraturan tetap iaitu peraturan-peraturan tetap 11, 24, 68, 73 dan 76. Penambahan sub 1 peraturan-peraturan tetap 10A. Pindaan-pindaan tersebut telah melibatkan lapan (8) aspek:

- (i) Liputan Persidangan Dewan. Peraturan Tetap 10A yang baru akan memperuntukkan bahawa setiap Persidangan Dewan hendaklah disiarkan secara langsung sama ada melalui stesen televisyen ataupun laman sesawang sepanjang masa persidangan. Saya difahamkan bahawa sejak tahun 2008, selepas Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan Negeri Selangor, Persidangan Dewan Negeri Selangor telah disiarkan secara langsung kepada orang awam melalui Portal Multimedia Dewan yang mulia ini. Oleh itu, telah sampai waktu perkara ini dirasmikan dengan dimasukkan ke dalam Peraturan-Peraturan Tetap untuk mewajibkan siaran langsung Persidangan Dewan diteruskan selaras dengan konsep kerajaan yang telus, amanah dan bertanggungjawab. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, negara-negara lain seperti Australia, New Zealand, United Kingdom dan India juga mengamalkan amalan yang sama. Di Australia, siaran langsung persidangan parlimen adalah diwajibkan di radio dan televisyen di bawah satu akta yang dikenali sebagai *Parliamentary Proceeding Broadcasting Act 1946* dengan izin. Di New Zealand, siaran langsung persidangan parlimen diwajibkan menurut Fasal 44, Peraturan Tetap Parlimen New Zealand. Di United Kingdom, Perbadanan Penyiaran British (BBC) diperlukan di dalam lesennya untuk *broadcast and in partial account day by day prepared by professional reporters of the proceeding Board Houses of Parliament* dengan izin. Di India dan Kanada, walaupun perkara tersebut tidak dimasukkan dalam undang-undang ataupun Peraturan Tetap mereka, persidangan-persidangan parlimen akan disiarkan langsung kepada rakyat mereka masing-masing.

- (ii) Aspek yang kedua, masa Persidangan Dewan. Peraturan Tetap 11(1) dicadangkan untuk dipinda untuk meluaskan masa rehat bagi Persidangan Dewan pada setiap Jumaat selama setengah jam dari tempoh asal iaitu dari pukul 12.00 tengah hari hingga pukul 2.30 petang dipanjangkan ke pukul 12.00 tengah hari hingga pukul 3.00 petang untuk membolehkan Ahli-Ahli Dewan, kakitangan-kakitangan Dewan dan juga kakitangan-kakitangan kerajaan yang terlibat dalam Persidangan Dewan beragama Islam mempunyai lebih masa untuk makan tengah hari dan solat Jumaat.
- (iii) Tuan Speaker, ketiga, cara mengeluarkan dan menjawab Pertanyaan. Peraturan Tetap 24(2) dicadangkan untuk dipinda untuk memasukkan perkataan "Tertakluk kepada budi bicara Tuan Speaker supaya memberi budi bicara kepada Tuan Speaker untuk sama ada membenarkan Penyataan Lisan diambil oleh Ahli-ahli Dewan yang lain apabila Ahli yang menanya soalan tersebut tidak hadir". Peraturan Tetap 24(2) kini sebenarnya tidak memberi kuasa kepada Tuan Speaker untuk tidak membenarkan Ahli Dewan yang lain mengambil pertanyaan lisan Ahli-ahli Dewan yang tidak hadir walaupun Ahli-ahli Dewan selalunya tidak mendesak hak-hak mereka tersebut dan menyerahkan hak tersebut kepada Tuan Speaker. Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap berpendapat bahawa kuasa tersebut patut diberikan kepada Tuan Speaker untuk memastikan Peraturan-Peraturan Tetap tidak disalah guna. Pindaan ini juga akan menggalakkan kehadiran Ahli-ahli Dewan untuk mengambil soalnya sendiri. Selain daripada itu, Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap juga telah sebulat suara menyokong penambahan dua perenggan kecil baru ke Peraturan Tetap 24 seperti berikut :-
- (a) 24(7), sebarang pertanyaan untuk jawapan lisan yang tidak sempat dijawab oleh Menteri Besar hendaklah diberikan jawapannya secara bertulis kepada Ahli yang bertanyakan soalan tersebut sebelum Usul hendak menengguhkan Dewan kepada hari yang lain dibawa. Tuan Speaker, pertanyaan-pertanyaan

kepada jawapan lisan seharusnya dijawab semasa Dewan bersidang. Ini bermaksud semua jawapan perlu disediakan sebelum Dewan ditangguhkan. Oleh yang demikian adalah sesuai untuk keperluan ini dimasukkan ke dalam Peraturan-Peraturan Tetap supaya mewajibkan apa yang telah menjadi patut dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga EXCOnya.

- (b) 24(8) semua pertanyaan bagi jawapan bertulis mestilah dijawab dan jawapan bertulis diedarkan kepada Ahli yang bertanyakan soalan tersebut pada minggu pertama Persidangan Dewan. Tuan Speaker, adalah penting untuk satu tempoh dikenakan ke atas kewajipan Kerajaan Negeri memberi jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan bertulis supaya Ahli-ahli Dewan yang mulia ni pasti akan dapat jawapan atas soalan-soalan mereka dalam masa yang tertentu. Selain daripada itu ini juga akan memastikan soalan yang telah ditanya dan dijawab tidak akan ditanya lagi selaras dengan Perintah Tetap 23(1)(P) dan juga untuk mencapai tujuan ini lebih baik untuk semua jawapan bertulis pada hari pertama dibekalkan pada hari pertama Persidangan Dewan sebenarnya. Ahli-ahli Dewan yang berkenaan juga akan dapat merujuk kepada jawapan kepada soalnya apabila berbahas dalam Dewan dan meminta penjelasan dan maklumat selanjutnya atau atas jawapan yang dibekalkan tersebut sekiranya perlu. Untuk makluman Dewan yang mulia ni di Parlimen Negara kita dan juga Dewan-Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan Kelantan, pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan bertulis dapat dijawab di mana jawapan bertulis adalah diedarkan kepada Ahli-ahli yang berkenaan pada hari pertama persidangan.

- (iv) Aspek keempat, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan. Ketua Pembangkang tak ada. Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap mencadangkan untuk meminda Peraturan Tetap 68(1) supaya mewajibkan Ketua Pembangkang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan maka mengetuai Jawatankuasa tersebut untuk memastikan perbelanjaan Kerajaan Negeri adalah teratur. Semenjak Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan Negeri Selangor tawaran telah sentiasa dibuat kepada Ketua Pembangkang supaya menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan tetapi Ketua Pembangkang telah menolak tawaran tersebut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini amalan pelantikan ahli dari parti pembangkang sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan telah dilakukan di negara-negara lain seperti di Parlimen-Parlimen United Kingdom, India dan Kanada. Di Kanada keperluan pelantikan ahli dari parti pembangkang sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Bagi Parlimen Kanada telah dimasukkan dalam Peraturan Tetap Parlimen Kanada 106(2). Satu kajian yang telah dijalankan oleh *Commonwealth Parliamentary Association* (CPA) menunjukkan bahawa 67% daripada Negara-negara Komanwel melantik ahli pembangkang sebagai Pengerusi PAC. Menurut Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, Dewan yang mulia ini tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan dengan pentadbiran Kerajaan Negeri kecuali atas isu kewangan, di mana perbelanjaan Kerajaan Negeri setiap tahun perlu jadikan Rang Undang-Undang untuk diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan adalah sangat penting berbanding dengan Jawatankuasa-Jawatankuasa pilihan yang lain. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pilihan, Ketua Pembangkang akan dapat meneliti dan memeriksa perbelanjaan Kerajaan Negeri dan memastikan Mesyuarat Jawatankuasa dijalankan secara teratur. Pengerusi Jawatankuasa juga merupakan wakil Jawatankuasa tersebut yang boleh memberi pandangan kepada media atau orang awam bagi pihak Jawatankuasa sekiranya terdapat

ketidakteraturan dalam perkara yang diperiksa. Sekiranya ketidakteraturan yang didapati tidak dipandang serius oleh Ahli-ahli lain dalam Jawatankuasa tersebut maka tidak dapat mencapai keputusan untuk melaksanakan siasatan, Ketua Pembangkang selaku Pengerusi Jawatankuasa akan dapat membahaskan keadaan tersebut dalam Dewan untuk dijawab oleh Dato' Menteri Besar. Saya percaya inilah fungsi yang terutama bagi Ketua Pembangkang dan sekiranya Ketua Pembangkang tidak ingin bertindak sekiranya tidak dapat kuasa mutlak, saya gagal melihat apa peranan lagi Ketua Pembangkang ini memainkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya memohon kebenaran untuk merujuk kepada Peraturan Tetap 72(1) yang memperuntukkan bahawa seberapa bolehnya tiap-tiap Jawatankuasa Pilihan hendaklah ditubuhkan supaya terbayang di dalam kadar parti masing-masing dalam Dewan. Dalam Dewan yang mulia pada hari ini pihak Pakatan Rakyat memegang 43 daripada 56 kerusi iaitu 76.7%, manakala pihak Barisan Nasional memegang 12 daripada 56 kerusi iaitu 21.4%. Atas *ratio* ini, pihak Pembangkang hanya dapat 1 keahlian di dalam Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan. Oleh itu permintaan Ketua Pembangkang bahawa pihak Pembangkang diberikan keahlian majoriti dalam Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan melanggar terus Peraturan Tetap 72(1) dan oleh itu tidak dapat dipertimbangkan.

- (v) Puan Speaker, Aturan dalam Jawatankuasa Pilihan, Peraturan 73(5) dicadangkan untuk dipinda untuk memastikan satu Jawatankuasa Pilihan masih dapat berfungsi walaupun Pengerusinya enggan melaksanakan tugasnya dengan menetapkan masa dan tempat bagi mesyuarat pertamanya. Dengan pindaan yang dicadangkan, Speaker akan berkuasa untuk menetapkan masa dan tempat bagi mesyuarat sekiranya Pengerusinya tidak membuat demikian dan melantik salah seorang daripada Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut supaya mempengerusikan mesyuarat sekiranya Pengerusi tidak hadir. Pindaan yang

dicadangkan terhadap Peraturan 73(8) akan membolehkan Penolong Setiausaha Dewan atau wakil-wakil lain dijadikan Setiausaha kepada tiap-tiap Jawatankuasa Pilihan selain daripada Setiausaha Dewan sendiri. Ini akan perlu untuk meringankan beban kerja Setiausaha yang begitu berat memandangkan Dewan yang mulia ini pada masa ini mempunyai 9 Jawatankuasa Pilihan yang bergerak secara sangat aktif.

- (vi) Keenam Tuan Speaker. Saranan Jawatankuasa Pilihan dalam Penyata. Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap telah dengan sebulat suara menyokong penambahan satu perenggan kecil kepada Peraturan Tetap 76 iaitu 76(7) yang memperuntukkan bahawa Menteri Besar hendaklah melaporkan kepada Dewan maklum balas berkenaan dengan saranan-saranan yang dikemukakan oleh mana-mana Jawatankuasa Pilihan atau Jawatankuasa Pilihan Khas di dalam Penyata Jawatankuasa Pilihan atau Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah dibentangkan dan diterima oleh Dewan dalam mesyuarat seterusnya. Puan Speaker, penambahan perenggan kecil ini adalah untuk memastikan semua saranan-saranan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan dapat diambil berat, diteliti dan dijawab oleh pihak Kerajaan Negeri kerana saranan-saranan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan adalah hasil usaha bersama semua ahli mesyuarat selepas mesyuarat dan mesyuarat, *meeting after meeting* dengan izin dan ada yang juga terlibat proses penyiasatan termasuk pendengaran dengan memanggil saksi-saksi keterangan seperti SELCAT. Kesemua usaha ini perlu diambil berat oleh pihak Kerajaan Negeri dengan memberi maklum balas dengan apa yang dicadangkan.
- (vii) Ketujuh, Puan Speaker, gelaran Tuan Speaker. Ini yang sangat menarik. Tuan Speaker, gelaran tidak seharusnya dimasukkan dalam Akta Undang-Undang ataupun Peraturan-Peraturan seperti Peraturan-Peraturan Tetap. Oleh yang demikian adalah sesuai untuk membatalkan

perkataan “Tuan” sebelum perkataan “Speaker” di dalam Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor selaras dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959. Tuan Speaker, seperti Menteri Besar yang telah disebut dalam Peraturan-Peraturan Tetap, ia tidak menyebut Dato’ Menteri Besar tetapi hanya Menteri Besar sahaja kerana Dato’ adalah gelaran. Jadi saya rasa adalah tidak sesuai untuk gelaran dimasukkan. Saya juga ingin menarik perhatian Tuan Speaker ke versi *English* Peraturan-Peraturan Tetap di mana Tuan Speaker telah diterjemahkan sebagai *Mr. Speaker*. Walaupun dalam bahasa Melayu gelaran Tuan tidak semestinya merujuk kepada lelaki, tetapi *Mister* dalam Bahasa Inggeris hanya merujuk kepada lelaki. Oleh itu terjemahan Tuan Speaker sebagai Mr. Speaker di Peraturan Tetap 6 dan sebagainya telah menunjukkan diskriminasi terhadap wanita. Pada hakikatnya Speaker Dewan Negeri Selangor adalah seorang wanita sekarang. Oleh yang demikian, pindaan ini adalah sangat perlu, walaupun Ahli-ahli Dewan masih boleh memanggil Speaker sebagai Tuan Speaker dalam Dewan yang mulia ini.

- (viii) Kelapan iaitu yang terakhir, iaitu memperbetulkan kesilapan ejaan-ejaan. Tuan Speaker, *exercise* ini perlu dilakukan dari masa ke semasa kerana terdapat banyak kesilapan ejaan dalam Peraturan-Peraturan Tetap di versi Bahasa Kebangsaan dan juga di versi Bahasa Inggeris. Jadi ini adalah untuk memperbetulkan kesilapan ejaan-ejaan dalam Peraturan-Peraturan Tetap dan *exercise* ini akan terus dilakukan pada masa ke semasa dan dengan ini seperti yang berdasarkan alasan-alasan yang di atas saya dengan rendah diri memohon supaya Usul yang dibawa ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Penyokong.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, Usul ini telah pun disokong, saya buka untuk dibahaskan. Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya belum pinda Tuan Speaker lagilah. Saya nak menyentuh ada 2 perkara sahaja dalam apa yang dibawa oleh Pandamaran berhubung dengan apa ni usul mengenai Jawatankuasa Peraturan Tetap Dewan.

Pertama, saya nak rujuk kepada perkara Peraturan 24, Peraturan 24 iaitu melibatkan pengambilan soalan ya oleh anggota lain yang berdasarkan budi bicara Tuan Speaker. Saya tidak ada halangan dan amat menyokong pindaan yang dibuat. Cuma saya nak minta satu perbahasan ini mengenai apa ni, mengenai soalan-soalan yang dikemukakan oleh ahli-ahli yang hadir. Ataupun ahli-ahli yang sebagai ataupun Ahli Yang Berhormat. Sebab dalam semakan sayalah, selama 6 tahun sebagai Ahli Dewan, saya dapati soalan-soalan ini kadang-kadang saya tak kata tidak adil tetapi kadang-kadang kedudukan soalan. Saya sendiri terlibat dalam banyak menghantar soalan-soalan sepanjang Dewan tetapi soalan-soalan saya kadang-kadang dapat nombor 100, 120, 130 yang berkemungkinan itu untuk dijawab agak jauh. Jadi saya nak mencadangkan walaupun tidak menjadi satu Peraturan tapi saya nak mohon kepada jawatankuasa yang menguruskan mengenai soalan-soalan Dewan ini untuk berlaku adil. Saya nak minta selepas ditolak dengan jumlah daripada pihak kerajaan 10 orang, jadi ada baki lagi 46 Yang Berhormat. Kalau boleh kita berlaku adil, setiap Ahli Yang Berhormat diberi peruntukanlah. Untuk 46 soalan yang pertama itu sekurang-kurangnya dimasukkan setiap soalan daripada pihak ADUN-ADUN lah. Jadi begitu juga dengan ikutan yang keduanya. Supaya apa ni, setiap ADUN berasa bahawa soalan mereka adalah penting. Kadang-kadang bila soalan kita nombor 300 Tuan Speaker, kita rasa soalan kita tak penting. Jadi kita nak minta kalau boleh 46 soalan yang pertama tu setiap ADUN dapat ruang soalan mereka. Soal mereka hantar lewat, sekarang kita dah ada *date line*, 21 hari. Jadi saya percaya semua ADUN akan hantar kecuali ADUN yang tak menghantar soalanlah. Jadi kalau saya cadangkan. Kemudian 46 yang kedua juga boleh, bolehlah selepas itu ditolak ansurlah mana-mana soalan dan sebagainya. Jadi saya mengharapkan dengan pindaan ini saya boleh bersetuju dengan pindaan Perkara 24 tapi dengan mengharapkan supaya Jawatankuasa Penilaian Soalan memberi ruang kepada semua ADUN mendapat soalan dalam 100 yang pertama itu sekurang-kurangnya setiap orang

dapat 2 soalan. Jadi, untuk memberikan penghargaan kepada ADUN yang menghantarkan soalan-soalan mereka.

Tuan Speaker, saya nak tambah mengenai pelantikan PAC, no.68 yang dicadangkan oleh Damansara, oleh pihak Pandamaran. Pelantikan Ketua Pembangkang sebagai Pengerusi PAC. Pada dasarnya saya percaya laporan ini akan dipersetujui dan akan diluluskan oleh pihak Dewan kerana jumlah majoriti yang ada di pihak penyokong kerajaan. Cuma saya nak mintakan satu perbahasan ini bahawa tadi Pandamaran juga menyebut satu peraturan lain iaitu, saya minta maaf kalau saya tersilap tadi 73, mengenai kuota ya? Yang tidak membolehkan apa ni penambahan di antara 76% dengan 21%. Antara pihak Kerajaan dan juga pihak Pembangkang. Tetapi atas semangat, kalau nak meletakkan Ketua Pembangkang sebagai Pengerusi PAC tak ada halangan. Jadi saya percaya itu bukan satu halangan yang besar pun. Dan selepas dimaktub, diterima sebagai Peraturan Tetap secara automatiknya akan diterima sebagai Pengerusi PAC. Cuma kalau semangatnya untuk meletakkan Ketua Pembangkang sebagai untuk semak dan imbang *check and ballance* kepada dasar-dasar, saya nak mohon dalam isu ini supaya ada peraturan yang disebut oleh pihak Pandamaran, saya minta maaf saya tak sempat catat tadi. Peraturan yang berhubung dengan kuota

**TUAN SPEAKER:** 72 (1)

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** 72(1). Ok, kalau boleh itu juga diberikan apa ni, apa ni pindaan supaya kalau untuk tujuan dan semangat semak dan imbang saya percaya kalau pengerusinya ialah daripada Ketua Pembangkang dengan 6 jawatankuasa. Katakan seorang lagi wakil daripada pihak apa ni pembangkang, maka saya percaya apabila kita nak memilih apa isu-isu yang nak dibawa kepada PAC sudah tentu Ketua Pembangkang tidak ada apa-apa suara pun. Sebab bila dicadang perkara-perkara yang mungkin melibatkan kepentingan-kepentingan pihak kerajaan mungkin tak boleh diterima. Jadi sekejap, sekejap lagi, sekejap lagi. Jadi saya mencadangkan kalau boleh 72(1) ini juga dibuat pindaan supaya diberikan, kalau benar-benar atas semangat untuk *check and ballance* dasar-dasar Kerajaan Negeri kita beri peluang supaya sekurang-kurangnya 4 daripada pihak pembangkang supaya benar-benar kita boleh. Sebab

kita juga akan tertakluk buat laporan kepada Dewan mengenai apa juga penemuan-penemuan daripada Jawatankuasa PAC. Jadi, itu tujuan yang berkenaan untuk kita betul-betul pastikan semangat ini betul dan memenuhi hasrat pindaan yang kita nak bawa untuk semak dan imbang, kita beri peluang Pengerusi dan juga 3 jawatankuasa daripada pihak pembangkang supaya, kecualilah kalau zaman dulu pembangkang di Dewan hanya 2 orang, memang tak cukup. Jadi kita ada 12. Jadi kalau benar-benar semangat pindaan ini bertujuan untuk semak dan imbang dasar-dasar kerajaan, kita minta 72(1) itu juga dibuat pindaan supaya diberikan ruang yang besar. Jadi kita benar-benar boleh memainkan peranan

**Y.B. TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok

**Y.B. TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB:** Sikit ya? Di dalam jawatankuasa yang saya pimpin, kita mengamalkan walaupun tidak ada peraturan tetap yang khusus, *minority report*, kita perakui walaupun seorang. Jadi itu lebih menampilkan amalan demokrasi. Maknanya dalam satu jawatankuasa pilihan, pengerusinya pembangkang, satu lagi dibantu oleh seorang ahli pembangkang dan kemudian kalau ada pertikaian diuruskan melalui satu *minority report*. Jadi, suara demokrasi itu lebih terserlah dekat situ. Apa komen?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya, ialah soal demokrasi akhirnya akan menentukan siapa suara lebih? Majoriti juga yang akan jadi keputusan walaupun pengerusi, kecuali pengerusi ada kuasa veto. Tapi dalam soal demokrasi, Yang Berhormat sebut fasal soal demokrasi, saya percaya demokrasi ukuran akhirnya ialah majoriti. Jadi kalau 6 jawatankuasa dengan seorang pengerusi daripada Ketua Pembangkang dan seorang daripada pembangkang, ada 2 suara. Akhirnya bila kita nak bawa sesuatu isu yang mengenai kepentingan Kerajaan Negeri yang wajib yang sepatutnya disiasat oleh PAC. Jadi katakan 5 jawatankuasa tak bersetuju, sudah tentu perkara .... tidak boleh dibawa untuk tujuan semakan ataupun untuk tujuan apa ni, apa ni siasatan oleh PAC.

**Y.B. TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB:** Suara dah sampai

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ya?

**Y.B. TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB:** Suara, dua-dua suara dah sampai. Majoriti punya suara dah sampai, minoriti pun dah sampai. Ada kemungkinan pertimbangan Ahli Dewan mengambil pandangan minoriti juga sebagai satu rumusan pertikaian.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalannya, semangatnya tadi adalah supaya semak dan imbang, *check and ballance*. Jadi kalau suara pengerusi pun tak dapat nak bawa, membawa sesuatu perkara yang untuk dibincangkan digagalkan contohnya ialah suara 4 majoriti di dalam ataupun 5 majoriti di dalam jawatankuasa, sudah tentu perkara berkenaan tidak dapat di bawah untuk di, di apa disemak oleh PAC. Ok, saya bagi PAC

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RUSHYAKARAN:** Terima kasih Permatang. Saya adalah seorang daripada Ahli Jawatankuasa PAC. Dan saya kesal Sungai Burong dan Jeram tak ada di sini pada hari ini. Mereka sebagai Ahli Jawatankuasa PAC dan daripada UMNO. Tetapi selama ini dalam setahun lebih Mesyuarat PAC saya rasa tak pernah sekali pun suara-suara Jeram ataupun suara Sungai Burong disekat. Apa-apa pertanyaan mereka, apa-apa cadangan mereka tak pernah disekat. Jadi saya rasa tidak timbul isu mereka, Pengerusi, Sungai Burong sebagai Pengerusi akan disekat untuk melakukan tugas. Mungkin kita tidak buat satu sangkaan jahatlah. Tak payah pakai peraturan tetap. Tapi kita tidak buat satu sangkaan jahat bagi satu percubaan. Ini memberi satu status kepada Ketua Pembangkang untuk menentukan agenda PAC. Kalaulah, kalaulah minit mesyuarat akan menunjukkan satu usaha daripada pihak penyokong kerajaan untuk menghentikan penyiasatan kepada mana-mana usul tu, Ketua Pembangkang boleh buat, buat satu *press conference*, boleh melaporkannya di dalam Dewan itu, banyak opsyen sekarang. Dia tidak terhalang daripada mendedahkan jika ada usaha tersebut tetapi selama ini setahun lebih mesyuarat PAC bermesyuarat, tak pernah disekat suara dia.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya jawab sekejap. Saya, terima kasih kepada Bukit Gasing. Saya maklum mengenai

perkara berkenaan tapi kalau atas dasar untuk *check and ballance* lah saya memegang kepada semangat apa ni pindaan yang dibawa oleh Pandamaran. Kalau kita nak jadikan perkara ini benar-benar realiti, perkara ini benar-benar ada semangat dan roh yang, pindaan yang nak dibawa ni kenapa tidak diberi peluang? Di sekalikan dengan pindaan kepada 72 (1) Tuan Speaker. Saya berpandangan demikian akan nampak lebih berdemokratiklah. Saya punya cadangan pindaan yang bersama dengan 72(1) tadi. Itu saja. Mungkin tak diterima tapi itu pandangan daripada pihak kita Yang Berhormat untuk jadikan supaya apabila kita buat pindaan, semangat dan rohnya dan pelaksanaannya benar-benar dapat dijayakan. Jadi kalau misalan kata kita buat dengan, saya terima kasihlah kepada Bukit Gasing. Saya percaya mungkin suara itu tak pernah disekat tapi kita pun sedia maklumlah, ini politik. Sekatan itu boleh berupa berbagai-bagai-bagai bentuk. Bukan bentuk dalam, bentuk apa pun. Ini kita kena, ini kita kena terimalah. Saya pun tak ada sangka jahat. Saya tak ada bersangka jahat tapi kita sedia maklum dan akhirnya, akhirnya kita kena terima suara majoriti. Saya pun sendiri duduk dalam suasana yang tidak majoriti tapi saya kena akur dalam suasana majoriti tapi untuk jadikan betul-betul fungsi ataupun semangat pindaan ini benar-benar berhasil, saya boleh bersetuju dan kami pun rasa akan dipersetujui juga oleh Dewan. Jadi saya mohon kalau boleh jawatankuasa ini pertimbangkan untuk 72(1) ini juga dipinda bersekali supaya jawatankuasa ini melibatkan majoriti daripada DUN, daripada pembangkang supaya kita lihat apa

**TUAN SPEAKER:** Permatang, Damansara nak mencelah.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ya, sila

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya berasa tertarik dengan apa yang Permatang ingat *check and ballance*. Dia ingat, ini bukan sangkaan jahat *maY.B.e you think that penyokong* ataupun *back bencher* tidak memainkan peranan untuk *check and ballance* our kerajaan. Ini *this is base on the asumption that back bencher is a, is a rubber stamp of a kerajaan. Which is not the case*, dengan izin. So, kalau tengok, kalau *check and ballance means back bencher opposition come together and we check our government. And* dengan ada peratusan ataupun *propotion* dalam, dalam jawatankuasa pilihan yang *representative of*

peratusan di Dewan ini adalah apa yang dipilih oleh rakyat sebagai *representation* di Dewan dan juga di jawatankuasa pilihan. So, saya nak minta penjelasan daripada Permatang sama ada dia setuju tak ahli penyokong pun boleh *check* memainkan peranan *check and ballance*.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tak kata tu sangka jahatlah. Jadi mungkin Damansara sangka jahat dekat saya tu. Tak mengatakan penyokong kerajaan tidak ada *check and ballance* tapi kita merasakan ini jawatankuasa yang nak dipinda. Jawatankuasa ini memang itu peranan dia. Semangat dan apa ni pindaan ini ialah berdasarkan Jawatankuasa PAC. Jadi kalau benar-benar nak bagi ruang, bagilah ruang yang betul-betul. Bagi forum yang sebenarnya. Biar pembangkang mainkan peranan berkenaan dengan pengerusi jawatankuasanya memainkan sebenar-benar apa ni peranan ini dan kita tengok sekiranya gagal dilaksanakan tanggungjawab ini boleh buat pindaan semula. Balikkan kuasa itu. Itu tak ada masalah. Saya nak kalau boleh apa ni Pandamaran bersetuju dengan saya pinda juga 72(1) apa ni, ini diberi peluang. Ok, kita tengok 2 tahun ini bagaimana apa ni peranan pembangkang menentukan isu-isu mengenai PAC supaya kita dapat apa ni dapat tunjukkan dan buktikan bahawa pindaan ini benar-benar apa ni, apa ni memberikan kesan dan juga manfaat kepada ahli perbahasan.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasihlah atas cadangan yang diberikan. Saya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Permatang telah menjadi Ahli Dewan selama 6 tahun tetapi saya nak tanya samada Yang Berhormat pernah betul-betul membaca Peraturan-Peraturan Tetap? Tentang fungsi pengerusi. Kalau pengerusi, apa yang disebut oleh Yang Berhormat adalah seperti ahli-ahli yang lain, apa tujuannya untuk mengadakan seorang yang memanggil pengerusi? Jadi saya cadangkan bahawa Yang Berhormat membaca Peraturan-Peraturan Tetap dengan baik dan juga cadangan ini bukan dimulakan di Negeri Selangor, Malaysia. Seperti telah saya nyatakan. Saya sebenarnya telah menjelaskan fungsi pengerusi tetapi mungkin Yang Berhormat tak meneliti, tak apa. ini juga diamalkan di negara-negara lain. Apakah cara mereka mengamalkan ini? Juga yang sama, hanya membenarkan pembangkang menjadi pengerusi.

Kenapa mereka tidak membenarkan yang lain untuk menjadi semua ahli Jawatankuasa PAC daripada pembangkang, kenapa? Kerana *check and ballance* konsep yang sendiri ini perlu dicheck juga. *Check and ballance* perlu dijadikan kacau dan ganggu. Sekiranya jawatankuasa ini semuanya di dalam tangan satu pihak yang bukan berniat baik untuk menyemak, jadi dia bukan *check and ballance*, dia kacau dan ganggu. Jadi kita mesti nak pastikan ini dan sebenarnya ini adalah konsep untuk menawarkan jawatan ini kepada pembangkang, Ketua Pembangkang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Pandamaran. Boleh lagi hujah Speaker?

**TUAN SPEAKER:** Boleh, boleh

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok, saya habiskan tinggal 1 minit pun. Ok, isu kacau ganggu ni mungkin itu kita punya persepsilah. Tapi saya nak minta daripada 6 jawatankuasa, kalau Pengerusi dibagi kepada Ketua Pembangkang, ada 6 jawatankuasa, saya nak minta sekurang-kurangnya 3 sama. Tidak timbul soal kacau ganggu. 3 sama

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Tuan Speaker, saya rasa kalau konsep ini perlu dijalankan Parlimen Malaysia perlu dijalankan dahulu. Kenapa dia tak ada semangat langsung di Parlimen? Hanya membuat permintaan di Dewan Negeri yang mulia ini, kenapa tak buat yang sama di Parlimen? Memberikan peluang untuk 2 tahun untuk pembangkang di Parlimen melaksanakan. Kalau ok, saya rasa tak ada masalah untuk Dewan

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya bukan Ahli Parlimen, saya bukan Ahli Parlimen.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Semangat itu mesti datangkan dari Kerajaan Persekutuan dahulu. Dengan izin Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Inilah sebenarnya, inilah sebenarnya niat kenapa nak bagi PAC kepada pembangkang. Sebab kat Parlimen semuanya ada tujuan. Tidak ada

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Parlimen itu untuk seluruh negara. Ini hanya untuk satu negeri je. Jadi mestilah faham. Yang Berhormat, Yang Berhormat Permatang selalu membangkitkan berapa peruntukan diberikan kepada Kerajaan Persekutuan. Inilah menunjukkan apa? menunjukkan Kerajaan Negeri ini di bawah kawalan Kerajaan Pusat. Jadi Kerajaan Pusat ini mesti memainkan peranan

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat, saya ADUN, bukan Parlimen tahu?

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Ya, betul. Jadi saya rasa kalau ini menyebut bagi pihak pembangkang iaitu kerajaan di Parlimen jadi Parlimen mesti *lead the talk*

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kita ada Menteri Besar.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Untuk menunjukkan ini boleh dijalankan di Parlimen dahulu sebelum ini dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Parlimen bawa di Parlimen. DUN kita cerita soal DUN. Saya ingat

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, saya akan benarkan perbahasan nanti. Jam sudah menunjukkan pukul 1.00.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya, saya, saya,

**TUAN SPEAKER:** Tak nak bahas nanti?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya lepas saya tak nak bahas lagi dah. Saya percaya takkan diterima pun tapi itu saranan saya.

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi peluang untuk bahas.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Itu sahaja perbahasan saya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jam sudah menunjukkan pukul 1.00. Maka saya tangguhkan perbahasan sehingga 2.30 petang nanti. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

**(Dewan disambung semula)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER:** Perbahasan disambung semula. Kampung Tunku ringkaskan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan... ya...oh tak pe-tak apa ini untuk makluman Dewan ya. Terima kasih Speaker, saya tidak gelar Puan Speaker, Tuan Speaker lagi saya gelar Speaker sahaja. Saya juga teruja untuk membahaskan Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Pandamaran ini selepas saya mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Permatang dan saya sebenarnya sangat terkejut bagaimana seorang graduan sains politik seperti Permatang dia boleh menghujahkan ucapan seperti tadi dan saya merasa bahawa pelantikan Ketua Pembangkang sebagai Pengerusi PAC bukanlah satu gimik politik untuk memaksa Kerajaan Persekutuan memberi laluan supaya PAC di peringkat Dewan Rakyat dibuka kepada Pembangkang. Saya rasa apa yang kita lakukan di sini lebih jauh daripada itu. Iaitu kita hendak menjadikan menaikkan martabat Dewan Negeri Selangor ini setanding dan setaraf dengan dewan-dewan persidangan yang ada di seluruh dunia khususnya dewan-dewan ataupun parlimen di negara-negara Komanwel dan ini saya rasa adalah sangat penting. Setahun lalu kita telah pun menyertai rombongan delegasi ke CPA di South Africa dan kita sebenarnya untuk makluman Dewan. Dewan Negeri Selangor disebut oleh Setiausaha Agung Dr. Honorable Dr. William Shitar semasa beliau menyampaikan ucapan pembukaannya. Ini menunjukkan bahawa Dewan Negeri Selangor ataupun usaha-usaha pembaharuan yang dibawa oleh Dewan Negeri Selangor itu semakin mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa khususnya dalam masyarakat CPA (tebuk meja) dan saya rasa apa yang kita nak luluskan hari ini sebahagian daripada usaha itu. Usaha yang berterusan untuk memastikan Dewan ini berfungsi sebagai Dewan yang Demokratik sepenuhnya. Setanding dan setaraf dengan dewan-dewan persidangan ataupun parlimen di negara Komanwel khususnya. Kalau kita pergi ke luar negara, orang tanya tentang Dewan Rakyat Parlimen

Malaysia orang mungkin tak tahu lagi apa yang berlaku tapi kalau kita sebut, *we come from the Selangor State Legislative assembly* terbeliak mata mereka kerana mereka tahu apa yang kita lakukan ini adalah benar-benar ikhlas kerana kita mahu membawa perubahan di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi saya lihat dari sudut itu bahawa kita tidak ada apa-apa motif politik. Pembangkang mencadangkan bahawa supaya mereka diberi lebih banyak jawatan pengerusi dalam jawatankuasa pilihan ataupun lebih banyak ahli dalam Jawatankuasa PAC. Saya kira barangkali pada masa yang akan datang ini mungkin boleh dilakukan. Ini mungkin berlaku saya tidak boleh *rule up* kemungkinan ini tetapi saya rasa kita perlu mula dengan langkah pertama. Langkah pertamanya ialah hari ini kita kena luluskan pindaan terhadap Peraturan Tetap ini dan menjadikan Ketua Pembangkang sebagai Pengerusi PAC. Langkah pertama perlu kita menjejak terlebih dahulu. Kalau kita langkah pertama pun belum *start* lagi macam mana kita nak kata nak memperbanyakkan wakil pembangkang dalam PAC dalam jawatankuasa-jawatankuasa pilihan yang lain. Jadi saya rasa ini adalah sesuatu *miss conception* yang di bawa oleh Permatang yang perlu diperbetulkan serta-merta di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang kedua, Permatang juga membawa tentang cara Dewan menangani soalan-soalan bertulis, soalan-soalan lisan saya rasa kita, saya bersetuju dengan cadangan yang dibawa oleh beliau tetapi saya rasa sebagai satu penambahbaikan. Dewan boleh mempertimbangkan. Jawatankuasa Peraturan Tetap boleh mempertimbangkan cadangan kalau boleh kita pun juga mencontohi cara Parlimen British sebagai contoh yang mengkhususkan ada satu tarikh ataupun hari yang khusus untuk Perdana Menteri datang ke Dewan untuk jawab soalan mungkin di peringkat Dewan Selangor ini kita boleh mengkhususkan mungkin seminggu kita ada sehari atau dua hari, soalan-soalan lisan yang ada pada hari itu khusus untuk YAB. Menteri Besar untuk jawab sahaja dan ini akan menjadikan perbincangan kita menjadi lebih khusus. Ada dua *point* lagi saya akan ringkaskan.

**TUAN SPEAKER:** Satu sahaja. Kampung Tunku tolong ringkaskan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ringkaskan dalam satu minit hah.

**TUAN SPEAKER:** Hah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Satu adalah tentang masa persidangan. Saya telah pun mengemukakan cadangan saya kepada Jawatankuasa Peraturan Tetap bahawa pada hari Jumaat kita akan pinda masa persidangan. Kita akan kurangkan 30 minit tapi kalau kita bandingkan hari-hari persidangan biasa dengan hari Jumaat kita sebenarnya akan kekurangan ataupun kehilangan 90 minit persidangan dan saya rasa ini adalah sesuatu yang harus dilihat semula oleh Jawatankuasa Peraturan Tetap mungkin pada masa yang akan datang supaya 90 minit yang kita hilang ini kita tambah balik di belakang. Lepas 4.30 ke pukul 5.00 supaya hari Jumaat sama masa persidangannya dengan hari-hari yang lain.

Yang kedua, adalah tentang Bahasa Inggeris, saya mencadangkan supaya dilihat sama ada mungkin Bahasa Inggeris dijadikan sebagai satu bahasa pentadbiran di Dewan yang mulia ini supaya ianya boleh digunakan. Sekali lagi saya kata kita kena naikkan martabat Dewan Negeri Selangor. Dewan menghasilkan, menerbitkan banyak penyata dan juga perkara-perkara ataupun informasi yang sangat berguna tetapi semuanya dalam Bahasa Malaysia dan saya cadangkan supaya ianya juga diterjemahkan dalam Bahasa Inggeris supaya ianya boleh disumbangkan kepada CPA, kepada CPC dalam Persidangan-persidangan Antarabangsa apa pencarian ataupun kajian yang kita ada ini sebenarnya boleh juga menyumbang kepada negara-negara dan juga masyarakat Komanwel dan saya bercadang ada baiknya kalau kita menjadikan Bahasa Inggeris ini sebagai satu bahasa pentadbiran kedua supaya semua surat-menyurat, dokumen, penyata dan sebagainya boleh dijadikan sebagai satu sumber yang boleh dikongsi dengan masyarakat antarabangsa jadi itulah cadangan saya. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Sekinchan ingin turut serta dalam perbahasan untuk pindaan

Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor yang dicadangkan pada kali ini. Saya menarik perhatian Dewan tentang apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Kampung Tunku sebentar tadi untuk kita memperkasakan untuk kita apa *translate* sebahagian, sebahagian laporan kita kepada Inggeris, itu saya setuju kalau sebahagian itu ok tapi kalau dijadikan bahasa pentadbiran, saya tidak setuju sebab kita kena pertahankan Bahasa Malaysia kalau tidak UMNO marah. Oh kita kena pertahankan, kalau tidak UMNO akan jadikan isu, oh kita cuba ini lah, cuba itu jangan dijadikan isu ya. Dewan ini kita kena daulatkan Bahasa Kebangsaan kita, hah ini penting lagi pun kali ini, ini adalah bulan bahasa, bulan bahasa Dewan Bahasa & Pustaka selalu menggalakkan kita menggunakan Bahasa Malaysia. Jadi dengan izin Bahasa Jawa saya pun kurang pakai dah. Hah oleh kerana saya menghormati, menghormati ya dan saya ingin menarik perhatian tentang keengganan Permatang tadi dan Sungai Burong Ketua Pembangkang yang sebelum ini kita katakan singkatan kekang dan sebagainya tentang kekang tentang kita ditawarkan dalam Peraturan Tetap sebelum ini kita tawarkan kerusi Pengerusi PAC mereka tolak dan sekarang kita dengan niat yang murni, nawaitu baik sekarang kita gunakan melalui Peraturan Tetap. Hah... hitam putih supaya mereka kita tawarkan, wajib dijadikan sebagai Pengerusi PAC kerana apa kita menghormati prinsip demokrasi berparlimen seperti yang dipraktikkan oleh banyak negara-negara Komanwel. Di mana Ketua Pembangkang kita sanjung, kita alu-alukan peranannya. Tidak timbul kerana komposisi seperti yang dikatakan oleh Permatang komposisinya mesti pembangkang lebih itu tidak timbul sebab dalam banyak Jawatankuasa Mesyuarat Pilihan dan sebagainya kita tak ada masalah apa yang dikemukakan oleh Pengerusi ataupun cadangan yang dibawa oleh pembangkang kita dengar jadi tidak timbul isu ini. Kenapa pembangkang harus terus berdolak-dalih saya nak tanya pembangkang dan kenapa terus berdolak-dalih satu, yang kedua jangan takut kepada bayang-bayang sendiri. Hah ini saya minta pihak pembangkang setujulah, terimalah, perananlah sebagai pembangkang yang bertanggungjawab proaktif demi rakyat. Hah ini yang rakyat harapkan supaya demokrasi di Dewan Negeri Selangor ini terus subur kita sebagai peneraju Dewan Negeri yang terbaik, terulung di Malaysia ini. Hah ini saya minta pembangkang dengar betul-betul jangan keluar. Sekarang dia keluar ke balik, saya pun tak tahu, ini bukan

keluar dia balik. Tak de kat luar. Hah.. dia lesu, bisu dan tak tiada isu. Hah.. dia lesu, bisu dan tak tiada isu. Terus balik. Macam mana pembangkang ni. Tapi tak apa. Ini soal Pengerusi PAC ini saya sokong untuk dipinda supaya kita tetapkan jawatan ini, kita bagi kepada Ketua Pembangkang. Walaupun sekarang ini saya Pengerusi PAC hah kalau boleh orang kata ini ada *conflicts of interest* tapi tak ada masalah. Kita bagi supaya mereka berperanan kita sokong dari belakang, sokong 100% bukan 100%, 152% itu bab yang pertama.

Bab yang kedua, satu lagi ya tentang cadangan Peraturan Tetap ini dipinda daripada perkataan Tuan Speaker ini. Tuan Speaker nak dipinda saya ada pandangan berlainan sikit. Saya tidak setuju, saya tidak berganjak dengan pendirian saya. Saya telah utus surat kepada Tuan Speaker bahawa saya tidak setuju perkataan Tuan Speaker ini diubah sebab saya nampak perkataan Tuan Speaker ini molek, dia sesuai dengan kedudukannya yang tinggi di dalam Dewan ini.

Tuan Speaker, dia ada gahnya, hulu kelang gahnya. Hah ada gahnya. Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Saya minta penjelasan. Saya nak pastikan sama ada Sekinchan faham bahawa, sebenarnya Tuan Speaker masih boleh dipanggil Tuan Speaker tetapi dia hanya tidak disebut dalam Peraturan-peraturan sahaja. Tak ada salah seperti yang dinyatakan. Tuan tidak menunjuk mesti lelaki sahaja dia boleh dipanggil tetapi bukan disebut selaras dengan Undang-undang Tubuh Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya ambil maklum dan terima pandangan daripada Pandamaran yang bijaksana, beliau sebagai seorang peguam muda yang hebat. Saya terima tapi masalahnya saya rasa dalam Peraturan Tetap tulis Tuan Speaker tak pe dah. Hah tak ada masalah ialah sebab nampak molek. Nampak tu kekuatan tu ada, kewibawaan, martabat Tuan Speaker jadi tak perlu pinda lah dan kalau kita panggil speaker kadang-kadang orang tersilap panggil speaker tak berapa elok tu. Orang kampung dia tersilap, dia ingat pembesar suara. Pembesar suara tak berapa elok. Hah saya rasa, pembesar suara jadi saya rasa Tuan Speaker, hah Tuan Speaker

bolehlah tahan sikit, gah dia ada, *umpph* dia ada, kopi tu ada *umpph* sikit. Hah itu pandangan saya lah, pandangan saya jadi saya minta dikekalkan sebaik mungkin lah dan ini tidak ada soal diskriminasi gender, tak hormati wanita, tak ada. Oh kita sayang wanita, ibu kita sayang, isteri kesayangan kita, anak kita sayang ya makcik semua kita sayang, seluruhnya kita sayang mesra wanita jadi tak ada masalah tentang diskriminasi dan Permatang, Permatang bab ini sokong ke tidak Permatang? Hah Permatang sokong. Kurang-kurangnya saya ada penyokong. Pencadang ada, pencadang Sekinchan, penyokong Permatang. Bangunlah cakap sokong.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya kata isteri tu betul ke sayang?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sayang...sayang... ini sangkaan tak berapa bagus ni, tak pe lah. Peraturan 36 tak payahlah apa-apa... kacau betul tapi yang pentingnya perkataan Speaker ini kita kekalkan. Itu pandangan saya, tidak berganjak ya pendirian kita tidak boleh *flip flop* macam Barisan Nasional. Dia *flip* dia *flop*, *flip flop* itu payah betul ya jadi Speaker ini kita kekalkan dan teruskan kerja-kerja untuk memperbaiki peranan Dewan Negeri Selangor supaya menjadi peneraju. Apa yang saya katakan peneraju Dewan Negeri Malaysia. Parlimen pun di belakang kita. Hah di bawah YAB. Dato' Menteri Besar yang baru ini yang begitu terbuka saya yakin peranan Dewan semakin proaktif. Akan dapat membuat *check and balance* dengan baik supaya kita merupakan peneraju dan model teladan-teladan oleh negeri-negeri yang lain. Negeri yang lain tak boleh dah mereka ada yang lesu, ada yang bisu dan ada yang tiada isu. Ok. Jadi saya setakat ini sahajalah, terima kasih. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. Saya jemput pihak kerajaan untuk beri ulasan jika ada.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Pertama bagi pihak Kerajaan Negeri saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Pandamaran yang membawa Usul ini bagi pihak Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Bagi Dewan Negeri Selangor dan ketika kita meneliti Usul yang dibawa oleh

Pandamaran ini jelas menunjukkan bahawa Jawatankuasa ini telah mengambil inisiatif dan masa yang agak lama untuk membentangkan beberapa penambahbaikan bagi memastikan perjalanan Dewan ini lebih teratur, lebih baik dan menjadikan sebagai *First Class* Dewan Undangan Negeri di Negara ini. *Insyaa-Allah*.

Dan kita melihat juga, cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam Usul ini bertujuan untuk memastikan ianya selari dengan hasrat Kerajaan supaya pentadbiran Kerajaan Negeri dan Dewan Negeri ini merupakan satu pentadbiran yang berteraskan prinsip keterbukaan, ketelusan dan kebertanggungjawaban. Ada beberapa perkara yang kita lihat sebagai contoh cadangan untuk memastikan setiap penyata yang dibentangkan dalam sidang Dewan ini perlu diberikan maklum balas dan antara cadangannya supaya maklum balas daripada Kerajaan Negeri sama ada kita bersetuju ataupun sebaliknya mesti dibentangkan dalam sesi yang akan datang. Ini telah pun kita terima dan saya telah umumkan baru-baru ini dan saya meminta semua Jabatan dan Agensi untuk memantau setiap perbahasan kerana sidang Dewan ini merupakan satu tempat, forum yang tertinggi dalam Kerajaan Negeri untuk membahaskan isu-isu dasar bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan saya mohon kerjasama Ketua-ketua Jabatan dan Agensi yang berkenaan untuk memantau perbahasan yang dijalankan dan memberikan maklum balas ini dalam tempoh yang telah kita tetapkan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memandangkan penegasan Dato' Menteri Besar terhadap kerjasama daripada Agensi-agensi dilakukan sejak semalam lagi telah disebut. Dan saya ingin membangkitkan dalam isu berkaitan dengan memantau anak syarikat ataupun agensi yang berkaitan dengan Majlis Agama Islam Selangor, MAIS CORP. kemudian KUIS, kami telah dihalang dengan satu surat yang mengatakan bahawa tidak ada kepentingan kerajaan dalam agensi yang dikendalikan oleh MAIS. Dan apabila yang baru-baru ini tentang KUIS kami menulis sepucuk surat meminta pandangan pegawai Penasihat Undang-undang masih belum dijawab. Kami mahu satu penjelasan adakah dikecualikan KUIS dan badan-badan di bawah MAIS. Terima kasih.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Y.B. Hulu Kelang. Sebelum itu saya nak sambung sedikit penjelasan saya tadi bahawa walaupun kita telah memberi jaminan dalam sidang yang akan datang penyata-penyata ini mesti dikemukakan maklum balasnya. Tetapi banyak jabatan dan agensi telah pun kemukakan maklum balas mereka dalam tempoh dua tiga hari ini. Ini satu kebanggaan dan kejayaan yang kita lihat. Walaupun kita beri mereka tiga bulan tapi nampaknya tiga hari sudah sebahagian daripada mereka kemukakan maklum balas yang diperlukan. Dan ini kita akan teliti dan saya akan serahkan kepada jawatankuasa yang berkenaan tentang maklum balas dan pendirian yang diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan. Ada cadangan kita setuju ada cadangan mungkin mengambil masa kita teliti dan untuk teruskan perbincangan. Jadi bagi saya itu bukan satu masalah yang besar dan itu adalah komitmen Kerajaan Negeri. Berbalik kepada isu yang dibangkitkan Y.B. Hulu Kelang tentang MAIS dan KUIS, saya kira kita kena melihat skop dan bidang tugas yang telah ditetapkan. Namun saya kira ada cara dan pendekatan yang berhemah yang boleh kita dekati institusi seperti ini. Saya sendiri telah bertemu dengan pengurusan tertinggi KUIS untuk melihat program-program yang sedang dijalankan. Dan walaupun Kerajaan Negeri dikatakan tidak ada kepentingan terus dalam institusi-institusi seperti ini tetapi banyak juga peruntukkan yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri. Seperti yang telah diumumkan dalam belanjawan yang lepas beberapa peruntukkan KUIS itu diberikan dan disumbangkan oleh Kerajaan Negeri. Sudah tentulah Kerajaan Negeri juga bertanggungjawab untuk meneliti bagaimana penggunaan wang dan dana ini dibuat oleh institusi-institusi yang berkenaan. Walaupun saya kata saya tidak mahu dilihat ada pertembungan tetapi kita gunakan pendekatan yang berhemah bagi menangani masalah yang sedangkan kita bahaskan pada petang ini.

Yang keduanya seperti cadangan Y.B. Pandamaran dan jawatankuasa peraturan tetap ini tentang peranan Ketua Pembangkang. Saya sekali lagi memohon pertimbangan rakan-rakan kita daripada Barisan Nasional untuk melihat perkara ini secara objektif. Saya tidak melihat ianya sebagai malafide daripada pihak *backbenches* ataupun pihak

Barisan Nasional. Saya kira kedua-dua pihak ingin melihat Dewan ini dapat berfungsi dengan terbuka dan dengan telus. Malahan kalau yang dibangkitkan Y.B. Permatang tadi seolah-olah tidak ada *check and balance* kalau majoriti datang daripada Pakatan Rakyat. Saya kira dalam pengalaman singkat saya dua bulan ini berdepan dengan BBC lebih sukar kadang-kadang daripada Barisan Nasional ya. Bila saya tengok Bukit Gasing bangun saya dah mula bimbang ya Damansara Utama dah mula bimbang. Sekinchan lagi saya bimbang ya Tapi saya percaya hasrat mereka bukan untuk menyerang peribadi ataupun menidakkan kewibawaan mana-mana pihak tetapi untuk melihat bagaimana kerajaan dapat berfungsi dengan lebih efektif dalam menjaga amanah yang diberikan oleh rakyat. Begitu juga saya percaya ketua pembangkang dan Y.B. Permatang sendiri, saya terlibat secara langsung dalam jawatankuasa SELCAT dengan Y.B. Permatang saya lihat beliau juga memberikan pandangan-pandangan yang boleh membantu prinsip keterbukaan dan kebertanggungjawaban. Jadi saya harap dengan persetujuan usul yang dibentangkan ini Y.B. Sg. Burong dapat mengambil peranan sebagai pengerusi PAC dan kalau ada cadangan-cadangan baru yang dikemukakan oleh Permatang saya percaya jawatankuasa peraturan tetap ini boleh menimbangkan cadangan-cadangan baru untuk dipertimbangkan dan ditambahbaik di masa yang akan datang. Ini bukan satu perkara yang statik ya, peraturan dan tatacara ini, satu yang dinamik yang boleh kita teliti dan pertimbangkan yang penting prinsipnya ialah untuk memastikan Dewan ini berfungsi dengan baik. Kemudian yang dinyatakan oleh penyata ini tentang siaran secara langsung persidangan. Ini juga penting supaya rakyat tahu bagaimana peranan yang dimainkan oleh ahli-ahli yang dipilih oleh mereka. Kalau tidak kita tak tau siapa datang siapa tak datang. Jadi kalau boleh televisyen itu *focus*. Sg. Burong, Jeram, Permatang Alhamdulillah, antara yang rajin datang ke Dewan. Kita nak tengok Kuang ni dia kurang sikit datang. Jadi tak apa itu kita bincang di waktu yang lain. Cuma saya nak rumuskan supaya bagi pihak kerajaan saya ucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Peraturan Tetap dan juga Y.B. Pandamaran yang membawa usul ini dan saya berharap ianya mendapat dukungan daripada semua pihak dengan hasrat dan cita-cita untuk menjadikan Dewan Negeri Selangor ini sebagai Dewan yang

terbaik dan terbuka bagi membahaskan isu-isu rakyat. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Y.B. sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan 765 Peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia Ini menerima penyata jawatankuasa peraturan-peraturan tetap bagi Dewan Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai kertas mesyuarat bil. 50 tahun 2014. Ahli-ahli Y.B. yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Y.B. yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya usul bernombor 39 tahun 2014, usul di bawah peraturan tetap 76(5) oleh Y.B. Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker dan ahli Y.B. sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti yang berikut;

“bahawasanya menurut peraturan 765 Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP ABASS Bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan MSNS Holding Sdn. Bhd. yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai kertas mesyuarat Bil.40 tahun 2014.”

Tuan Speaker, ini adalah satu penyata yang disediakan oleh JP-ABAS berdasarkan Laporan Audit Negara dengan pendengaran tertutup dengan MSNS Holding Sdn.Bhd. Secara rumusannya ialah MSNS Holding Berhad adalah dari Majlis Sukan Negeri Selangor Holding yang mengendalikan beberapa aset MBI ataupun Kerajaan Negeri termasuk Carlton Hotel dengan Kompleks Belia dan KBKNS dan beberapa aset yang lain. Antara saranan jawatankuasa adalah empat sahaja ataupun penemuan. Yang pertama sekali ialah jawatankuasa dalam pendengaran tertutup kita dapati bahawa ini sangat mengejutkan ya, jawatankuasa memandang serius kerana Kerajaan Negeri tidak tahu bahawa Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor adalah milikan kerajaan ataupun “*under kerajaan care*”

dengan izin, sehingga Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan pada 4 Februari 2014. KBKNS terlepas pandang oleh kerajaan ataupun MBI. Dan ini jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri boleh membuat satu audit yang menyeluruh untuk mengenalpasti kesemua aset milik kerajaan dan MBI yang di bawah penyelenggaraan anak-anak syarikat lain. Yang penemuan kedua ataupun saranan kedua yang kita dapati penting ialah kita mendapati bahawa MSNS Holding Sdn. Bhd. telah menandatangani satu perjanjian yang berat sebelah dan tidak mempunyai “*exit clause*” dengan operator, syarikat pengendali Carlton Hotel. Dengan ini jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri dan MBI supaya menyemak semula semua perjanjian yang berat sebelah seperti berikut yang ditandatangani oleh anak-anak syarikat dan mengenalpasti puncanya sama ada kecuaiian ataupun penyelewengan. Yang penemuan ketiga yang kita mendapati ialah bahawa MSNS Holding pada tahun 2012 memberi bonus empat bulan kepada kakitangan-kakitangan pegawai-pegawai MSNS Holding sehingga mengalami kerugian selepas cukai RM4,000. Kita berpendapat bahawa ini adalah budaya yang tidak sihat. Yang keempat ialah secara keseluruhannya JP-ABAS berpendapat bahawa MSNS Holding sepatutnya ada meningkatkan prestasi mereka dalam mengendali aset-aset MBI ataupun Kerajaan Negeri dan mereka kena mengkaji semula model perniagaan MSNS Holding. Sekian sahaja saya memohon Dewan ini supaya menerima penyata.

**TUAN SPEAKER:** Penyokong

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah usul ini telah pun disokong saya buka untuk dibahaskan. Ahli-ahli Y.B. sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan 765 Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan Yang Mulia ini menerima penyata jawatankuasa pilihan mengenai agensi...

**Y.B. TUAN AMIRUDIN SHARI:** Tuan Speaker, boleh saya jawab sikit

**TUAN SPEAKER:** Ok, silakan. Pihak kerajaan nak bagi ulasan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN SHARI:** Terima kasih pihak jawatankuasa ABAS di mana saya merupakan salah seorang jawatankuasa ABAS dahulu ketika laporan ini diadakan. Namun semasa pendengaran dibuat saya tak ada sebab dalam masa yang sama saya merupakan Lembaga Pengarah kepada syarikat yang dimaksudkan tersebut. Namun begitu kalau dilihat daripada laporan yang telah dibentangkan oleh Memorandum laporan Ketua Audit Negara, segala teguran-teguran yang dibangkitkan dalam laporan ini telah mula diperbaiki oleh syarikat yang berkenaan dan *Insyah-Allah* daripada masa ke semasa kita akan pertingkatkan dan kita akan mengukuhkan perkembangan syarikat ini sesuai dengan konsep "*value for money*" ataupun urusan perniagaan yang membawa keuntungan dan membantu Kerajaan Negeri secara keseluruhannya. Namun begitu saya ingin menjelaskan beberapa perkara ya.

Perkara pertama; ada dalam laporan yang diberikan oleh jawatankuasa menyebutkan bahawa tadbir urus korporat bagi syarikat ini dianggap kurang memuaskan. Namun begitu saya rasa ini Cuma kesimpulan daripada jawatankuasa disebabkan ada beberapa teguran oleh Jabatan Audit terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Damansara Utama. Justeru kalau kita lihat daripada Laporan Audit secara keseluruhannya laporan Audit mengiktiraf tadbir urus korporat bagi syarikat MSNS Holding sebab ada beberapa perkara ada empat ataupun lima perkara di antaranya Lembaga Pengarah tidak terlibat dalam penentuan dari segi penentuan projek dan kontrak yang ditetapkan dan beberapa perkara-perkara lain yang menetapkan tadbir urus korporat kita berada dalam landasan yang betul. Namun saya akui beberapa perkara seperti perjanjian dan sebagainya yang dibangkitkan laporan itu yang sudah mula kita perbaiki pada waktu ini.

Yang keduanya berkenaan dengan faktor ataupun fungsi kewangan yang kurang memuaskan. Saya akui kalau kita ukur daripada ROA ataupun *Revenue Of Asset* ataupun ROE, *Revenue Of Equity* syarikat masih lagi belum berada dalam keadaan yang kuat untuk mengendalikan sesuatu aset yang tertentu ya. Namun begitu saya boleh terangkan dan jelaskan kalau kita kepada perkembangan

syarikat ini yang tidak pernah mencatatkan keuntungan sebenarnya. Keuntungan kali pertama dicatatkan sebelum cukai oleh syarikat ini pada tahun 2009 sebanyak RM6,000.00, satu jumlah yang paling menyedihkanlah, RM6,000.00. Dan ia dibuat sebab pada waktu selepas 2008 kita membetulkan beberapa asas-asas pentadbiran yang kemudiannya syarikat ini diletakkan di bawah MBI. Dan perlahan-lahan sehinggalah pada waktu ini syarikat ini berjaya mengurangkan hutang terkumpul daripada tujuh ratus ribu sekarang dah tinggal lebih daripada dua ratus empat puluh ribu sahaja daripada hutang terkumpul yang dikumpulkan. Ini menunjukkan bahawa syarikat ini berkembang pada landasan yang betul dan untuk bergerak dengan lebih kuat syarikat ataupun kerajaan kena menetapkan melantik CEO ataupun Pengurus Syarikat yang lebih berdaya saing dan mampu untuk mengendalikan urusan penjagaan aset ataupun "*asset management*" kepada perkara-perkara yang sah. Perkara seterusnya yang saya rasa saya ingin sedikit memperbetulkan ialah berkenaan dengan ketidaktahuan penemuan jawatankuasa ketidaktahuan Kerajaan Negeri terhadap Kompleks Belia dan Kebudayaan. Saya kira saya perlu memperjelaskan sebab pada tahun 2011 ada satu keputusan MMKN yang dibuat yang mana Syarikat MSNS Holding diberikan untuk mengurus bangunan ini disebabkan untuk mengurangkan kekangan ataupun bebanan kepada kerajaan yang terpaksa membelanjakan lebih daripada lima ratus ribu satu tahun untuk menguruskan kompleks itu. Jadi saya tak rasa kerajaan tak tau Kompleks itu milik mereka sebab ia diputuskan oleh kerajaan. Mungkin, mungkin daripada penjelasan yang diberikan ada setengah daripada laporan jabatan itu kurang jelas tentang status kedudukan tersebut dan pada waktu ini pihak Kerajaan Negeri bersama dengan pihak Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga pihak MSNS Holding sedang menyelesaikan bab ataupun *agreement* dan perjanjian-perjanjian yang dibuat. Terakhirnya yang saya jelaskan ini adalah perkara besar yang harus kita akui itu iaitu sebenarnya *agreement* perjanjian yang tidak ada *excess closs* atau pun tidak ada jalan keluar ini telah dibuat sebelum daripada pemerintahan Pakatan Rakyat pada tahun 2006 atau 2007 kalau tidak silap saya. Jadi pada waktu itu pun syarikat ini tidak berada di dalam MBI, jadi penemuan yang dibuat oleh jawatankuasa yang saya perlu menjernihkan di sini ia tidak dibuat pada waktu itu di bawah MBI sebaliknya ianya di bawah MSN. Kita

sedang menyemak menyeluruh sebenarnya inilah di antara bebanan ditanggung oleh syarikat yang terpaksa bergerak dengan imitasi. Sebab kita tidak mampu untuk mengeluarkan diri daripada *agreement* yang tidak adil ini. Dan *insya-Allah* kita akan perbetulkan dengan sebaiknya. Namun perkara-perkara lain saya ucap terima kasih di atas teguran-teguran yang membina daripada Jawatankuasa dan dari masa ke semasa termasuk boleh diteliti daripada laporan memorandum Ketua Audit Negara 2013 ini. Syarikat ini dalam proses pemulihan dan proses untuk memperbetulkan trek dan perjalanan untuk dilaksanakan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul berbunyi “bahawasanya menurut peraturan 76 (5) peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa pilihan mengenai agensi, badan berkanun dan anak Syarikat Kerajaan Negeri JP ABBAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan MSMH Holdings Sdn. Bhd. yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 40 Tahun 2014.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul nombor 40 Tahun 2014 usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker, *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya menurut peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilih Khas mengenai pembasmian kemiskinan JPK pembasmian kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan program pemberian baucar perayaan “*Jom Shopping*” yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 38 Tahun 2014. Tuan Speaker oleh kerana semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun memperoleh penyata ini dan saya yakin Ahli Yang Berhormat telah membaca dan

menelitinya maka saya dengan ini membentangkan penyata bilangan 38 ini untuk disokong dan diluluskan. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya Dusun Tua. Penyokong.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih. Baiklah usul ini telah pun disokong saya buka untuk dibahaskan. Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker, Rawang ingin turut serta dalam perbahasan cuma saya ingin menarik perhatian kepada saranan jawatankuasa di muka surat 7 perkara 3 yang saya nampak amat penting. Yang mana Kerajaan Negeri hendaklah mewujudkan satu pangkalan data yang bersepadu dan dapat dikongsikan bersama agensi Kerajaan Negeri yang terlibat dalam membasmi kemiskinan. Saya nampak sejak tahun 2008 sampai sekarang setiap tahun kita menjalankan program-program seperti ini tetapi amat menyesal dan sampai sekarang kita tiada satu data yang boleh maksudnya kita boleh merekodkan golongan yang bukan sahaja miskin tetapi bagi saya adalah miskin tegar di Negeri Selangor ini. Dan barang kali sebenarnya saya bersetuju bahawa Kerajaan Negeri lebih memainkan peranan dari segi sediakan dasar dan polisi supaya kita boleh mewujudkan satu jalinan *sosial security* dengan izin ataupun keselamatan sosial supaya data ini boleh digunakan dengan sebaiknya dan disalurkan untuk peringkat-peringkat DUN. Supaya kita boleh bekerjasama bukan sahaja dengan agensi kerajaan tetapi yang lebih penting saya rasa kita boleh bekerjasama dengan NGO dan sebagainya untuk isu kemiskinan ini. Sebab yang pentingnya bagi saya telah meneliti laporan daripada Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan ini. Apa yang cuba kita selesaikan dalam aspek kemiskinan ini adalah supaya kita sediakan antaranya 4 perkara asas untuk manusia iaitu tempat tinggal, makanan, keselamatan dan pendidikan dan sebagainya. Jadi dia bukan satu yang saya nampak dengan baucar bermusim macam ini dia memang meringankan pada waktu itu mungkin boleh beli lebih barang tetapi dia tidak menyelesaikan kor isu itu dengan izin, itu sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih, Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian telah menyokong usul ini memandangkan konsep yang dikemukakan di dalam penyata ini telah menggambarkan satu pendekatan yang bertujuan untuk merapatkan jurang di antara mereka yang mempunyai kuasa beli yang besar dengan yang tiada kuasa beli. Walau pun bunyi “*Jom Shopping*” sebagai RM100.00 dia tidak membantu menghapuskan kerana penyata ini adalah dalam konteks pembasmian kemiskinan. Dia tidak membantu dan dia tidak meringankan langsung tetapi yang penting adalah faktor yang kita kenal pasti sebagai *be good factor*. Satu suasana di mana rakyat biasa cara berterusan dengan satu program pemberian baucar perayaan, baucar-baucar yang berkaitan dengan mengiktiraf kewujudan mereka. Memperakui mereka merasakan bahawa kerajaan, pemimpin, ketua-ketua mereka, rakan-rakan mereka, masyarakat mengambil tahu dan peduli tentang kedudukan mereka. Dalam masa yang sama proses membasmi kemiskinan, menjana kekayaan itu diteruskan. Program-program merakyatkan ekonomi Negeri Selangor hendaklah diwujudkan di dalam keadaan yang harmoni. Dan dalam Sidang Dewan yang lepas saya telah menimbulkan isu jatuh banggunya sesebuah ekonomi dan pemerintahan. Dari pemikiran Abnihadun di dalam bukunya Mukadimah di mana dia menegaskan kerajaan yang boleh memerintah akan mendapat sumbangan cukai yang tinggi kerana kadarnya rendah tetapi apabila kerajaan itu sudah *confession*, melupakan rakyat, bermewah-mewah dengan dan sebagainya dikenakan kadar cukai yang tinggi tetapi hasil kutipannya rendah. Jadi kita kena faham psikologi pembangunan sebuah negara sebuah bangsa dan sebuah masyarakat. Jadi saya yakin program ini hendaklah dilihat dalam konteks pembasmian kemiskinan mewujudkan kuasa beli yang berterusan walaupun kadarnya RM100 tetapi berterusan untuk mewujudkan *file good factor*. Ke arah program pembasmian kemiskinan dan juga penjanaan kekayaan bagi seluruh rakyat Selangor, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Saya persilakan pihak kerajaan jika ingin memberi ulasan Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Tuan Speaker bagi pihak kerajaan sebenarnya saranan daripada Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas ini amatlah dialu-alukan, saya telah meneliti segala saranan tersebut, saya rasa kena pada masanya sebenarnya. Khususnya penambahan atau pun yang dikatakan pangkalan data memang saya kena beritahu di sini dari 2013 lagi beberapa kali isu berkenaan pangkalan data dikatakan dalam MMKN. Saya telah cuba membawa perkara ini sama dengan juga pada masa itu Yang Berhormat kebajikan Dr. Rodziah pada masa itu pun memang kata-kata menyatakan kita cuba mengadakan. Sekarang dengan ini saya percaya daripada apa yang telah saya beritahu dalam minggu ini dalam dewan yang mulia ini bahawa memang kerajaan sekarang dia merancang untuk mengadakan bancian dan juga pangkalan data dalam masa yang terdekat. Itu sedang dilakukan dan yang paling menarik sekarang saya, perlu ada satu sistem untuk berterusan, kita perlu wujudkan satu program berterusan untuk memperkayakan ataupun membawa mereka keluar dari belunggu kemiskinan. Satu program khas perlu ada bukan hanya baucar pertama kita perlu fahami bahawa baucar perayaan adalah satu pendekatan yang pada musim-musim perayaan sahaja dari skim usia emas pun mereka ada bagi baucar itu berlainan daripada *Standco* kemiskinan. Dan juga segala program-program MAS yang lain juga yang membawa manfaat kepada orang ramai yang membawa keluar mereka daripada belunggu kemiskinan. Walau bagaimanapun saya percaya dengan kita ada program baru-baru ini seperti tajaan untuk INSPENS Kolej pembelajaran itu lebih dua juta ditambah iaitu 100% di tambah dalam bajet 2015 bukan itu sahaja kita perlu akan rancang lagi saya diberitahu oleh pihak UPEN akan merancang program yang berterusan supaya lebih banyak manfaat. Saya rasa itu sahaja yang saya perlu beritahu di sini saya mengalukan segala saraan tersebut, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan dewan ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pembasmian Kemiskinan bagi

Dewan Negeri Selangor berkenaan Program Pemberian Baucar Perayaan “*Jom Shopping*” yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 38 tahun 2014.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Usul ini dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya usul nombor 41 Tahun 2014 usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“bahawa dewan yang mulia ini menyeru Kerajaan Negeri supaya mengiktiraf hak orang asli dalam hal ehwal pentadbiran tanah di bawah agensi dan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor.”

Tuan Speaker saya membawa usul ini bukan kerana apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri sekarang untuk hal ehwal orang asli tidak mencukupi. Tetapi untuk mendapatkan perhatian dan persetujuan dewan yang mulia ini supaya Kerajaan Negeri terus memelihara menjaga kebajikan golongan orang asli di Selangor. Sering kali kita mendengar bahawa orang asli dipinggirkan dan ditindas di mana tanah dirampas dan lain-lain. Perkara yang tidak adil ini tidak sepatutnya berlaku di Selangor. Sebagai kerajaan prihatin kita kena jaga kebajikan 16 ribu penduduk orang asli di Selangor yang menduduki daripada lebih 60 kampung orang asli. Biarlah Negeri Selangor menjadi contoh untuk negeri-negeri lain macam mana kerajaan boleh menghormati tradisi dan hak orang asli. Antara masalah yang dihadapi oleh orang asli ialah kemiskinan. Saya juga amat bimbang apabila saya membaca statistik yang dibawa oleh IDEAS yang menyatakan bahawa kadar keciciran orang asli kekal tinggi dengan 25% tercicir dalam peralihan dari sekolah rendah ke sekolah menengah. Ia bermaksud kalau ada 100 orang asli yang pergi dari sekolah rendah pergi sekolah menengah ada 25 daripada mereka akan *stop* pergi sekolah. Saya juga agak bimbang apabila saya

tengok kadar keciciran di sekolah menengah orang asli pun tinggi juga. 26% antara 100% - 75 yang masuk 26% akan tercicir. Ini sangat membimbangkan kerana ia menunjukkan satu ketidaksamaan *social injustice* bahawa majoriti sosial di kalangan orang asli sepatutnya dipertingkatkan lagi. Walau bagaimana pun usul ini adalah untuk tanah sahaja sebab saya bersetuju dengan Y.B. EXCO bahawa isu pokok orang asli adalah tanah. Laporan Khas *National Inquiry into the Land Right of Indigenous Peoples* dengan izin menunjukkan bahawa akses kepada tanah ada hubungan langsung kepada hak Orang Asli untuk makanan. Kalau masyarakat Orang Asli hilang akses untuk hutan dan tanah maka tanah adalah mata pencarian mereka. *They trying to use it as a source of income* dengan izin. Mereka kalau hilang tanah mereka akan jatuh dalam masalah jaminan makanan atau *food security* atau pun kemiskinan tegar. Oleh itu ini adalah sangat penting kerajaan menekankan prinsip *Free Prior and Informed Consent* (FPIC) dalam pengendalian tanah Orang Asli seperti perkara 10 Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk hak pribumi (*United Nation Declaration on the right of Indigenous Peoples UNDRIP*). Prinsip ini menghendaki mana-mana pilihan yang dicadangkan untuk komuniti Orang Asli menjadi sebahagian daripada alternatif yang mereka boleh membuat pilihan supaya masa mereka membuat pilihan mereka tahu sepenuhnya kesan-kesan jangka masa panjang pilihan yang mereka buat. Inilah prinsip *Free Prior and Informed Consent* in our pengendalian tanah. Memandangkan isu tanah adalah sangat penting untuk hal ehwal Orang Asli saya berharap Kerajaan Negeri boleh terus bekerja keras dalam inisiatif pewartaan rizab Orang Asli menurut Seksyen 7 Akta Orang Asli. Menurut Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sebanyak 1,253 hektar tanah di negeri Selangor telah diwartakan sebagai rizab Orang Asli tetapi mengikut sumber JAKOA jumlah permohonan sekarang adalah 3,972 hektar. Saya menyambut baik jawapan yang diberikan oleh Y.B. EXCO bahawa Badan Bertindak Tanah Orang Asli negeri Selangor (BBTOAS) di mana mereka telah membuat apa yang sepatutnya dibuat oleh JAKOA. Saya juga menyambut baik pemetaan komuniti yang telah dibuat oleh BBTOAS sebanyak 1,722 hektar telah dipetakan atau telah dibuat *community mapping* telah dibuat oleh kerajaan dan dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Di sini saya ingin menyeru Kerajaan Negeri supaya set satu *time frame* supaya kita ada satu jangka masa bila kita boleh

mewartakan tanah-tanah yang telah dibuat *community mapping* supaya gazetkan tanah ini menjadi sebagai rizab Orang Asli. Sudah sampai hampir 7 tahun kerajaan Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan Negeri dan hal ehwal ini adalah hal ehwal tanah yang kita ada *full control off* oh bukan *full control*, kita ada *certain control of*. Saya berasa bahawa kalau kita set satu *time frame* 10 tahun sebelum *next* pilihan raya kita boleh menggazetkan kebanyakan tanah Orang Asli supaya kehidupan Orang Asli di Selangor dan tradisi mereka. *Social mobility* Orang Asli boleh dijamin dengan pewartaan tanah Orang Asli. Dengan ini Damansara Utama memohon supaya usul ini diluluskan oleh Dewan.

**TUAN SPEAKER:** Penyokong. Ya Kuala Kubu Baru.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Puan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Teruskan dengan perbahasan.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Puan Speaker. Saya mengucapkan syabas kepada Damansara Utama yang begitu prihatin kepada masalah Orang Asli dengan membawa usul ini walaupun kawasan DUNnya tidak mempunyai kampung Orang Asli. Puan Speaker, Orang Asli adalah golongan minoriti yang terpinggir dalam arus pembangunan. Mereka tidak berupaya mengujudkan satu tekanan politik yang berkesan untuk menuntut hak mereka. Mereka merupakan masyarakat yang menerima daripada masyarakat yang berjuang untuk memperoleh pembaharuan dan kemajuan. Kawasan DUN saya terdapat 6 buah kampung Orang Asli. Saya sangat setuju dengan Damansara Utama bahawa Orang Asli sangat bergantung pada tanah untuk menjalankan kegiatan hidup mereka. Akta 134 iaitu Akta Orang Asli 1954 menyatakan bahawa pihak berkuasa negeri boleh mewartakan kawasan yang diduduki oleh Orang Asli sebagai tanah rizab Orang Asli. Puan Speaker, apa yang berlaku sekarang adalah kebanyakan kampung Orang Asli belum diwartakan sebagai tanah rizab Orang Asli. Walaupun permohonan mereka telah dikemukakan sejak tahun 1977. Sebagai contoh hanya tiga kampung telah diwartakan padahalnya terdapat 15 buah kampung di Hulu Selangor. Memandangkan proses pewartaan melibatkan pengukuran

halus yang mengambil masa yang panjang. Maka usul ini adalah tepat pada masanya untuk menekankan proses pewartaan dan juga melantik Juruukur yang bertauliah untuk melakukan pemetaan. Bagi mengiktiraf hak Orang Asli agar tanah mereka dikekalkan sebagai milik masyarakat Orang Asli. Puan Speaker, usul ini adalah satu pendekatan supaya tanah Orang Asli terjamin. Walau bagaimanapun tanah rizab sahaja tidak menyediakan ruang untuk Orang Asli melibatkan diri secara lebih aktif dalam pembangunan, pembaharuan dan kemajuan. Atas dasar menjaga dan melindungi masyarakat Orang Asli saya menyeru Kerajaan Negeri juga mengiktirafkan hak pendidikan Orang Asli dari segi pembangunan modal insan. Langkah yang diambil boleh bermula dengan Unisel, menerima kemasukan pelajar Orang Asli dengan kelayakan minimum. Puan Speaker, saya setuju kadar keciciran di kalangan murid orang asli memang tinggi. Mereka menghadapi masalah mendapatkan pendidikan yang berkualiti. Oleh sebab penempatan mereka jauh di pedalaman, mereka bersekolah dari tahun pertama hingga tahun enam sahaja. Saya dengan kerjasama penubuhan amal dan sukarelawan telah mengadakan kelas tuisyen untuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik di salah sebuah kampung Orang Asli sejak bulan April 2014. Tujuan kami adalah memupuk minat kanak-kanak Orang Asli untuk membaca, menulis dan mengira mengikut keperluan unik kanak-kanak Orang Asli dalam aspek kurikulum dan budaya belajar mereka. Selain daripada itu kami juga bersama kanak-kanak Orang Asli menghasilkan lukisan mural di dinding bilik belajar mereka. Lukisan mural yang dihasilkan oleh mereka itu memberi keyakinan kepada orang ramai bahawa kanak-kanak Orang Asli mempunyai potensi besar dalam seni lukisan.

Puan Speaker, kurikulum yang sedia ada tidak mengambil kira perbezaan latar belakang kanak-kanak Orang Asli. Saya berharap Kerajaan Negeri boleh menitik beratkan bantuan pendidikan kepada orang Asli begitu juga anak-anak syarikat kerajaan Selangor juga boleh turut serta dalam menganjurkan program pembangunan modal insan di kampung Orang Asli. Itu sahaja. Saya menyokong usul ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah saya buka untuk dibahaskan. Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima kasih Puan Speaker, yang pertamanya Paya Jaras ingin mengambil bahagian dalam usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Damansara Utama. Saya kira usul ini tak ada sebab mana-mana ADUN untuk menolak suatu usul untuk menjaga kebajikan Orang Asli. Saya tak ada seksyen hari ini untuk dibentangkan, saya tidak ada akta, saya tidak ada peruntukan undang-undang tetapi di tempat saya ada Orang Asli. Orang Asli ini tidak menyusahkan kita, mereka ada kehidupan mereka dan saya kira kehidupan mereka ini berdiri di atas kaki sendiri mereka cuba untuk berdikari cuma saya lihat kadang-kadang kehidupan mereka ini tidak terjaga apa lagi oleh kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. JAKOA mengatakan mereka ingin menjaga tapi saya lihat kepincangan JAKOA ini kadang-kadang menyusahkan kehidupan Orang Asli. Di tempat saya berbulan-bulan kawasan kampung Orang Asli di kawasan kampung Melayu pam air yang rosak laporan telah dibuat pada JAKOA tapi sehingga hari ini tidak ada satu usaha untuk membantu Orang Asli untuk mereka menikmati air. Kawasan Orang Asli tidak besar, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mereka mempunyai kawasan kampung yang agak berselerak tapi saya rasa Kerajaan Negeri perlu melihat secara *detail* tapi apa yang saya banggakan di tempat saya itu Orang Asli dia kena Yang Berhormat Elizabeth Wong mungkin portfolio dulu jaga. Mereka kenal kerana Y.B. Elizabeth dia pernah tarkan jalan, dia sebut setahun, dua tahun dia sebut sampai ke hari ini dia sebut Kerajaan Negeri dah tarkan jalan yang tak berapa panjang itu. Cuma saya nak tarik perhatian PTG, ada satu kawasan Orang Asli di Bukit Lagong di sebelah Selayang. Saya menerima aduan tanah mereka ini telah di ceroboh untuk pembangunan. Saya tidak tahu pembangunan apa, saya tak tahu di mana tapi kata mereka itulah kawasan mereka rayau dan hari ini dah ada pemaju yang telah masuk untuk mereka seolah-olah mendirikan pembangunan. Mungkin kerajaan memberikan sedikit peruntukan yang lebih, mungkin mereka bawa ke program jom *shopping* atau sebagainya supaya mereka dapat bersama-sama dengan masyarakat supaya mereka tahu kerajaan ini adalah kerajaan yang prihatin terhadap kebajikan mereka. Saya menyokong penuh pentadbiran tanah, gazet tanah kita perlu segerakan, perumahan, kebajikan mereka kita kena lihat, masalah

kebajikan anak-anak Orang Asli pendidikan kita kena tengok, terutama masalah infrastruktur yang saya rasa masih ketinggalan lagi di dalam negeri yang disebut negeri yang maju ini. Puan Speaker, itu sahaja dan saya menyokong usul ini.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker, saya ringkas sahaja. Terima kasih kepada Kota Damansara yang membawa usul ini dan bagi saya kita telah melalui 6 tahun. Banyak usaha telah kita rangkakan, kita laksanakan, gagal, tidak berjaya, digagalkan. Saya rasa sudah sampai masanya bagi pihak pimpinan tertinggi negeri Selangor yang diketuai oleh Dato' Menteri Besar sendiri bersemuka berbincang dengan menteri yang berkenaan kerana usaha-usaha kita disabotaj. Kita buat sesuatu dia pun pasang meter talian, pasang kipas di dewan yang tidak ada elektrik yang masuk. Jadi menggambarkan bila kita ada sesuatu nak buat dia buat dua langkah tapi akhirnya rakyat Orang Asli tertipu. Jadi sama ada pendidikan atau kita nak bawa apa-apa dihalang. Masanya telah sampai. Di peringkat ADUN kita telah tulis surat ke Jabatan Orang Asli peringkat Selangor dua kali, tiga kali kita nak adakan pertemuan tapi tidak berjaya. Dan ada mesej yang disampaikan melalui nota kami tidak dibenarkan bertemu dengan Y.B.. Begitu sekali. Jadi *high time* dengan izin, kita bersemuka berterus terang kerana apa yang kita nak bela ini adalah kebajikan rakyat. Di kawasan saya di Kemensah Hulu terdapat sebuah perkampungan Orang Asli tempatnya hari 3 4 kilometer dari zoo negara. Bila saya tanya pada penduduk Orang Asli kalau Y.B. nak ajak jalan-jalan anak-anak nak pergi mana. Nak pergi Zoo Negara. Walaupun mereka duduk dekat Zoo Negara tapi mereka tak ada kemudahan. Jadi itu yang pertama. Saya cadangkan pihak pimpinan tertinggi Kerajaan Negeri Selangor berterus terang merangkakan agar kementerian bertanggungjawab memberi ruang yang luas bagi Kerajaan Negeri membantu dengan apa yang kita telah laksanakan selama ini. Keduanya adalah tentang kawasan tanah mereka dan ini saya rasa kalau di Hulu Kelang, di Kemensah masih lagi tidak teratur dari segi betul ke tempatnya di situ. Kita dengar-dengar saja. Di tempat lain dipindahkan dan bakal dipindahkan dan kalau buka Draf Rancangan Tempatan di bawah MPAj ada gambaran

bahawa akan dipindahkan. Jadi ketidaktentuan ini menggusarkan mereka. Kalau kita boleh buat satu rangka di manakah tapak tanah tinggal Orang Asli dan di manakah kawasan rayaunya dengan jelas itu akan memudahkan. Kemudian dari segi potensi Orang Asli ini memang berpotensi. Kalau diberi peluang belajar kemahiran mereka akan capai tahap tertinggi dalam kefahaman dan sebagainya tapi masalahnya tidak ada kerjasama setakat ini. Jadi jangan sebab berlainan aliran politik itu menjadikan masalah jadi saya menyeru sekali lagi agar selain dari persoalan tanah, persoalan kebajikan, bantuan boleh kita salurkan dengan sistematik dapat kita laksanakan dengan itu saya menyokong usul ini.

**TUAN SPEAKER:** Saya jemput pihak kerajaan, Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Damansara Utama yang mencadangkan usul ini dan juga penyokong Yang Berhormat Kuala Kubu Baru, Hulu Kelang dan juga Paya Jaras. Saya rasa ini adalah satu usul yang amat penting dan saya memang terharu Damansara Utama dapat membentangkan isu ini dalam dewan yang mulia ini. Walau saya tahu di Damansara Utama tidak ada perkampungan Orang Asli tapi saya juga tahu yang Yang Berhormat Damansara Utama ada banyak program di luar negeri seperti di Pahang, Sarawak di mana beliau membantu Orang Asal atau Orang Asli di kawasan-kawasan tertentu. Perkara yang dibangkitkan pokoknya adalah isu tanah. Dan memang kita mempunyai satu KPI atau pun SKT untuk menghabiskan sekurang-kurangnya pemetaan masyarakat atau pun dengan izin *community mapping* di semua penempatan Orang Asli di Negeri Selangor. Itu sebagai langkah pertama di mana yang agak senang untuk diwartakan tidak ada pertindihan dan sebagainya akan diwartakan secepat mungkin melalui bantuan daripada pejabat-pejabat tanah di peringkat daerah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini ada 7 daerah di Negeri Selangor yang ada perkampungan Orang Asli kecuali di Sabak Bernam dan Kuala Selangor, semua daerah yang lain ada perkampungan Orang Asli. Saya juga setuju tentang proses *fire free and info consent* dan setakat ini Kerajaan Negeri Selangor tidak memaksa mana-mana pihak atau pun Orang Asli untuk dikeluarkan atau apa-apa. So, apa yang disebutkan tadi atau pun ditanya oleh Yang Berhormat Hulu

Kelang adakah Kampung Kemensah dijadualkan untuk dipindah keluar, memang tidak ada rancangan yang dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri dan kita memang tidak ada perancangan untuk meminda orang kampung dari Kampung Kemensah. Cuma ada beberapa kes-kes yang ada dengan izin *conflict, conflict* tanah. Yang terbaru yang saya dimaklumkan baru keluar minggu ini adalah dekat Lebuhraya Elit, ini sebagai contohnya. Perjanjian sudah dijanjikan, S&P sudah ditandatangani Februari 2008, itu sebelum Pakatan Rakyat menjadi kerajaan. Tanah KDEB dijual kepada pihak pemaju dan sekarang kampung orang asli yang berdekatan di sana sudah marah kerana pihak pemaju tidak ingin, langsung tidak layan orang asli di sana tidak mahu dialog dan sebagainya.

So, peranan Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan pemaju-pemaju atau pun pemilik tanah yang mungkin *accident* ke atau pun sengaja tanah orang asli diberi milik kepada orang lain, kita mesti pastikan pemaju-pemaju dan juga pemilik-pemilik tanah khususnya kalau GLC di Negeri Selangor memberi perhatian dan juga hak kepada orang asli di kawasan yang berkenaan, ini sebagai contoh. Ketiganya saya memang setuju apa yang dibangkitkan tentang pendidikan. Dan kita selalu bincang tentang perkara ini cuma di peringkat Kerajaan Negeri Selangor kita memang tidak ada *access* kepada sekolah rendah sebagai contohnya atau pun sekolah kebangsaan menengah dan hanya tahun ini Dato' Menteri Besar Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah mengumumkan biasiswa khas ini saya rasa *first time*, pertama kali sesebuah Kerajaan Negeri ada biasiswa khas untuk orang asli. Kita bermula dengan 10 sahaja dan kita akan lihat, kita akan tambah kalau ada keperluan atau pun permintaan kerana kita ingin orang asli di Negeri Selangor bukan saja maju, berpendidikan tetapi masih ada budaya dan keistimewaan adat istiadat mereka dikekalkan. Ada perkara yang di bangkit atau pun disentuh sebagai contohnya kemiskinan. Saya amat tertarik apabila saya baca beberapa laporan daripada Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan dan saya ingin *counter propose* dan cadangkan kepada Dewan yang mulia ini selain daripada meluluskan usul ini, kalau JKP Pembasmian Kemiskinan boleh mengambil isu ini sebagai satu isu utama untuk tahun 2015 memberi cadangan kepada Kerajaan Negeri

untuk membanteras kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli, itu pun satu langkah yang penting.

Orang Asli di Negeri Selangor kurang daripada 20 ribu sahaja. Mereka adalah saya yakin kaum yang paling tertindas di Selangor dan juga di seluruh semenanjung Malaysia. Kalau Kerajaan Negeri tidak ada rancangan atau pun niat untuk membangunkan dan mengangkat Orang Asli yang 20 ribu sahaja, kalau kita tidak boleh berjaya maksudnya langkah-langkah yang lain yang kita hendak sebut nak basmikan kemiskinan di kalangan masyarakat yang lain, saya rasa susah nak *justified* dengan izin. Jadi ini satu perkara saya pun ingin lontarkan satu cabaran kepada semua Adun-Adun yang ada khasnya, yang ada perkampungan Orang Asli untuk dengan izin *adopt* kita anak angkat menjadi ibu angkat atau pun bapa angkat kampung-kampung Orang Asli dan kita ada satu program khas bersama dengan Adun-Adun untuk menjaga masyarakat Orang Asli. Tidak kira dari penyokong atau pun pembangkang saya rasa ini masa kita boleh menunjukkan kepada masyarakat Orang Asli bahawa di Negeri Selangor kita memang serius dan kita ingin mengutamakan kebajikan dan juga masa hadapan mereka. Jadi dengan itu saya berharap Dewan ini akan menyokong usul dan membantu dari segi pemantauan iaitu memantau Kerajaan Negeri supaya kita jalankan program-program yang terbaik untuk mereka demi kebaikan masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi Dewan yang mulia ini menyeru Kerajaan Negeri supaya mengiktiraf hak Orang Asli dalam Hal Ehwal Pentadbiran Tanah di bawah agensi dan anak syarikat kerajaan Selangor. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya usul No. 42 Tahun 2014, Usul Di Bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Assalamualaikum, salam sejahtera Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya

ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pilihan Berkuasa Tempatan (JP-PBT) bagi Dewan Negeri Selangor melalui susulan daripada lawatan ke Majlis Bandar raya Petaling Jaya (MBPJ) yang telah dibentangkan di depan Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat 45 Tahun 2014. Tuan Speaker penyata ini telah diedarkan kepada semua Ahli Berhormat sebelum Dewan, jadi saya tak perlulah untuk menghuraikan kandungannya. Cuma saya hendak tonjolkan *highlight* isu-isu berkaitan dengan lawatan Jawatankuasa ke Bandaran Petaling Jaya. Isu-isu yang dibangkitkan satu, dia ada semua 7 isu tetapi isu kebanyakan isu ini telah dibincang secara mendalam dan luas di Dewan, soalan jadi ini saya hendak beritahu isu-isu yang telah dibangkitkan. Nombor satu isu antara pengurusan tertinggi Ahli Majlis dan juga antara jabatan di Petaling Jaya. Isu yang kedua, isu yang berkaitan pentadbiran dan prestasi pengurusan tertinggi di Petaling Jaya. Isu ketiga berkaitan tentang tender-tender yang telah diberi oleh MBPJ. Isu yang keempat, isu yang berkaitan misbah plot iaitu dengan izin *plot ration* di Petaling Jaya. Isu yang kelima ialah isu pengurusan JMB yang telah kita bincangkan di Dewan yang mulia ini. Isu yang keenam, isu pengurusan sampah, ini satu isu yang sensitif pun telah dibincangkan. Isu yang ketujuh ialah isu untuk kemudahan orang OKU di Petaling Jaya. Jadi Tuan Speaker saya mengharap Dewan ini akan menerima penyata yang telah dibentangkan, sekian.

**TUAN SPEAKER:** Penyokong. Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Puan Speaker, saya bangun untuk menyokong usul ini. Saya rasa penyata ini merupakan penyata yang paling panjang yang pernah dijana oleh Jawatankuasa Pihak Berkuasa Tempatan dan merangkumi banyak saranan yang rasa mungkin EXCO tak payah jawab pada hari ini tetapi saya harap akan diteliti sebab lebih daripada 20 saranan saya ingat. Di dalam penyata ini merangkumi banyak aspek pentadbiran PBT seperti yang digariskan oleh Yang Berhormat Ijok. Satu saranan sahaja yang saya hendak berikan penekanan ialah dekat muka surat 6 perkara 26 bahawa Kerajaan Negeri perlu memastikan tindakan diambil terhadap

semua audit yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus dalaman PBT-PBT terutamanya di MBPJ. Maklum terdapat beberapa laporan audit ada yang satu serius juga ada mensabitkan kesalahan ke atas seorang Pengarah di MBPJ yang kita belum lihat apa-apa tindakan diambil. Jadi saya harap Kerajaan Negeri akan mengkaji memastikan semua laporan audit yang dilakukan oleh Jawatankuasa Audit yang dianggotai oleh 5 Ahli Majlis ini mesti ada penyelesaian seperti mana saranan-saranan ini akan dijawab sidang akan datang sama juga Jawatankuasa Audit punya saranan yang dikeluarkan oleh PBT-PBT itu perlu dijawab, mesti ada satu *avenue* supaya dia dijawab sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong, saya buka untuk dibahaskan. Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Speaker saya ingin merujuk kepada Laporan Jawatankuasa muka surat 6 berkaitan dengan isu berkaitan dengan tender. Saya nampak yang cadangan di sini untuk Ahli Majlis untuk duduk, boleh bersuara sebagai Jawatankuasa Tender saya rasa mungkin ini kita mohon maklum balas pihak Kerajaan Negeri. Saya rasa ini boleh dijelaskan sekarang sebab saya difahamkan ini adalah polisi sebelum ini yang mana mereka cuma pemerhati dan tidak boleh suarakan dan terima apa yang telah dibuat keputusan dalam Jawatankuasa Tender. Bagi saya adalah tidak adil sebab Ahli Majlis dia sebenarnya adalah lebih kepada pembuat polisi di peringkat PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) jadi mereka juga memikul tanggungjawab kolektif terhadap sebarang keputusan yang dibuat. Jadi saya harap ini boleh dikaji dan ada tak kerajaan mempunyai cadangan supaya kita paparkan semua kerja kontrak yang telah ditender dan berjaya ditenderkan dengan BQ dan kos dengan kontraktornya sekali dalam laman web rasmi, semua PBT supaya orang awam boleh akses dan pantau apa yang telah dibuat. Sebab cadangan sekarang saya semak cuma mungkin ada notis untuk panggilan tender tetapi tiada maklumat berkenaan BQ atau pun jenis kerja yang telah berjaya ditenderkan dengan kontraktor yang berjaya mendapat kontrak tersebut.

Yang kedua berkenaan dengan isu berkaitan pengurusan JMB muka surat 9, perkara 40 yang mana dimaklumkan bahawa Akta

Penggunaan Strata Akta 757 telah diwartakan kepada 8 Januari dan ini akan mengetepikan Akta 663. Dan sejauh manakah Akta ini dapat membantu dalam menyelesaikan isu GMB ini dan perkara 44 Yang Berhormat Exco pada waktu itu menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan menubuhkan satu jabatan COB yang akan diketuai oleh pengarah yang bergred 52. Sama ada ini sudah ditubuhkan dan boleh memperkasakan, saya ingat lagi yang sebelum ini Yang Berhormat Cempaka juga ada maklumkan bahawa COB dan Lembaga Perumahan akan diperkasakan untuk kita jaga isu tentang flat-flat kos ini. Akhir sekali isu berkaitan pengurusan sampah. Polisi ini saya nampak memang sebelum ini telah dijawab di mana kata isu tender itu akan kalau saya nampak adalah agak saya rasa pelik. Walau pun kita katakan polisi ambil harga yang terendah itu atas prinsip *value for money* tetapi saya yakin bahawa Jawatankuasa yang duduk dalam memilih, kontraktor itu patutnya mereka ada satu tahap profesionalisme untuk tahu bahawa nilai projek mana satu yang sepatutnya ditenderkan supaya tak ada isu sampah yang *redundence* itu. Jadi ada tak Kerajaan Negeri juga paparkan papan tanda tentang maklumat kontraktor di setiap Taman dan jadual waktu mereka. Sebab sekarang kita nampak sistem pemantauan itu sama ada dia aduan terus kepada ADUN, Ahli Majlis atau pun PBT. Tapi orang awam dia tidak tahu sama ada tiap-tiap hari satu minggu 2 hari dan sebaliknya termasuk juga sampah pukal. Ini sahaja yang saya ingin bangkitkan.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah saya jemput pihak Kerajaan untuk memberi ulasan.

**Y.B. EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa JBPPD kerana berusaha untuk mengadakan pendengaran ya pendengaran dan juga siasatan terhadap beberapa isu yang timbul di MBPJ seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing bahawa laporan ini merupakan ..... agak panjang dan juga banyak isu yang paling banyak isu di antara 3 laporan. Saya akan marakan supaya satu maklum balas dari MBPJ supaya saranan dan juga cadangan daripada pihak jawatankuasa akan diteliti dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak MBPJ, sekian Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi:-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Dewan Negeri Selangor Mengenai Susulan daripada Lawatan ke Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 45 Tahun 2014”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Usul Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, Usul No. 43 Tahun 2014, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) BAGI Dewan Negeri Selangor mengenai – Susulan daripada Lawatan ke Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 46 Tahun 2014”.

Tuan Speaker, isu di Kajang akan sama juga sebagai masalah di Petaling Jaya, cuma saranan *highlight* atau tunjukkan isu yang berlainan sedikit ialah macam isu sampah, cuma kita dah tahu. Isu yang berlainan ialah nombor satu berkenaan iaitu pindaan peruntukan dilakukan oleh MPKj.

Ah itu satu isu besar sebab pindaan ini tidak di bincang dengan telus.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Isu yang kedua ialah masalah isu berkenaan pengurusan pasar malam di kawasan MPKj. Isu pasar malam pun ada berkenaan dengan tempat-tempat lain sebab pengurusan dasar negeri Selangor sekarang untuk PBT mengambil alih pengurusan pasar malam. Ini telah menimbulkan satu sensitif isu kepada penduduk-penduduk JKkk yang sekalian. Jadi saya dengan harapnya Dewan ini menerima Penyata Jawatankuasa sekian.

**TUAN SPEAKER:** Penyokong

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Saya buka untuk Perbahasan. Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima kasih Tuan Speaker, PBT adalah perkara yang sering kita bangkitkan dalam banyak Perbahasan. Saya kira saya menarik perhatian YAB Dato' Menteri Besar serta Y.B. EXCO saya lihat amalan yang dilaksanakan di antara satu PBT ke PBT yang lain mungkin berbeza dan mungkin tidak dalam ruang sistem yang telah ditetapkan. Saya nak mencadangkan supaya Kerajaan Negeri jelaskan dengan sejelas-jelasnya sistem sama ada sistem pengurusan pasar malam, sama ada pengurusan sistem bazar Ramadhan atau pun dalam konteks-konteks yang memerlukan melibatkan hubungan di antara rakyat ADUN dan PBT itu sendiri. Saya bagi contoh di MBPJ pasar malam dilaksanakan di bawah kawal selia PBT, di tempat-tempat lain kita mendengar rungutan bahawa lebih efisien dilaksanakan oleh JKkk. Saya memberi cadangan supaya pasar malam ini diserahkan balik ke JKkk dengan satu format SOP daripada PBT untuk kita memantau tetapi pelaksanaan pasar malam diserahkan kepada JKkk. Saya tidak mahu peristiwa bazar Ramadhan saya nak tarik perhatian daripada Y.B. EXCO bahawa kalau setiap nak puasa ini mesti ada masalah dengan bazar Ramadhan di MPKj baru-baru ini saya lihat. Tapak dibangunkan tempat tak sesuai kemudian disita oleh MPKj, kita faham tempat sesuai kita menyokong MPKj soalnya kenapa terlalu terlambat untuk mengambil tindakan. Ada tempat yang sesuai kita putihkan, ada tempat tak sesuai kita sebut dari awal tak boleh, jangan sehingga terlalu saat terakhir baru kita kata tak boleh. Ini banyak menimbulkan

masalah dan memberi persepsi yang sangat tak baik kepada Kerajaan Negeri. Sebab itu saya menyeru kepada EXCO PBT YAB Dato' Menteri Besar supaya adakan satu sistem. Sistem ini kita laksanakan tidak ada budi bicara dibuat melainkan melaksanakan sistem yang kita tetapkan supaya kita semua anggapkan supaya semua PBT-PBT yang ada dalam Selangor ini, terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, mungkin saya boleh bagi sedikit pandangan tentang apa maklum balas yang saya dapat dari MPKj mengenai sampah. Sampah isu sekarang di Kajang sudah stabil kerana dulu isu yang bangkit adalah kerana RDF di Kajang tidak berfungsi. Isu ini telah kita selesai dan stabil dan sekarang sampah sudah hantar ke Jeram ini satu maklum balas. Yang kedua dasar Kerajaan Negeri sekarang tentang pengurusan pasar malam adalah semua pasar malam akan di uruskan oleh PBT masing-masing. Saya ambil maklum tentang cadangan daripada Paya Jaras bahawa adakah kemungkinan PBT akan serah balik pengurusan kepada JKKK atau pun Persatuan itu kita akan kaji kemudian. Dan juga tentang isu *wiremen*, Mesyuarat Jawatankuasa MPKj pada 18 Jun 2014 telah setuju pindah peruntukan perbelanjaan dibentangkan dan dilaporkan untuk maklumat mesyuarat penuh. Ada perubahan tentang apa yang disiasat oleh, selepas siasatan di buat oleh Jawatankuasa sekian.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi:-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Dewan Negeri Selangor Mengenai Susulan daripada Lawatan ke Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 46 Tahun 2014”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Usul Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, Usul No. 44 Tahun 2014, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Di sini saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) Bagi Dewan Negeri Selangor mengenai Pindaan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya 2020 (RTMPSJ 2020) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 44 Tahun 2014”.

Tuan Speaker isu yang dibangkitkan ialah isu penukaran atau perubahan zon guna tanah tidak mengikut SOP garis panduan yang benar. Jadi Penyata telah diedarkan Ahli-ahli Yang Berhormat sila saya memang yakin telah membacanya dan saya harap Penyata ini diluluskan oleh Dewan sekian.

**TUAN SPEAKER:** Penyokong Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Penyata ini cuma saya nak merakamkan terima kasih kepada Y.B. Cempaka kerana telah memberi penjelasan. Sebenarnya isu-isu ini dalam saranan ini telah menjawab dalam Sidang Dewan ini beberapa hari yang lepas saya rasa isu ini boleh kira selesai. Saya ucapkan terima kasih juga kerana ada hati yang terbuka untuk menerima saranan ini supaya kita menukar praktis-praktis yang lama supaya semua perubahan kepada mana-mana Rancangan Tempatan mesti melalui proses publisiti selama minimum 4 hari, 4 minggu sebelum boleh dipertimbangkan untuk ditukar. Jadi saya ucapkan terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah Usul ini telah pun disokong saya buka untuk Perbahasan. Seri Kembangan tidak perlu bagi penjelasan? Cempaka.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya memang betul bahawa kita telah bersetuju, bahawa sebarang perubahan yang tidak ada yang tidak dipamerkan dan perlu pergi balik kepada rakyat perlu permitkan semula tapi cuma muka surat 623 item 23 mengatakan bahawa proses penukaran zon guna tanah pos institusi dan milik Sime Darby Industri kepada Komersial tidak melalui proses bantahan tetapi kita telah membuat penambahbaikan kepada proses tersebut. Jadi tak pernah mengatakan tidak langsung melalui sebarang bantahan. Telah melalui proses bantahan dan tuan tanah pos dan juga Sime Darby telah membuat bantahan. Walau bagaimana pun, untuk praktis kita dengan izin yang akan datang amalan yang akan datang bahawa kita walaupun telah dibuat bantahan tapi ia berbeza dari apa yang di pamerkan. Kita terpaksa pergi balik kepada penduduk atau kepada rakyat untuk bantahan atau publisiti yang kedua, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi:-

“ Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Dewan Negeri Selangor Mengenai Pindaan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya 2020 (RTMPSJ 2020) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 44 Tahun 2014”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Usul Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, Usul No. 45 Tahun 2014, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin bawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Kumpulan Semesta Sdn Bhd. (KSSB) yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 41 Tahun 2014”.

Tuan Speaker, satu Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai KSSB telah dibentangkan dan saya percaya yang Ahli-ahli Yang Berhormat telah tahu latar belakang KSSB. Untuk jimatkan masa saya akan terus ke penemuan Jawatankuasa yang penting sekali iaitu satu aduan daripada KSSB mengenai lombong pasir haram kurang mendapat kerjasama daripada pihak PTD dan PTG. Surat telah dihantar kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) untuk meminta penguatkuasaan. Terdapat 15 lokasi lombong pasir haram yang sedang menjalankan aktiviti lombong pasir haram yang telah dilaporkan oleh KSSB kepada PTD dan PTG tetapi tiada tindakan penguatkuasaan yang diambil. Antaranya saya tidak akan sebut semua 15 lokasi kawasan itu antaranya yang serius sekali salah satunya adalah di tapak Puchong Prima 4 surat peringatan telah dihantar oleh KSSB dan 1 lagi Ulu Kali rasa di rasa Hulu Selangor juga di hantar 4 surat. Taman Perindustrian Puchong 2 surat Sungai Jolok Kajang 4 surat dan lain-lain lagi. Yang semua ada yang 3 surat, ada yang 2 surat, 6 surat ada punya. Jawatankuasa (JP-ABAS) menjalankan Kerajaan Negeri harus *synergykan* 2 pendekatan jangka pendek dan panjang. Iaitu pertama meningkatkan penguatkuasaan terhadap pasir daripada negeri jiran supaya dapat meningkatkan hasil kutipan royalti dan kedua memanjangkan tempoh hayat rizab pasir di kawasan stok pau yang lama dan yang baru seperti lombong horas di Bestari Jaya. Dan Kerajaan Negeri harus menetapkan kadar dividen yang dibayar oleh KSSB setiap tahun supaya KSSB boleh menggunakan hasil pendapatan yang selebihnya untuk pelaburan korporat.

**TUAN SPEAKER :** Boleh ringkaskan Kinrara, ringkaskan.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Ya, dah habis, dua ayat lagi. Yang ketiga Kerajaan Negeri harus bersepadu dengan negeri jiran yang lain untuk menubuhkan satu pasukan khas PTG yang bertanggungjawab memantau pencurian pasir dan lombong pasir haram yang tegak. Akhir sekali Kerajaan Negeri harus memastikan operasi KSSB disepadukan dengan operasi bahan bantuan lain seperti pengkuarian, sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Penyokong.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah saya buka untuk Perbahasan. Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker, saya hanya ingin merakamkan ke dalam Dewan ini bahawa Kumpulan Semesta Berhad telah memberi maklum balas yang akan kami kemukakan dalam Mesyuarat yang akan datang, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pihak Kerajaan jika ada?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih seperti yang dimaklumkan oleh Y.B. Hulu Kelang pihak KSSB telah pun memberikan maklum balas. Cuma sebagai tambahan yang dibangkitkan oleh Y.B. Kinrara tadi tentang aduan-aduan yang dibuat berasaskan laporan kecurian dan operasi haram di beberapa lokasi lombong pasir ini. Untuk makluman Y.B. KSSB tidak mempunyai bidang kuasa untuk penguatkuasaan. Penguatkuasaan ini adalah di bawah pentadbir tanah dan seperti yang telah saya nyatakan pada minggu lepas memang ada usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan keupayaan penguatkuasaan di semua Pejabat Daerah dan Tanah di Selangor dan kita telah pun meluluskan 200,000 jawatan dan mereka-mereka yang akan dilantik sedang dikenal pasti untuk diberikan latihan dan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan

keanggotaan penguatkuasaan bagi tujuan yang dibangkitkan oleh Y.B. Sementa tadi, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ia Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya Y.A.B. Dato' Menteri Besar ini bukan berkenaan dengan lombong haram tapi yang halalnya. Yang mana diluluskan oleh KSSB itu selalunya lori-lori yang masuk dan terjadi juga di kawasan saya terpaksa melalui jalan besar, kadang-kadang lori laju kemudian jalan habis berlubang-lubang menyebabkan kemalangan dan jalan raya kerap berlaku. Jadi apakah pandangan Kerajaan Negeri dalam memantau lori-lori yang telah dibenarkan dan dapat permit dari KSSB sendiri ini supaya ianya juga boleh mengambil kira tentang keselamatan jalan raya dan keselamatan rakyat di dalam kawasan tersebut.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Untuk maklumat Dengkil KSSB juga ada menetapkan wang cagaran kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya sekiranya berlaku kerosakan jalan-jalan masuk ke tapak-tapak lombong ini maka wang cagaran ini akan digunakan untuk membaiki jalan-jalan yang berkenaan. Tetapi kita juga sedia maklum ada operasi yang dilakukan di luar waktu yang dibenarkan. Dan ini sekali lagi penguatkuasaan yang harus dipertingkatkan dan ianya dapat menjamin keselamatan khususnya penduduk-penduduk yang tinggal bersekitar dengan kawasan berkenaan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi:-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Kumpulan Semesta Sdn Bhd. yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 41 Tahun 2014”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Usul Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya, Usul No. 46 Tahun 2014, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Bukit Beruntung Gold & Country Resort Berhad (BBGCB) yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 43 Tahun 2014”.

**TUAN SPEAKER:** Penyokong.

Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Saya buka untuk Perbahasan. Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan bahawa sebarang usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan terhadap Usul ini hendaklah disekalikan, dicadangkan untuk disekalikan dengan Usul 37.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah pihak Kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Y.B. Rawang dan juga Y.B. Hulu Kelang Kerajaan ingin mengambil maklum tentang saranan yang dikemukakan dan juga cadangan Y.B. Hulu Kelang supaya perkara ini diambil kira sama dengan Usul 37. Tetapi saya ingin memberi sedikit maklumat tambahan bahawa Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad ini telah pun mengambil keputusan untuk tidak lagi meneruskan pajakan operasi kepada Syarikat Viva

Bonanza yang telah diberikan persetujuan untuk tempoh 5 tahun dan perkhidmatan mereka akan tamat pada Oktober 2015 dan pada ketika itu pihak pengurusan Bukit Beruntung Golf & Country Resort tidak akan menyambung perkhidmatan mereka dan kita akan gunakan apabila operasi sepenuhnya dikuasai oleh Bukit Beruntung Golf & Country Resort ini di mana pemegang sahamnya adalah MBI. Kita akan pastikan urus tadbir yang bertanggungjawab seperti yang disarankan dalam Usul 37, terima kasih Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi:-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Bukit Beruntung Golf & Country Resort Bhd. yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 43 Tahun 2014”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Usul Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya, Usul No. 47 Tahun 2014, Usul Penggantian Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian,

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa :

- i) Y.B. Dato' Mohd Shamsuddin bin Lias, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Burong dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Ng Suee Lim, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan;

- ii) Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail, Ahli Dewan Negeri Kawasan Batu Tiga dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Gasing;
- iii) Y.B. Tuan Ng Tien Chee, Ahli Dewan Negeri Kawasan Balakong dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah Ahli Dewan Negeri Kawasan Bangi; dan
- iv) Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman, Ahli Dewan Negeri Kawasan Meru dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Amirudin bin Shari Ahli Dewan Negeri Kawasan Batu Caves di dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:

“Bahawasanya menurut Peraturan 68, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan bahawa:

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Usul Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, Usul No. 47 Tahun 2014, Usul Penggantian Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian,

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa :

- 1) Y.B. Dato’ Mohd Shamsuddin bin Lias, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Burong dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Ng Suee Lim, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan;
- 2) Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail, Ahli Dewan Negeri Kawasan Batu Tiga dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Gasing;
- 3) Y.B. Tuan Ng Tien Chee, Ahli Dewan Negeri Kawasan Balakong dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah Ahli Dewan Negeri Kawasan Bangi; dan
- 4) Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman, Ahli Dewan Negeri Kawasan Meru dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Amirudin bin Shari Ahli Dewan Negeri Kawasan Batu Caves di dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Usul Ini Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, Usul No. 48 Tahun 2014, Usul Penggantian Ahli Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT).

**Y.A.B. DATO’ MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian:

“Bahawasanya menurut Peraturan 68A(2) dan 68 (2), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan bahawa:

- 1) Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah, Ahli Dewan Negeri Kawasan Bangi dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Lau Weng San, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kampung Tunku;
- 2) Y.B. Puan Lai Nyuk Lan, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Pelek dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Puan Gan Pei Nee, Ahli Dewan Negeri Kawasan Rawang;
- 3) Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Panjang menggantikan Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Idrus, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuang di dalam Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT).

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Usul ini disokong. Saya buka untuk dibahaskan, baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:

“Bahawasanya menurut Peraturan 68 A(2) & 68 (2), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan bahawa:

- 1) Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah, Ahli Dewan Negeri Kawasan Bangi dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Lau Weng San, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kampung Tunku;

- 2) Y.B. Puan Lai Yoke Lan, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Pelek dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Puan Gan Pei Nei, Ahli Dewan Negeri Kawasan Rawang;
- 3) Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Panjang menggantikan Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Idrus, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuang di dalam Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT).

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Usul Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, Usul No. 49 Tahun 2014, Usul Penggantian Ahli Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT).

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian.

“Bahawasanya menurut Peraturan 68A(2) dan 68(2), Peraturan-peraturan tetap Kerajaan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa:

- 1) Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad, Ahli Dewan Negeri kawasan Ijok dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Ahli Dewan Negeri kawasan Seri Setia;
- 2) Kedua, Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Ahli Dewan Negeri kawasan Kajang dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz, Ahli Dewan Negeri kawasan Lembah Jaya.
- 3) Y.B. Tuan Dr. Abdul Rani bin Osman, Ahli Dewan Negeri kawasan Meru dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa

menggantikan Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad, Ahli Dewan Negeri kawasan Ijok.

- 4) Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali, Ahli Dewan Negeri Kawasan Selat Klang dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Haji Hasnul bin Haji Baharuddin, Ahli Dewan Negeri kawasan Morib di dalam Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan atau JPPBT. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. Saya buka untuk perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:

“bahawasanya menurut Peraturan 68A(2) dan 68(2), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa:

- 1) Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad, Ahli Dewan Negeri kawasan Ijok dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Ahli Dewan Negeri kawasan Seri Setia;
- 2) Y.B. Datuk Seri Wan Azizah binti Wan Ismail, Ahli Dewan Negeri Kajang dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz, Ahli Dewan Negeri kawasan Lembah Jaya;
- 3) Y.B. Tuan Dr. Abdul Rani bin Osman, Ahli Dewan Negeri kawasan Meru dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad, Ahli Dewan Negeri kawasan Ijok;
- 4) Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali, Ahli Dewan Negeri Kawasan Selat Klang dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa

menggantikan Y.B. Tuan Haji Hasnul bin Haji Baharuddin, Ahli Dewan Negeri kawasan Morib di dalam Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI DEWAN:** Ya.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya, usul nombor 50 Tahun 2014, Usul Penggantian Ahli Jawatankuasa Pilihan Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri, JPABAS.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian,

“bahawasanya menurut Peraturan 68C(2) dan 68(2). Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa:

- 1) Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi, Ahli Dewan Negeri kawasan Sabak dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz, Ahli Dewan Negeri kawasan Lembah Jaya;
- 2) Y.B. Tuan Lau Weng San, Ahli Dewan Negeri kawasan Kampung Tunku dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Puan Gan Pei Nei, Ahli Dewan Negeri kawasan Rawang;
- 3) Y.B. Puan Rodziah binti Ismail, Ahli Dewan Negeri kawasan Batu Tiga dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Amirudin bin Shari, Ahli Dewan Negeri Batu Caves di dalam Jawatankuasa Pilihan Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri atau JP-ABAS;

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. Saya buka untuk perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

“bahawasanya menurut Maaf. Ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan 68C(2) dan 68(2), peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa:

- 1) Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi, Ahli Dewan Negeri kawasan Sabak dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz, Ahli Dewan Negeri kawasan Lembah Jaya;
- 2) Y.B. Tuan Lau Weng San, Ahli Dewan Negeri kawasan Kampung Tunku dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Puan Gan Pei Nei, Dewan Negeri, Ahli Dewan Negeri kawasan Rawang;
- 3) Y.B. Puan Rodziah binti Ismail, Ahli Dewan Negeri kawasan Batu Tiga dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Amirudin bin Shari, Ahli Dewan Negeri kawasan Batu Caves di dalam Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI DEWAN:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui. Baiklah saya jemput Bukit Antarabangsa untuk bawa usul melanjutkan masa dulu.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut, bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan sehingga selesai semua urusan Dewan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI DEWAN:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui. Silakan Setiausaha Dewan.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, usul nombor 51 Tahun 2014, Usul Penggantian Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan ketelusan, *Special Select Committee on Competent Accountability and Transparency* SELCAT.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian,

“bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa pertama:

- 1) Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam, Ahli Dewan Negeri kawasan Seri Andalas dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali, Ahli Dewan Negeri kawasan Bukit Antarabangsa;
- 2) Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, Ahli Dewan Negeri kawasan Taman Medan dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa

menggantikan Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Ahli Dewan Negeri kawasan Seri Setia.

- 3) Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah, Ahli Dewan Negeri kawasan Bangi dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Dr. Abdul Rani bin Osman, Ahli Dewan Negeri kawasan Meru di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan atau *Special Select Committee on Competent Accountability and Transparency* atau SELCAT.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. Saya buka untuk perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu usul yang berbunyi:

“bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa:

- 1) Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam, Ahli Dewan Negeri kawasan Seri Andalas dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali, Ahli Dewan Negeri kawasan Bukit Antarabangsa:
- 2) Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, Ahli Dewan Negeri kawasan Taman Medan dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Ahli Dewan Negeri kawasan Seri Setia.
- 3) Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah, Ahli Dewan Negeri kawasan Bangi dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Dr. Abdul Rani bin Osman, Ahli Dewan Negeri kawasan Meru di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban

dan Ketelusan, *Special Select Committee on Competent Accountability and Transparency* atau SELCAT.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI DEWAN:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, usul nombor 52 Tahun 2014, usul Penggantian Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa:

- 1) Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail, Ahli Dewan Negeri kawasan Seri Serdang dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Razaly bin Hassan, Ahli Dewan Negeri kawasan Dusun Tua;
- 2) Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan, Ahli Dewan Negeri kawasan Batang Kali dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Ahli Dewan Negeri kawasan Seri Setia di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. Saya buka untuk perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa:

- 1) Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail, Ahli Dewan Negeri kawasan Seri Serdang dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Razaly bin Hassan, Ahli Dewan Negeri kawasan Dusun Tua.
- 2) Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan, Ahli Dewan Negeri kawasan Batang Kali dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Ahli Dewan Negeri kawasan Seri Setia di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI DEWAN:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat yang seterusnya, usul nombor 53 Tahun 2014, usul Penggantian Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Dewan.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa:

- 1) Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah, Ahli Dewan Negeri kawasan Bangi dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Setia;
- 2) Y.B. Tuan Ng Suee Lim, Ahli Dewan Negeri kawasan Sekinchan dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Dr. Abdul Rani bin Osman, Ahli Dewan Negeri kawasan Meru di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Dewan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Saya buka untuk perbahasan. Baiklah, ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ialah suatu usul yang berbunyi bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa:

- 1) Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah, Ahli Dewan Negeri kawasan Bangi dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Setia;
- 2) Y.B. Tuan Ng Suee Lim, Ahli Dewan Negeri kawasan Sekinchan dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Dr. Abdul Rani bin Osman, Ahli Dewan Negeri kawasan Meru di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Dewan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI DEWAN :** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, usul nombor 54 Tahun 2014, usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor, *Select Committee on Raw Water Resources Management of the State of Selangor*, (JPK-SAM).

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah

Selangor atau *Select Committee on Raw Water Resources Management of the State of Selangor*-(JPK-SAM).

Jawatankuasa JPK-SAM ini adalah untuk memantau selia dan memeriksa segala hal ehwal pengurusan sumber air mentah dari segi perancangan, pengendalian, penyelenggaraan dalam segala urusan pentadbiran Lembaga Urus Air Selangor atau LUAS. Semua Agensi-agensi, Badan-badan Berkanun, Pihak-pihak Berkuasa dan Pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengan atau di bawah pentadbiran Negeri Selangor termasuk tanggungjawab untuk memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber air negeri termasuk lembangan sungai, air bumi dan permukaan tasik, kolam dan bekas lombong serta persisiran pantai Negeri Selangor terjaga dan memastikan bekalan air mentah sentiasa mencukupi untuk kegunaan rakyat jelata supaya tiada catuan air berlaku. Dengan ini, saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor atau *Select Committee on Raw Water Resources Management of the State of Selangor*, JPK-SAM bagi Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas.

Pengerusi:

Y.B. Puan Yeo Bee Yin,  
Ahli Dewan Negeri kawasan Damansara Utama.

Ahli-ahli:

- 1) Y.B. Tuan Xavier Jayakumar a/l Arulanandam  
Ahli Dewan Negeri kawasan Seri Andalas
- 2) Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad  
Ahli Dewan Negeri kawasan Ijok
- 3) Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah  
Ahli Dewan Negeri kawasan Bangi
- 4) Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran

Ahli Dewan Negeri kawasan Bukit Gasing

- 5) Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak  
Ahli Dewan Negeri kawasan Permatang
- 6) Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah  
Ahli Dewan Negeri kawasan Bukit Melawati

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan. Baiklah, ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor, *Select Committee on Raw Water Resources Management of the State of Selangor*, JPKSAM. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI DEWAN:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat yang seterusnya, usul untuk menangguhkan Dewan.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persidangan kita telah pun tamat, dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sehingga suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Pada kesempatan di penghujung sesi pada kali ini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Y.B. yang telah mengambil bahagian secara aktif dalam perbahasan dan juga sesi soal jawab. Saya mendapati sesi kali ini telah menampilkan Ahli-ahli Y.B. dengan hujah-hujah yang cukup baik, cukup kuat dan

menunjukkan kematangan Ahli-ahli Y.B. untuk melibatkan diri secara aktif dalam perbahasan dewan negeri ini seperti yang dititahkan oleh DYMM Tuanku supaya menjadikan dewan negeri ini sebuah dewan yang cukup mulia dengan perbahasan yang cukup baik bagi menjamin kesejahteraan rakyat di negeri Selangor. Yang kedua, seperti yang telah kita persetujui sebentar tadi, pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa yang baru, ya, dalam beberapa Jawatankuasa yang penting, pertama Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan, Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah Dan Tanah (JP-PADAT), Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT), Jawatankuasa Pilihan Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS), Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan bertanggungjawab dan ketelusan atau SELCAT, Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan, Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Dewan dan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Negeri Selangor. Ini menunjukkan jawatankuasa yang dibentuk oleh dewan ini membuktikan bahawa kesungguhan kita untuk melibatkan semua ahli-ahli Y.B. dalam memberikan pandangan-pandangan yang baik bagi memastikan perjalanan dewan ini lebih efektif dan bertanggungjawab. Jadi saya berharap kesemua anggota-anggota yang telah pun diberikan amanah menduduki jawatankuasa-jawatankuasa ini dapat segera mengadakan mesyuarat dan perbincangan, dan mengemukakan pandangan-pandangan untuk dipertimbangkan oleh dewan yang mulia ini. Akhirnya saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai dan anggota perkhidmatan awam, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi, Yang Dipertua-Yang Dipertua Majlis Perbandaran dan PBT yang telah memberikan khidmat dan kerjasama yang terbaik dalam memastikan dasar-dasar Kerajaan Negeri dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Harapan kita atas perbahasan yang kita dengar sendiri semenjak dua minggu yang lepas, kita mahu semua penyata-penyata yang telah dibentangkan itu akan diberikan maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan dan saya percaya perkara ini akan dilaksanakan sepenuhnya. Dan akhirnya seperti yang telah saya tegaskan tadi sementara belanjawan yang dibentangkan itu satu belanjawan yang cukup padat dan menyeluruh tetapi cabaran utama Kerajaan Negeri pada hari ini adalah untuk memastikan pelaksanaan dasar-dasar itu dapat diterjemahkan dalam bentuk program yang

dapat memberikan manfaat yang terbaik. Untuk maksud itu saya memohon kerjasama daripada Ahli-ahli Y.B. pegawai-pegawai kerajaan, Ketua-ketua Jabatan untuk bersama-sama meneliti setiap perkara yang telah kita bahaskan, dan kita janjikan dalam belanjawan ini, dan ianya dapat diterjemahkan dalam bentuk program untuk tempoh tahun 2015 yang akan datang. Mudah-mudahan Allah memberikan kekuatan kepada kita semua untuk terus istiqamah dalam perjuangan ini dan mudah-mudahan sidang kali ini akan diberkati dan dapat kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita dengan lebih baik lagi. Terima kasih Y.B. Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Puan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Ahli-ahli Y.B. sekalian, sebelum saya menangguhkan persidangan ini, saya mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Y.B. Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan atas kerjasama yang telah diberikan, bagi melicinkan perjalanan mesyuarat ketiga Persidangan Penggal Kedua kali ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha Dewan, Urus setia, Pelapor-pelapor dan semua petugas yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan lancar. Untuk makluman semua, kali ini kami telah menjawab 225 soalan mulut secara total. Kepada semua Ahli Y.B. sila semak draf penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Y.B. dan kembalikan semula ke Pentadbiran Dewan sekiranya terdapat sebarang pembetulan agar penyata rasmi ini dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Y.B. sekalian. Dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini hingga kesuatu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan jam 4.45 petang )**